



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Melanjutkan Masa Mesyuarat Dewan [Ruangan 10465]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10465]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 47 dan B. 48 [Ruangan 10512]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990

Jawatankuasa—

Maksud P. 47 dan P. 48 [Ruangan 10512]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-
HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO,
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M.,
S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN
YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO, NG CHENG KUAL, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- .. TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

Yang Berhormat DR V. DAVID (Puchung).

- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- .. DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KETINGAN (Keningau).
- .. TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

Yang Berhormat DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 11hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA**

**MELANJUTKAN MASA
MESYUARAT DEWAN**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato
Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**
Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin
memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat
bahawa Mesyuarat Dewan hari ini
mungkin dilanjutkan selepas jam 6.30
petang untuk membolehkan Dewan
membahaskan peruntukan bagi empat
Kementerian yang berikut:

1. Kementerian Pengangkutan;
2. Kementerian Tenaga, Telekom
dan Pos;
3. Kementerian Kebajikan Masya-
rakat; dan
4. Kementerian Kerjaraya.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PELABUHAN/LAPANGAN
TERBANG—PEMBINAAN/
KEMUDAHAN**

1. Tuan Mutang Tagal minta Menteri
Pengangkutan menyatakan apakah
langkah positif yang diambil oleh

Kerajaan untuk menaikkan taraf dan
mutu Pelabuhan Kelang, Pulau Lumut,
Butterworth Container Terminal,
Pelabuhan Johor, Lapangan Terbang
Subang, Lapangan Terbang Bayan
Lepas, Lapangan Terbang Kuantan,
Lapangan Terbang Bintulu dan
Lapangan Terbang Sibul supaya
Pelabuhan dan Lapangan Terbang dapat
menampung kenaikan kemasukan
pelancong dan kargo ke negara kita
menjelang tahun 1990an. Nyatakan
jumlah kewangan yang akan dibelanja-
kan. Bilakah zon cukai bebas yang kedua
dilaksanakan di Lapangan Terbang
Subang dan bilakah sembilan belas
lapangan kapal terbang di seluruh negara
akan diswastakan. Selain daripada
Kontena Nasional, Konsortium
Perkapalan Berhad dan Shapadu
Kontena, adakah Kerajaan bercadang
supaya syarikat lain diberi peluang untuk
memberi perkhidmatan yang sama.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Datin Paduka Hajjah Zaleha binti
Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, dari masa
ke semasa Kerajaan memang mengkaji
kemudahan-kemudahan yang terdapat di
sesuatu pelabuhan ataupun lapangan
terbang. Jika perlu, kemudahan-
kemudahan ini akan dipertingkatkan
atau diperluaskan.

Bagi pelabuhan-pelabuhan, Kerajaan
telah bersetuju dengan beberapa projek
pembesaran iaitu:

- (i) Pembinaan kemudahan-ke-
mudahan pelabuhan termasuk
pembinaan jalan di Pulau Lumut
dengan anggaran kos \$450.9
juta;

- (ii) Pembinaan 2 dermaga dengan kemudahan-kemudahan berkaitan di bawah projek pembesaran Fasa III untuk Pelabuhan Johor dengan anggaran kos \$120.5 juta;
- (iii) Pembinaan pengkalan kontena di Butterworth Utara dengan anggaran kos sebanyak \$287.5 juta.

Kerajaan juga sentiasa mengawasi mutu perkhidmatan pelabuhan dan satu cara untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan di pelabuhan ialah melalui penswastasaan.

Untuk tujuan ini sebahagian operasi Pelabuhan Kelang telah diswastakan dan tindakan sedang diambil untuk menswastakan bagi operasi Pelabuhan Kelang dan juga pelabuhan-pelabuhan lain.

Bagi lapangan-lapangan terbang, Kerajaan telah pun melaksanakan kerja-kerja pembaikan di lapangan-lapangan terbang.

Bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, ia telah di pertingkatkan keupayaannya dengan siapnya kerja-kerja seperti penurapan landasan, peningkatan taraf landasan dan taxiway dan peningkatan lampu landasan pada pertengahan tahun 1989. Selain daripada itu, beberapa kemudahan sedang dipertingkatkan.

Bagi Lapangan Terbang Bayan Lepas, satu kompleks kargo yang baru akan dibina oleh MAS. Selain daripada itu kerja-kerja pembaikan ke atas landasan, parking apron dan taxiway juga sedang dilaksanakan. Lapangan Terbang Kuantan pula akan diperbesarkan bagi membolehkan pendaratan pesawat Boeing 747. Landasan Lapangan Terbang Bintulu pula telah diturap pada tahun 1988. Bagi Lapangan Terbang Baru Sibul, peringkat pembinaan Lapangan Terbang ini ditapak yang baru akan bermula pada tahun 1990. Sementara menunggu projek baru ini siap pada tahun 1993 landasan yang sedia ada akan diperbaiki.

Kos yang terlibat bagi mempertingkatkan dan pembinaan lapangan-lapangan terbang ini adalah seperti berikut:

- (a) Lapangan Terbang Antarabangsa Subang — \$67,750,000
- (b) Lapangan Terbang Bayan Lepas termasuk pembinaan kompleks kargo — \$26,650,000
- (c) Lapangan Terbang Kuantan — \$47,690,000
- (d) Lapangan Terbang Bintulu — \$ 700,000
- (e) Lapangan Terbang Baru Sibul — \$90,000,000

Mengenai Zon Bebas Cukai yang kedua bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, keperluan ini tidak timbul pada peringkat ini. Kompleks kargo yang sedia ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang merupakan kawasan bebas cukai (bounded area) mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menampung keperluan bagi beberapa tahun yang akan datang.

Berhubung dengan penswastasaan 19 buah Lapangan Terbang, Kerajaan telah bersetuju untuk memperbadankan lapangan-lapangan terbang pada tahun 1990. Untuk tujuan ini, perkara-perkara berkaitan dengan aspek perundangan, serta bilangan lapangan terbang yang akan diperbadankan sedang dikaji oleh Kerajaan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawasan bebas cukai ini. Saya ingin bertanya kenapakah barang-barang yang duty free, dengan izin, yang dijual di Lapangan Terbang Subang, tempat penjualan pindah ke sayap kiri yang dikatakan oleh pihak penjual itu tidak menarik, ramai para pembeli, kerana ianya dilalui, dilintasi oleh para penumpang sepatutnya di tengah-tengah.

Yang keduanya, saya dapati tadi daripada penjelasan Yang Berhormat Berhormat Timbalan Menteri bahawa peruntukan bagi Bintulu itu hanya \$700,000. Saya rasa ini tidak cukup, itu yang pertama.

Yang keduanya, oleh kerana didapati selama ini penerbangan ke Bintulu itu penuh, hampir tiap-tiap hari kadangkadangkang orang tunggu tiga hari tidak dapat. Bukan hanya masa sekolah cuti tetapi masa sekolah tidak bercuti pun. Jadi, oleh kerana ini saya bertanya kepada Yang Berhormat, bilakah agaknya Airport Bintulu dibuat dilaksanakan pelaksanaannya dan bilakah siapnya Lapangan Terbang Sibul yang bermula tahun 1990 yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kedai duty free atau barang-barang bebas cukai telah dipindahkan kerana di situ ada peruntukan ruangnya kerana kita hendak memperluaskan ruang itu dan pada penglihatan saya tempat itu popular, saya juga ada pergi ke lapangan terbang ulang alik atau sengaja melawat, saya tengok ramai orang ada di situ. Dan tempat di tengah-tengah itu di ruang yang dahulu itu tidak mencukupi lagi kalau kita hendak memperbesarkan ruang seperti yang ada pada masa ini.

Yang keduanya mengenai peruntukan Lapangan Terbang Bintulu, untuk maklumat Yang Berhormat adalah untuk menurap landasan \$700 ribu. Sekiranya ada keperluan-keperluan lain pada tahun hadapan dan seterusnya, ianya akan dipertimbangkan. Dan mengenai Lapangan Terbang Bintulu yang dikatakan penerbangannya penuh sesak, setakat ini mengikut apa yang kami kaji, kami teliti penerbangan itu masih mencukupi. Saya ingat juga ada Yang Berhormat sendiri menulis surat kepada Pengarah Urusan MAS menyatakan ada satu penerbangan Yang Berhormat seorang diri sahaja charter "flight" itu-dari Kuala Lumpur ke

Bandar Kunching—tetapi kita tidak mahu kejadian seperti itu di tempat-tempat lain kerana baru-baru ini semasa Kementerian mengadakan seminar di Pulau Langkawi juga terjadi perkara-perkara seperti ini di mana penerbangan tidak penuh. Tetapi apabila ada orang memohon untuk mendapatkan tempat dikatakan tidak ada "seat", ini mungkin ada satu perkara yang pihak agen-agen sendiri buat "block booking" dan tidak menyerahkan balik kepada MAS pada ketika yang semestinya. Jadi, ini saya sedang kaji dengan teliti supaya perkara-perkara yang tidak mencukupi tempat duduk dan yang ada tempat duduk kosong ini tidak berlaku lagi. Berkenaan dengan Lapangan Terbang Sibul . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Belum habis lagi, Yang Berhormat?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Lapangan Terbang Sibul ada tadi disebutkan, ya. Lapangan Terbang Sibul saya telah sebutkan dalam jawapan saya tadi iaitu menunggu projek ini siap pada tahun 1993.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa jalan masuk-keluar Pelabuhan Butterworth tidak mencukupi untuk menampung lalulintas, terutama sekali kargo-kargo kontena. Jika beliau sedar, bolehkah saya bertanya bilakah jalan baru yang dicadangkan akan dibina?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jalan bukanlah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan walaupun kami Kementerian Pengangkutan. Tetapi jalan-jalan adalah tanggungjawab Kementerian lain. Namun begitu, saya mengambil soalan Yang Berhormat itu untuk dikemukakan kepada pihak yang berkenaan dan mengkaji kedudukan yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan tidak hadir).

HUTAN MALAYSIA YANG BELUM DITEBANG

4. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah hektar kawasan hutan Malaysia yang belum ditebang mengikut negeri;
- (b) apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan tebanan kayu-kayan kita; dan
- (c) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan ke atas orang-orang Penan (Sarawak) dan lain-lain yang menghalang pihak kontraktor menebang kayu-kayan di kawasan mereka.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya akan menjawab angka-angka itu daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak oleh kerana saya hendak baca satu-satu setiap negeri panjang sangat. Kalau Yang Berhormat berminat nanti, saya akan hantar secara bertulis.

- (a) Jumlah kawasan hutan Malaysia yang belum ditebang mengikut negeri adalah seperti berikut:

Semenanjung	
Malaysia	— 3.1 juta hektar
Sabah	— 1.5 juta hektar
Sarawak	— 6.23 juta hektar

(b) Kerajaan memang sedar pentingnya sumber-sumber hutan khususnya bagi pembangunan sosio-ekonomi negara dan juga bagi menjaga kestabilan alam sekitar. Oleh yang demikian, banyak langkah telah pun diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pengurusan sumber hutan diuruskan secara berkekalan. Antara langkah yang telah diambil untuk mengurangkan tebanan kayu-kayan adalah seperti berikut:

- (i) menetapkan catuan tebanan tahunan, berdasarkan kepada keluasan Hutan Simpanan Kekal yang sedia ada di setiap negeri mengikut konsep pengurusan hutan secara berkekalan;
- (ii) menghasilkan kawasan hutan di tanah Kerajaan yang akan dimajukan untuk tujuan pertanian secara berperingkat dan terancang. Langkah ini akan memastikan keluaran kayu balak yang terkawal dan teratur untuk memenuhi keperluan industri berasaskan kayu tempatan serta menjamin dan menggalakkan penggunaan kayu-kayan yang maksimum;
- (iii) menggalakkan penggunaan balak-balak yang berukuran kecil, khususnya dari kawasan hutan yang dimajukan untuk tujuan pertanian;
- (iv) menggalakkan penggunaan jenis-jenis kayu yang kurang digunakan bagi mengurangkan tumpuan kepada jenis kayu yang terkenal;

- (v) mempertingkatkan industri-industri berasaskan kayu utama seperti kilang papan dan kilang papanlapis;
 - (vi) menitikberatkan pemrosesan kedua dan ketiga dengan tujuan mempelbagaikan keluaran hutan yang mempunyai nilai tokok iaitu "value-added"; dan
 - (vii) menggalakkan penggunaan kayu getah dalam industri berasaskan kayu.
- (c) Mengenai tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak terhadap orang-orang yang menghalang kontraktor menebang kayu adalah mengikut peruntukan undang-undang yang terkandung di dalam Kanun Tanah Negeri Sarawak, Ordinan Hutan dan Ordinan-Ordinan lain yang berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Lim Guan Eng tidak hadir).

MAS—TANGGAGAJI JURUTERA

6. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pengangkutan menyatakan tanggungaji dan lain-lain kemudahan untuk jurutera-jurutera yang berkhidmat dengan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Kenapakah terdapat beberapa orang jurutera MAS telah meletak jawatan dan berpindah ke syarikat-syarikat penerbangan asing seperti Royal Brunei Airlines, Ansett dan sebagainya.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tanggungaji jurutera (licensed aircraft engineer), dengan izin, yang berkhidmat dengan

Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) adalah sebanyak \$1,285 gaji permulaan dan \$2,516 gaji maksima. Selain daripada gaji, lain-lain kemudahan yang disediakan kepada jurutera MAS adalah:

- (i) elaun sebanyak \$60-\$210 bagi setiap lesen yang diperolehi;
- (ii) tambang percuma dan "rebated";
- (iii) kemudahan rawatan perubatan;
- (iv) cuti tahunan;
- (v) latihan dalam perkhidmatan; dan
- (vi) pinjaman untuk membeli kereta, komputer dan peribadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara sebab-sebab yang dikesan, mengapa terdapat sebilangan jurutera-jurutera MAS meletak jawatan adalah kerana "penghijrahan keluar negeri" dan ganjaran yang lebih menarik yang ditawarkan oleh beberapa syarikat penerbangan asing di luar negeri.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa sebab-sebab kenapakah setengah-setengah jurutera MAS berpindah ke negara-negara asing bukanlah disebabkan oleh kerana kemudahan-kemudahan yang lebih menarik tetapi oleh kerana satu tindakan yang tidak saksama yang diberikan kepada setengah-tengah jurutera yang berkhidmat maka mereka terpaksa mengundurkan diri dan mencari kerja di tempat-tempat yang lain. Adakah ini benar?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar mengenai tindakan yang tidak saksama yang diberikan kepada mereka. Namun begitu, pada pendapat saya bilangan yang berhijrah pun kalau dibandingkan dengan jumlah jurutera yang masih berkhidmat, yang masih dalam latihan, ianya terlalu kecil kerana 12 orang sahaja yang telah meletak jawatan mencari kerja-kerja yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib tidak hadir).

HOSPITAL BESAR/HOSPITAL DAERAH/DISPENSARI DI PEKAN KENINGAU

8. Tuan Taiman bin Lumaing minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada pihak Kementerian Kesihatan mempunyai cadangan untuk membina perkara-perkara seperti berikut:

- (a) sebuah Hospital Besar "Baru" di Pekan Keningau untuk menggantikan hospital daerah "Tua" sekarang;
- (b) dua buah dispensari di Mukim Pengalungan, Pensiangan dan Kg. Ponontomon, Nabawan; dan
- (c) dua hospital daerah, Pekan Nabawan dan pekan Baru Sook.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Kesihatan mencadangkan sebuah hospital untuk menggantikan Hospital Daerah Keningau yang telah dibina pada tahun 1957. Ekoran daripada pemberian peruntukan yang terhad pembinaan hospital baru ditumpukan kepada kawasan-kawasan di mana keperluan lebih mendesak dari segi perkembangan penduduk, ketiadaan kemudahan kesihatan setempat dan kesulitan mendapatkan kemudahan kesihatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan mengkaji semula bagi menggantikan Hospital Daerah Keningau dan pembinaannya akan diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

- (b) Bagi projek hospital daerah di Pekan Nabawan atau Pensiangan dan Pekan Baru Sook serta dua buah dispensari di Mukim Pengalungan di Pensiangan dan Kg. Penontomon di Nabawan, Kementerian ini akan mengkaji semula keutamaan bagi pembinaan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Taiman bin Lumaing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa perhatian akan diberi dalam Rancangan Malaysia Keenam. Saya berpendapat bahawa perkara-perkara yang saya bangkitkan ini adalah perkara yang sangat mendesak yang dikehendaki oleh rakyat di kawasan saya. Walau pun penduduk di kawasan saya itu adalah bertaburan di merata tempat, namun demikian keperluan kesihatan adalah sangat-sangat dikehendaki dan sangat mendesak di kawasan saya.

Jadi, soalan saya, adakah pihak Kementerian Kesihatan mengkaji semula walaupun Yang Berhormat mengatakan tadi mengkaji semula tetapi saya minta gar rancangan pembinaan hospital daerah Keningau ini dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima ini dan begitu juga pembinaan hospital baru di pekan Baru Sook dan Nabawan yang sangat mendesak dan saya minta bolehkah Yang Berhormat ataupun pihak Jabatan Kesihatan untuk mengkaji semula supaya dapat dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini.

Saya juga ingin bertanya apakah rancangan pihak Kementerian Kesihatan yang telah dirancang ataupun projek-projek yang telah dikenalpasti hendak diadakan ataupun dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima di kawasan saya ini ataupun dalam negeri Sabah. Saya juga meminta berapa kos jumlah perbelanjaan semua rancangan-rancangan yang telah dikenalpastikan.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pensiangan dan sukalah saya katakan di sini bahawa Kementerian saya sentiasa mengambil berat perkara-perkara yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sabah.

Untuk hospital daerah Keningau dan Sook yang disebutkan tadi dalam soalan tambahan, sukarlah kita untuk melaksanakan dalam Rancangan Malaysia kelima atas sebab-sebab yang telah diterangkan tadi oleh saya. Tetapi kita memberikan keutamaan kepada hospital Keningau walaupun daripada garis-panduan ataupun kriteria yang dikenakan oleh Kementerian saya ialah untuk membina satu hospital daerah, itu adalah terpulang ataupun berdasarkan kepada jumlah penduduk-penduduk di kawasan itu. Kalau satu daerah ada 100,000 penduduk, kita beri keutamaan. Tetapi oleh sebab keadaan di Sabah tidak sama, kita melonggarkan syarat itu untuk negeri Sabah. Tadi saya sebutkan bahawa kita beri keutamaan dan saya hendak tekankan di sini kita memberikan keutamaan yang tinggi dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk membina satu hospital baru di Keningau.

Daripada maklum balas yang diterima oleh saya, saya diberitahu pada masa ini tapak tanah untuk hospital baru ini hampir dikenalpastikan. Kita akan memberi keutamaan yang tinggi seperti yang disebutkan tadi, kalau diluluskan satu peruntukan yang amat besar akan diperuntukkan untuk hospital baru ini, kalau tidak salah peruntukan yang diperolehi oleh Kementerian saya ialah hampir \$50 juta untuk kawasan Yang Berhormat.

Mengenai hospital Sook kita tidak ada rancangan pada masa ini untuk membina satu hospital, sebab Sook di dalam daerah Keningau. Kalau Sook di bawah daerah Keningau, kita rancangkan satu hospital baru tidak payahlah kita membina lagi satu hospital untuk

kawasan yang sama. Betul atau tidak, Yang Berhormat?

Mengenai projek-projek yang telah diluluskan untuk Sabah dalam Rancangan Malaysia Kelima, sukalah saya katakan di sini kita sudah meluluskan sebanyak \$57 juta untuk seluruh negeri Sabah.

Mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk Daerah Keningau, kawasan Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kelima kita akan membina satu klinik desa di Sinagung dan Baginda dengan peruntukan sebanyak \$166,000. Kedua-dua klinik ini akan disiapkan pada bulan Jun tahun 1990. Kita sedang membina sebuah rumah kakitangan untuk hospital daerah Keningau. Kosnya sebanyak \$860,000. Ini akan disiapkan pada penghujung tahun akan datang.

Untuk kawasan daerah Nabawan, kita ada beberapa kemudahan yang sedang dibina. Antara lain ialah satu Pusat Kesihatan Fasa I di Sepulut. Kosnya sebanyak \$950,000 dan ini akan disiapkan pada penghujung tahun ini juga. Satu lagi klinik desa di Pengalungan dengan kosnya sebanyak \$166,000 yang akan disiapkan pada tahun ini juga. Itulah maklumat-maklumat dan berita-berita baik yang saya boleh kemukakan kepada Yang Berhormat dari Pensiangan.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, Kerajaan Pusat telah mengagihkan peruntukan sebanyak \$57 juta untuk membina rumah-rumah baru di seluruh Sabah. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan tempat projek-projek tersebut diletakkan?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan tambahan ini amat luas, sebab dia hendakkan saya menyenaraikan kemudahan-kemudahan yang diberi untuk seluruh negeri Sabah,

saya minta maaf sebab ini terkeluar daripada soalan pokok tetapi kalau Yang Berhormat masih berminat, silalah berhubung dengan saya di Kementerian saya.

PENSWASTAAN PROJEK- PROJEK

9. Tuan Chew Kam Hoy minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) senarai dan butir-butir jabatan dan perusahaan awam dan projek-projek yang telah di-swastakan, termasuk maklumat mengenai pemilik baru atau kontraktor yang mengendalikannya;
- (b) apakah harga jualan serta syarat penswastakan lain bagi setiap kes; dan
- (c) bagaimanakah keputusan penswastakan ditentukan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini 23 perkhidmatan ataupun syarikat Kerajaan dan syarikat usahasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan telah di-swastakan yang melibatkan perusahaan-perusahaan pengangkutan, pembinaan, pertanian, perhubungan, utility dengan izin, dan perkhidmatan. Oleh kerana senarai projek dan butir-butir seperti nilai projek dan pemilik baru kalau hendak dibacakan akan memakan masa, senarai lengkap akan dihantar kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Mengenai soalan selanjutnya, umumnya penswastakan akan melibatkan pemindahan dari segi pengurusan aset dan kakitangan kepada sektor swasta. Syarat-syarat yang dikenakan bagi setiap kes adalah berbeza mengikut kaedah-kaedah penswastakan yang dilaksanakan. Dari segi pemindahan pengurusan,

syarat-syarat yang dikenakan bergantung kepada sama ada penswastakan melibatkan pemindahan pengurusan secara terus ataupun kontrak pengurusan. Bagi kes di mana pengurusan dipindahkan secara terus tanggungjawab Kerajaan dari segi perjalanan syarikat ataupun projek dari segi mengutip hasil dan pembiayaan operasi dan sebagainya dipindahkan kepada sektor swasta sepenuhnya.

Sementara bagi kes kontrak pengurusan pula pihak swasta hanya akan menguruskan organisasi aktiviti berkaitan dengan pembayaran pengurusan yang dipersetujui. Dalam hubungan ini segala harta organisasi dan hasil yang diterima adalah dimiliki oleh Kerajaan sepenuhnya di samping kakitangan organisasi berkenaan akan dapat mempelajari kepakaran pengurusan dari syarikat berkenaan.

Dari segi pemindahan aset syarat-syarat yang dikenakan adalah bergantung sama ada aset-aset tersebut dipindahkan secara jualan terus, pajakan, sewa dan lain-lain. Bagi kes di mana aset-aset dipindahkan secara pajakan, pihak swasta berkenaan akan diberi hak untuk menggunakan aset-aset tersebut seperti tanah, bangunan, peralatan dan lain-lain dengan dikenakan bayaran pajakan. Manakala kes-kes di mana aset-aset berkenaan dijual secara terus, pihak swasta dikehendaki membayar harga pasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Dari segi kakitangan, terdapat kaedah penswastakan yang tidak mensyaratkan pemindahan kakitangan seperti kontrak pengurusan dan terdapat juga kaedah yang mensyaratkan seperti penjualan terus. Bagi kes di mana penswastakan melibatkan kakitangan Kerajaan, pihak swasta dikehendaki mengambilalih kesemua kakitangan yang terlibat dengan agensi/aktiviti yang di-swastakan dengan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya berbanding dengan perkhidmatan mereka dengan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat dua kaedah bagi menswastakan sesuatu projek. Pertama, jika projek itu dikenalpasti oleh Kerajaan ianya akan dijalankan secara tender terbuka. Sebaliknya jika sesuatu projek itu dikenalpasti oleh sektor swasta, prinsip "yang dahulu didahulukan" akan diikuti. Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu projek diswastakan, tidak kira sama ada dikenalpasti oleh Kerajaan atau pihak swasta, satu kajian kemungkinan akan dijalankan sama ada oleh Kerajaan atau pihak swasta untuk menentukan penswastakan projek berkenaan berdaya maju.

Penilaian ke atas cadangan penswastakan bagi kedua-dua kaedah di atas akan dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Pertamanya, setiap cadangan tersebut akan dinilai secara terperinci oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal mengenai projek penswastakan berkenaan. Seterusnya Jawatankuasa Teknikal akan membuat perakuan kepada Jawatankuasa Antara Jabatan mengenai penswastakan. Selanjutnya perakuan ke atas sesuatu cadangan tersebut dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mendapat kelulusan Kerajaan sewajarnya sebelum ianya dilaksanakan.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Andainya satu-satu syarikat Kerajaan ataupun agensi Kerajaan yang sedang mengeluarkan sesuatu barangan secara monopoli selama ini diswastakan, adakah Kerajaan akan memberi perlindungan untuk syarikat yang menswastakan pengeluaran ataupun aktiviti itu daripada saingan-saingan dari luar negeri khususnya multi-national. Kalau ada, apakah bentuk perlindungan yang akan diberi oleh pihak Kerajaan.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar rungutan-rungutan yang mengatakan bahawa Jabatan-jabatan yang berkenaan tidak dirujuk terlebih dahulu oleh pihak EPU yang

menerima cadangan-cadangan penswastakan dari syarikat-syarikat yang berkenaan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan pertama itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa dan cara-caranya juga akan diberi penentuan oleh Jawatankuasa yang berkenaan.

Berkenaan dengan rungutan yang mengatakan bahawa tidak ada Jabatan-jabatan yang mendapat tahu tentang perkara ini, ini adalah tidak benar kerana Kerajaan telah pun ada mengedarkan satu circular, dengan izin, bahawa semua proses penswastakan mestilah dimulakan di pusat inisiation, dengan izin, di Economic Planning Unit, Jabatan Perdana Menteri yang mana semua pihak secara automatik akan dapat makluman atau maklumbalas.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan bahawa konsep penswastakan ini mempunyai implikasi yang amat luas, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai Pelan Induk Penswastakan yang saya difahamkan adalah dalam peringkat terakhir. Saya ingin mendapat tahu sama ada apabila Pelan Induk Penswastakan ini telah disiapkan, pelan induk ini akan dibincangkan oleh orang ramai agar orang ramai dapat menyampaikan pandangan mereka kepada pihak Kerajaan. Saya juga ingin mendapat tahu sama ada Jawatankuasa Kabinet yang telah ditubuh untuk mengkaji masalah penswastakan sama ada Laporan Kabinet ini akan diumumkan demi kepentingan orang ramai.

Yang kedua ialah apakah langkah yang dapat diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan bahawa suatu mekanisme peraturan yang baik dapat diwujudkan untuk mengelakkan penswastakan akan menimbulkan monopoli seperti apa yang telah berlaku dengan STM ini.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kajian pelan induk sudah sampai ke peringkat laporan akhir dengan objektif yang telah ditetapkan mengapa kajian pelan induk itu dijalankan. Walau bagaimanapun, mengenai sama ada ia akan dibincangkan akan ditentukan oleh pihak Kabinet. Mengenai Jawatankuasa Kabinet, perkara ini juga akan diputuskan oleh pihak Kerajaan sama ada perlu disampaikan dan diumumkan.

Berkenaan dengan langkah-langkah mengenai untuk memastikan supaya mekanisme itu akan dapat dipertingkatkan, perkara ini akan sentiasa diambil kira dan diberi perhatian dan dari masa ke semasa memang diperkenalkan beberapa prosedur demi untuk mengelakkan perkara masalah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Namun demikian, daripada beberapa projek yang setakat ini telah diswastakan tidak terdapat monopoli seperti yang dikatakan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan setakat mana kajian kemungkinan telah dijalankan terhadap cadangan atau ura-ura Kerajaan hendak menswastakan sepenuh perkhidmatan pendidikan dalam negara, termasuk menswastakan universiti-universiti, kolej-kolej teknik, sekolah-sekolah vokasional dan sekolah-sekolah biasa.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya kajian itu belum ada dijalankan.

PENGEDAR DADAH—JUMLAH WANG DIRAMPAS

10. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) jumlah wang yang dirampas daripada pengedar-pengedar dadah sehingga bulan September 1989; dan

(b) sejak Akta Dadah Merbahaya (Pindaan) diluluskan dalam tahun 1983 sama ada mana-mana hartabenda telah dirampas daripada pengedar-pengedar dan "kingpins" dadah; apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan tidak akan berlaku penyalahgunaan undang-undang tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Hussein bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

(i) Jumlah wang yang telah dirampas di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pindaan 1988) sehingga September 1989 adalah seperti berikut:

<i>Wang Tunai</i>	<i>Nilai</i>
Malaysia	M \$526,669.18
Thailand	Baht 281,812.00
Hong Kong	HK \$ 20.00
Brunei	Br \$ 20.00
Singapura	S \$ 1.00
Indonesia	Rp 10,000.00

(ii) Hartabenda yang dirampas sejak Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) diluluskan dalam tahun 1988 selain daripada wang tunai adalah seperti berikut:

<i>Hartabenda</i>	<i>Nilai</i>
Kenderaan	\$ 502,060.00
Barang kemas	\$ 54,309.00
Barang-barang elektrik	\$ 7,950.00
Telefon bergerak	\$ 28,000.00
Akaun bank	\$ 119,100.31

Setiap kes rampasan harta dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dahulu sebelum tindakan selanjutnya diambil, yakni untuk menentukan supaya tindakan-tindakan yang diambil adalah mematuhi kehendak undang-undang.

SUKAN SEA KE 15

11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan ahli sukan Malaysia dalam Sukan SEA Ke 15 Ogos lalu dapat membantu rakyat Malaysia mewujudkan perpaduan dan apakah konsep perpaduan yang boleh ditonjolkan;
- (b) dalam menjayakan Sukan SEA yang lalu itu sejauh mana rujukan dan rundingan dibuat dengan Pusat Islam bagi mendapatkan pandangannya bagi memastikan ajaran Islam dapat dihormati semasa bersukan;
- (c) Perarakan Obor telah dikritik oleh masyarakat Islam. Adakah sukan itu mensyaratkan yang mengarak obor tidak boleh ditiadakan; dan
- (d) bersetujukah Menteri berkenaan supaya perarakan obor ini tidak akan diadakan dalam acara sukan ini di masa akan datang kecuali sudah dipastikan ulama sepakat tidak membantahnya.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kejayaan ahli-ahli sukan negara dalam Sukan SEA Ke 15 baru-baru ini telah dapat membantu rakyat Malaysia mewujudkan perpaduan yang lebih jitu.

Salah satu ciri perpaduan yang dapat ditonjolkan ialah penyertaan dan penglibatan orang ramai memberi sokongan dan tepukan hangat kepada pasukan Malaysia semasa adanya pertandingan. Rakyat berbilang kaum telah berpusu-pusu dan berbaris sepanjang jalan memberi galakan dan perangsang kepada pasukan negara untuk

mencapai kejayaan. Masyarakat Malaysia telah secara spontan bertindak mengenyepikan perkauman dan benteng sempadan masing-masing untuk negara. Perpaduan kaum ini telah melambangkan suatu semangat Malaysia yang baru sedang berkembang dan dapat dicetuskan melalui temasya Sukan SEA ini.

Melalui Sukan SEA XV ini juga kita dapat menyaksikan penglibatan empat kelompok masyarakat yang penting, iaitu Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan sukan dan rakyat jelata yang telah bergerak senada seiya sekata untuk mencapai matlamat yang unggul. Belum pernah sebelum ini, terdapat kesepaduan antara Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan sukan dan seluruh lapisan rakyat jelata diintegrasikan sebagai satu ikatan yang padu, saling bergantung dan berharap antara satu sama lain dalam menjayakan satu gerak kerja untuk manfaat semua pihak.

- (b) Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA XV dalam merancangkan pesta sukan ini sentiasa membetulkan perhatian khusus bagi memastikan ajaran Islam dapat dihormati semasa bersukan sedapat mungkin.
- (c) Larian Obor telah diadakan semata-mata untuk memberi peluang kepada orang ramai yang bukan ahli sukan supaya sama-sama menyertai Sukan SEA. Disamping itu juga, melalui Larian-larian Obor segenap lapisan masyarakat telah diberi peluang menaja larian dan sumber kewangan ini akan membantu dalam pembangunan sukan. Larian Obor adalah hanya satu tradisi yang telah dilaksanakan seberapa lama dan bukan suatu kemestian.

(d) Larian Obor akan terus diadakan dari masa ke semasa.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Menteri berkenaan ada kata di sukan SEA kita ada tunjuk satu keadaan, satu semangat yang sangat baik, semangat Malaysian. Oleh sebab Menteri ini juga Menteri Belia, bolehkah semangat di Malaysia ditunjukkan daripada belia-belia di Malaysia kita untuk dapat satu semangat Malaysia, bersatu padu. Saya rasa dalam sukan SEA ada beberapa faktor-faktor mewujudkan semangat-semangat Malaysian. Bolehkah faktor-faktor ini dilakukan dalam lain-lain lapangan belia?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan kita dalam bidang sukan juga melibatkan penyertaan kaum belia khususnya. Dan dari segi pendekatan kita dalam pembangunan masyarakat belia, kita sentiasa menekankan betapa perlunya perpaduan diutamakan. Satu ciri yang penting yang boleh membantu pihak Kerajaan jika parti Pembangkang kurang meniupkan perasaan perkauman.

Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah sehingga kini perarakan Obor itu pihak Kementerian telah menerima kritikan daripada orang ramai ataupun sengaja disalahsangkakan sepertimana yang ada dalam soalan asal? Kalau ya, adakah perarakan Obor ini mengandungi maksud mengagung-agungkan Obor itu atau sebagai lambang sahaja dengan tidak ada niat untuk mengagungkan Obor itu?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Larian Obor ini semata-mata sebagai simbol, tradisi kesukanan atas semangat Olympik sahaja. Tidak ada tujuan menyalahi dari segi akidah ataupun sebaliknya.

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah strategi-strategi yang buat jangka masa panjang dan jangka masa pendek untuk mengekalkan semangat ke Malaysian yang tersebut tadi, rasa saya semangat ke Malaysian ini sebenarnya lahir dari hati nurani rakyat dengan secara otomatis, bukan melalui paksaan ataupun melalui penggubalan undang-undang.

Yang keduanya, adakah Kementerian bercadang untuk menganjurkan lebih banyak lagi temasya-temasya sukan antarabangsa atau sukan-sukan serantau?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menerima hakikat bahawa bidang sukan merupakan satu bidang yang amat berkesan ke arah pemupukan perpaduan dan integrasi nasional dan oleh itu bidang ini akan diberi perhatian yang lebih berat lagi termasuk kemungkinan mengadakan pertandingan-pertandingan yang lebih besar pada masa-masa yang akan datang. Apa yang penting bagi kita ialah untuk meningkatkan mutu sukan negara supaya semangat ini terus menyala dan di dalam hubungan ini kita telah menggariskan banyak strategi ke arah mencapai peningkatan mutu sukan negara.

RUMAH PANJANG DI SABAH/ SARAWAK—BANTUAN

12. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu kaum-kaum Asli dalam pembinaan Rumah-rumah Panjang di Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Hussein bin Ahmad): Tuan Yang

di-Pertua, memang benar setiap tahun Kerajaan Persekutuan mengadakan peruntukan-peruntukan kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri termasuklah Sarawak dan Sabah khususnya bagi mengadakan projek-projek rumah kos rendah bagi kepentingan rakyat yang berpendapatan rendah. Namun demikian, di Sabah tidak ada perancangan Rumah-rumah Panjang tetapi di Sarawak, daripada peruntukan inilah dilaksanakan projek-projek rumah panjang.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, setakat ini di Sarawak telah melaksanakan sebanyak 654 unit rumah panjang. Manakala projek di bawah Kerajaan Negeri pula telah melaksanakan sebanyak 396 unit juga rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, khususnya di Sabah kita mengadakan rumah-rumah khusus yang lain bagi kepentingan terutama kaum bumiputera.

Tuan Madatang Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah melaksanakan beratus-ratus buah atau mungkin bilik Rumah Panjang di Sarawak, tetapi keadaan di Sabah mungkin belum ada, belum pernah dilaksanakan setakat ini. Adakah Kerajaan mengkaji semula pendirian tersebut agar rumah panjang yang sebenarnya adalah merupakan rumah asli suku kaum Rungus iaitu saya sendiri daripada kaum itu dapat dipertimbangkan pembinaannya, mungkin di Rancangan Malaysia Keenam atau di tahun-tahun yang akan datang.

Dato' Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sedar Ahli Yang Berhormat dari kaum itu. Dalam kunjungan saya ke Sabah baru-baru ini, saya juga berbincang di dalam masalah jenis-jenis rumah termasuk rumah panjang bagi dilaksanakan di

Sabah. Bagi pihak Kementerian, tidak akan mengadakan halangan jika perancangan ini dipohon oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang termaklum, Kerajaan juga memberi setiap tahun peruntukan yang banyak kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tujuan membantu Kampung-kampung Baru, kampung-kampung tradisional, kampung-kampung kaum Orang Asli termasuk membina rumah-rumah panjang sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan pembahagian peruntukan tersebut kepada pembangunan Kampung-kampung Baru, kepada kampung-kampung tradisional dan juga kampung-kampung kaum Asli dan bolehkah Yang Berhormat secara anggaran kasar memberi kadar peratusan, berapa peratuskah setiap tahun pada masa-masa yang lalu khususnya bagi tahun yang lepas atau tahun 1989, berapa peratuskah peruntukan tersebut diagihkan kepada kemajuan Kampung-kampung Baru, kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung kaum Asli dan bagaimanakah pula peruntukan itu disalurkan supaya manfaatnya dinikmati oleh penduduk-penduduk di kampung-kampung atau di kawasan-kawasan berkenaan itu secara terus.

Dato' Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kampung Baru merupakan satu Jabatan di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang demikian peruntukan khusus diberi kepada Kampung Baru. Manakala kampung Asli tidak terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Demikian juga kampung tradisional tidak terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

KOMUNIKASI JURUTERBANG DAN PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan memperbaiki komunikasi antara pihak kawalan lalulintas udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan kapalterbang-kapalterbang yang ingin mendarat kerana juruterbang-juruterbang mengadu bahawa arahan yang diberi dalam bahasa Inggeris adalah tidak jelas atau tidak dapat difahamkan serta juga memperbaiki udara (ventilation) di seksyen ketibaan para penumpang memandangkan pencemaran akibat asap daripada kereta-kereta.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, proses pemilihan untuk calon-calon bagi jawatan Pegawai Trafik Udara (Air Traffic Controllers) dijalankan dengan rapi. Ini bagi memastikan bahawa mereka yang berjaya betul-betul memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Pada peringkat awalnya, calon-calon yang dipilih menjadi Pegawai Kawalan Trafik Udara diambil dari calon-calon berkelulusan SPM atau yang setaraf dengannya dan dalam hal ini pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Inggeris adalah diutamakan. Sejak awal 1980an Kerajaan telah mula mengambil calon-calon bagi Pegawai Kawalan Trafik Udara dari kalangan pemegang-pemegang ijazah, dan kebolehan untuk bertutur dalam bahasa Inggeris adalah kriteria penting yang diutamakan dalam proses pemilihan. Selain daripada itu, pertuturan dalam bahasa Inggeris dengan menggunakan "phraseology" yang tepat yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Antarabangsa (International Civil Aviation Organisation-ICAO) adalah diberi tekanan dalam latihan kepada Pegawai-pegawai Kawalan Trafik Udara dalam segala peringkat latihan. Dengan itu, tahap pertuturan bahasa Inggeris di

kalangan Pegawai Kawalan Trafik Udara di negara ini adalah setanding dengan Pegawai Kawalan Trafik Udara di negara lain di rantau ini.

Mengenai pencemaran di seksyen ketibaan yang disebabkan oleh asap kenderaan, sukacita dimaklumkan bahawa langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Kenderaan-kenderaan tidak lagi dibenarkan diletakkan di kawasan ini. Pemandu-pemandu yang terpaksa mem-berhentikan kereta mereka di kawasan ini untuk mengambil penumpang dikehendaki mematikan enjin kereta untuk mengurangkan pencemaran udara. Bagi kenderaan awam seperti bas, satu kawasan di Bangunan Terminal I telah diubahsuai dan dikhaskan untuk meletakkan bas.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri berkenaan ada mengatakan bahawa Pegawai Kawalan Trafik Udara adalah orang-orang yang berkelayakan bertutur dalam bahasa Inggeris oleh sebab mereka sudah lulus SPM dan sebagainya. Saya rasa, taraf bahasa Inggeris SPM sudah diturunkan dan Menteri Pendidikan sendiri sudah mengakui dan Timbalan Menteri berkenaan tidak menjawab pertanyaan saya iaitu ada komplek daripada pilot-pilot iaitu komunikasi antara pilot-pilot dengan Air Traffic Controllers (ATC) langsung tidak ada. Oleh sebab apa juga yang ditutur oleh Air Traffic Controllers unintelligible, tidak fasih, tidak boleh difahami langsung. Saya harap dapat satu jawapan yang tepat.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tidak munasabah kalau Ahli Yang Berhormat kata tidak faham langsung. Kalau dia tak faham langsung dia tak boleh turunkan kapalterbang atau dia tak boleh naikkan kapalterbang. Tak munasabah, kalau dia kata tak berapa jelas, mungkin agaknya, kerana alat-alat yang digunakan itu agaknya mungkin ada pula kerosakan-nya. Tetapi, saya mintalah supaya Ahli

Yang Berhormat memberikan tarikh, masa, kejadian itu berlaku, kerana untuk meneliti siapa yang tidak cekap mestilah ada laporan yang tepat.

Di dalam jawapan saya tadi, kalau Ahli Yang Berhormat menganggap bahawa taraf bahasa Inggeris dalam SPM sudah diturunkan, saya telah katakan bahawa sekarang ini kita ambil mereka yang berijazah dan untuk menentukan bahawa pertuturan bahasa Inggeris mereka itu tepat mengikut phraseology ICAO seperti yang ditetapkan.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa soalan ini dan tuduhan ini palsu belaka.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah boleh katakan palsu, tetapi saya minta supaya Ahli Yang Berhormat memberikan maklumat-maklumat yang tepat itu supaya saya dapat menentukan bahawa kecekapan pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai yang ada berkhidmat di bawah Kementerian Pengangkutan itu "the best", dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Douglas Uggah Embas.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Douglas Uggah Embas tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Gerard Math Lee Min.

(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Gerard Math Lee Min tidak hadir).

DAFTAR PEMILIH SEPANJANG TAHUN-SARAWAK

17. Tuan Jawah anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa Gerakan Daftar Pemilih yang diadakan di seluruh negara baru-baru ini tidak dapat dilakukan dari rumah ke rumah atau di setiap kawasan pendalaman di negara ini 'khususnya di Sarawak. Bilakah Kerajaan akan dapat mengadakan daftar pemilih sepanjang tahun.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar. Dalam urusan Pendaftaran Pemilih 1989, salah satu kaedah yang digunakan ialah pendaftaran dari rumah ke rumah. Begitu juga bagi kawasan luar bandar Penolong Pegawai Pendaftar dihantar ke Rumah-rumah Panjang untuk mendaftarkan pemilih. Ada kemungkinan bahawa kaedah ini tidak dapat dijalankan sepenuhnya di Sarawak disebabkan oleh keadaan negeri yang sangat luas, masalah cuaca dan masalah perhubungan.

Mengenai cadangan mengadakan urusan pendaftaran pemilih sepanjang tahun, sukacita dinyatakan ia masih dalam kajian pihak Kerajaan.

Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini pihak Kerajaan telah mengadakan gerakan pendaftaran pemilih dan selepas itu satu pameran telah diadakan juga untuk disemak oleh pemilih-pemilih. Adakah Kerajaan sedar bahawa di dalam semakan yang dijalankan baru-baru ini didapati ramai pemilih-pemilih yang telah didaftarkan sudah begitu lama didapati hilang daripada senarai pendaftaran. Jika sedar, saya ingin tahu apakah sebabnya perkara ini berlaku dan apakah tindakan-tindakan oleh Kerajaan untuk mendaftarkan mereka ini semula?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, tentang nama-nama yang hilang daripada daftar pemilih itu ada berbagai-bagai sebabnya. Antaranya ialah kematian ataupun pemilih itu tukar alamat ataupun mereka itu hilang kelayakan sebagai pemilih. Tentang tindakan itu, saya ingin menyatakan di sini bahawa masa dua minggu itu telah diberikan untuk para pemilih supaya mereka menyemak nama-nama mereka dan kalaulah mereka dapati bahawa nama-nama mereka itu tidak ada dalam daftar itu, maka mereka bolehlah memberitahu pihak yang berkenaan segera supaya pihak Kerajaan dan juga pihak Suruhanjaya Pilihanraya dapat meneliti ataupun mengkaji masalah itu dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi mengatakan apa yang dikatakan oleh saya itu adalah tidak benar. Maka saya di sini hendak menyatakan bahawa kalau boleh saya hendak tahu nama-nama mereka atau berapa ramai pegawai yang telah pergi ke Ulu Sengkrang, Mentalau, nama-nama orang dari Pejabat itu yang pergi ke Ulu Lemanak dan tempat yang telah dilawati oleh mereka. Nama-nama orang ini yang telah pergi ke Ulu Lengkari di kawasan Lubuk Antu.

Semasa pendaftaran itu saya berada di kawasan yang berkenaan dan tidak seorang pun yang saya jumpai telah pergi ke kawasan tersebut. (*Tepuk*) Macam manakah Timbalan Menteri tersebut boleh menyatakan itu tidak benar?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bahawa yang tidak benar itu ialah bahawa pendaftaran itu dari rumah ke rumah itu memang telah diadakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan kalaulah Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu puas hati, saya mintalah supaya memberikan

maklumat-maklumat yang lebih terperinci supaya Suruhanjaya Pilihanraya itu boleh menyiasat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

(*Soalan No. 18 Y.B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir.*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan.

(*Soalan No. 19 Y.B. Tuan M. G. Pandithan tidak hadir.*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(*Soalan No. 20 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir.*)

PENGGALAN ASING DI SINGAPURA

21. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah Kerajaan Malaysia terhadap Singapura yang membenarkan pengkalan asing ditempatkan di situ dan setakat manakah ini menjejaskan keamanan serantau.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 30-10-1989 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(*Soalan No. 22 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir.*)

GARISPANDUAN UNTUK MEMBINA RUMAH IBADAT

23. Tuan Ong Tee Kiat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat sebarang garis panduan untuk mempertimbangkan permohonan pembinaan rumah-rumah ibadat bukan Islam di seluruh negara. Jika ada, sila nyatakan syarat-syaratnya. Jika tidak, mengapa.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mempunyai garis panduan yang lengkap untuk mempertimbangkan permohonan pembinaan rumah ibadat bagi penganut bukan Islam. Garis panduan itu antara lain menetapkan bahawa:

- (a) satu tempat ibadat bukan Islam seluas setengah hektar atau satu suku ekar hendaklah disediakan oleh pemaju bagi tiap-tiap 2,600 penganut bukan Islam; atau
- (b) satu tempat ibadat seluas setengah hektar bagi seramai 5,000 penduduk hendaklah disediakan. Tiap-tiap penganut Islam atau bukan Islam bebas untuk mendirikan tempat ibadat di tempat yang dihaskan.

Kerajaan Persekutuan telah memberi nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menerima garis panduan tersebut apabila menimbang sesuatu permohonan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta sejauh manakah garis panduan itu dapat dilaksanakan atau dapat ditunaikan. Jika tidak dapat ditunaikan, apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk menunaikan garis panduan itu.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, tanah ini sebenarnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan garis panduan yang diberikan itu. Kalaulah didapati sesuatu Kerajaan Negeri itu tidak mematuhi

garis panduan itu, maka pihak Kerajaan Persekutuan akan memberikan nasihat kepada mereka untuk sebaik-baiknya mematuhi garis panduan itu.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar untuk menentukan garis panduan bagi satu tempat ibadat untuk 5,000 penduduk tidak begitu adil jika dibandingkan dengan keadaan pendalaman ataupun keadaan luar bandar, oleh kerana di banyak tempat kita mengadakan hanya 1000 ataupun di bawah. Tetapi kita perlu juga tempat-tempat ibadat di tempat itu. Oleh yang demikian, saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri jika pihak Jabatan Perdana Menteri boleh mengkaji bagaimana kita boleh menentukan satu garis panduan yang lebih tepat.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang membuat kajian dari masa ke semasa tentang garis panduan itu tetapi untuk masa ini dirasakan garis panduan itu adalah berpatutan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk bagi Pertanyaan Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 5, 7, 14, 15, 16, 18, 19, 20, 22 dan 24 adalah diberi di bawah ini).

FELDA—GERAN TANAH KEPADA PENEROKA

2. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) berapakah jumlah geran tanah yang telah dikeluarkan kepada peneroka FELDA di seluruh negeri hingga kini dan berapakah jumlah keluasan tanah yang terlibat;

- (b) memandangkan Rancangan Tanah Pinggir dan peneroka tanah secara berkelompok amat menggalakkan, apakah Kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak tanah rancangan/penempatan baru. Jika bercadang apakah ianya akan diberikan kepada penganggur yang lebih berpendidikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):

- (a) Sehingga 30 September, 1989 seramai 9,035 orang peneroka di 46 rancangan telah menerima geran tanah. Luas kawasan rancangan-rancangan yang telah dikeluarkan geran tanah itu ialah 27,733 hektar.
- (b) Pembukaan rancangan-rancangan tanah FELDA bergantung kepada kedapatan tanah yang sesuai dan kelulusan dari pihak Kerajaan Negeri. Setakat ini, seluas 385,957 hektar kawasan telah pun dipohon dan menunggu kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri. Pada masa ini, peluang untuk menjadi peserta di rancangan-rancangan FELDA adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia dengan beberapa syarat iaitu berumur di antara 18-40 tahun, berkeluarga, tidak mempunyai tanah dan berminat untuk menjalankan kerja-kerja pertanian. Jadi, sekiranya ada penganggur yang berpendidikan, berminat dan memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan maka mereka bolehlah mengambil peluang untuk menjadi peserta di rancangan FELDA.

HAKMILIK BUMIPUTERA DI SEKTOR KORPORAT

3. Tuan Haji Mohd. Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perusahaan Awam mengkaji balik peranan agensi-agensi Kerajaan yang ditubuhkan sebagai pemegang amanah kepada penyertaan Bumiputera di dalam penguasaan harta dan penglibatan di dalam perdagangan dan perindustrian dan keberkesannya. Daripada tarikh ditubuhkan beberapa banyak anak-anak syarikat yang telah didaftarkan, berapa yang telah diserahkan kepada Permodalan Nasional Berhad dan berapa yang telah diserahkan kepada Bumiputera individu dan berapa pula yang ditutup kerana tidak berdaya maju.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar):

1. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima telah menunjukkan bahawa pegangan hakmilik Bumiputera di sektor korporat hanyalah pada tahap 19.4% sahaja dan selagi matlamat Dasar Ekonomi Baru khususnya penglibatan Bumiputera dalam sektor korporat tidak tercapai, peranan agensi-agensi amanah perlu dikekalkan. Tidak boleh dinafikan bahawa agensi-agensi amanah telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan peratusan pegangan hakmilik perseorangan Bumiputera dalam sektor korporat iaitu melalui penjualan syarikat-syarikat milikan agensi-agensi amanah kepada perseorangan Bumiputera dan juga pemindahan syarikat-syarikat tertentu kepada Permodalan Nasional Berhad untuk disalurkan kepada skim Amanah Saham Nasional (ASN).

2. Di bawah Kementerian, agensi-agensi yang dikelaskan sebagai agensi-agensi amanah ini adalah terdiri daripada 13 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Kumpulan FIMA Bhd. (FIMA) dan juga Kompleks Kewangan Malaysia Berhad (KKMB), manakala Syarikat Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn. Bhd. (MSE) dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd. (MIDF) pula bukanlah merupakan agensi-agensi amanah. MSE telah ditubuhkan sebagai agensi untuk bergiat di dalam industri yang strategik khususnya di dalam industri berat dengan pengkhususan di sektor perkapalan, manakala MIDF pula merupakan agensi yang mengkhususkan aktivitinya bagi membiayai projek-projek di bidang pembuatan sebagai usaha ke arah meningkatkan pembangunan perindustrian di negara ini.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini agensi-agensi amanah di bawah Kementerian mempunyai kepentingan di dalam 463 buah syarikat dengan jumlah ekuiti (pada nilai par) sebanyak \$1,576.3 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 72 buah syarikat adalah merupakan syarikat-syarikat yang telah ditutup atas pelbagai sebab, termasuklah syarikat-syarikat yang tidak lagi berdaya maju.
4. Berhubung dengan pemindahan syarikat-syarikat ke PNB, sehingga kini agensi-agensi amanah di bawah Kementerian telah pun memindahkan sejumlah 23 buah syarikat milikannya

melibatkan kos pemindahan sebanyak \$220.615 juta. Di samping itu agensi-agensi amanah juga telah menjual sejumlah 141 buah syarikat-syarikat milikannya kepada Bumiputera iaitu termasuk sejumlah 43 buah syarikat yang dijual kepada Bumiputera perseorangan.

**ALLAHYARHAM AHMAD
DAWJEE DADABHOY—CUKAI
ELAKKAN**

5. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Jabatan Hasil Dalam Negeri telah memperolehi cukai (avoided tax) sebanyak \$80 juta ringgit yang "dielakkan" oleh Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy dari Malayan Mansion, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur;
- (b) mengapakah cukai yang dielakkan ini tidak dikesan terlebih dahulu;
- (c) sama ada sebarang ganjaran telah dibayar kepada pemberitahu maklumat ini dan jika ya, apakah jumlahnya; dan
- (d) jumlah cukai elakkan yang dianggarkan berlaku di antara tahun-tahun 1984-1989 dan tindakan yang diambil.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 apa-apa maklumat yang dikemukakan oleh pembayar-pembayar cukai adalah rahsia dan tidak dapat dimaklumkan kepada sesiapa melainkan pembayar cukai berkenaan memberi kebenaran untuk berbuat demikian. Memandangkan pembayar cukai yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun meninggal dunia adalah agak sukar untuk saya

menyatakan butir-butir mengenai cukainya. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tindakan sedang diambil berhubung dengan perkara ini.

Berhubung dengan soalan (d) pula ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa adalah sukar untuk memberi anggaran cukai yang dielakkan oleh golongan pembayar cukai bagi tempoh yang tertentu. Walau bagaimanapun Jabatan Hasil Dalam Negeri sentiasa menjalankan penyasatan ke atas pembayar cukai yang disyaki mengelakkan cukai dan bagi tempoh di antara 1984 hingga bulan Oktober 1989 denda yang dikutip ke atas mereka yang tidak menjelaskan cukai dalam masa yang ditentukan ialah \$326.3 juta.

KELUARGA TERMISKIN— KAJIAN

7. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan hasil kajian keluarga termiskin di seluruh negara baru-baru ini:

- (a) daerah dan kawasan yang tinggi sekali kadar kemiskinannya;
- (b) jumlah mereka yang terlibat; dan
- (c) jenis bantuan yang akan diberikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Mengikut Kajian Pendapatan Isirumah 1987 (Household Income Survey 1987), daerah Ulu Terengganu mempunyai kadar yang paling tinggi.

Jumlah sebenar keluarga termiskin belum diketahui kerana Pegawai-pegawai Daerah masih membuat bancian secara berperingkat. Walau bagaimanapun, mengikut data Kajian Pendapatan Isirumah 1987, jumlahnya ialah seramai lebih kurang 171,000. Angka ini adalah kurang tepat kerana diperolehi melalui bancian secara rambang (random sampling).

Bantuan-bantuan di bawah program ini merangkumi pengawalan dan rawatan penyakit dalam bidang kesihatan, bantuan kebajikan, pemuliharaan rumah dan galakan aktiviti ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan keluarga-keluarga termiskin.

KLINIK BIDAN—MENAIKKAN TARAF

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan klinik (rumah bidan) yang ada sekarang di kampung-kampung di negeri Kelantan dengan menaikkan ke taraf klinik desa dan menempatkan seorang jururawat desa di situ. Jika ada senaraikan klinik-klinik bidan tersebut yang dicadangkan dinaikkan ke taraf klinik desa bagi tahun 1990 dan 1991.

Tuan Chua Jui Meng: Kementerian Kesihatan Malaysia dari masa ke semasa menaikkan taraf Klinik Bidan kepada Klinik Desa dan menempatkan seorang jururawat desa di situ. Bagi tahun 1990 terdapat 10 buah Klinik Bidan yang akan dinaikkan taraf ke Klinik Desa iaitu seperti berikut:

- (1) Klinik Desa (Naik Taraf) Cempaka, Kota Bharu
- (2) Klinik Desa (Naik Taraf) Bayu Bayam, Kota Bharu
- (3) Klinik Desa (Naik Taraf) Mentuan, Kota Bharu
- (4) Klinik Desa (Naik Taraf) Kemumin, Kota Bharu
- (5) Klinik Desa (Naik Taraf) Pintu Geng, Kota Bharu
- (6) Klinik Desa (Naik Taraf) Berek, Kota Bharu
- (7) Klinik Desa (Naik Taraf) Ulu Khusial, Tanah Merah
- (8) Klinik Desa (Naik Taraf) Kuala Tiga, Tanah Merah

- (9) Klinik Desa (Naik Taraf)
Telekong, Kuala Krai
- (10) Klinik Desa (Naik Taraf)
Simpangan, Tumpat

Bagi tahun 1991 pula, Kementerian Kesihatan buat masa ini, sedang dalam penyediaan Rancangan Malaysia Keenam dan jika diperlukan lebih banyak lagi Klinik Bidan akan dinaikkan tarafnya ke Klinik Desa.

MAKTAB PERGURUAN— KELAYAKAN MASUK

15. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula taraf kelayakan memasuki Maktab-maktab Perguruan.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa mengkaji taraf kelayakan masuk ke Maktab-maktab Perguruan mengikut keperluan semasa. Kali terakhir kajian semula ini dibuat ialah pada tahun 1989 dan dikuatkuasakan pada pengambilan 1990. Walau bagaimanapun syarat kelayakan masuk ke Maktab Perguruan bagi calon-calon dari Sabah dan Sarawak masih dikekalkan.

Syarat-syarat yang telah ditetapkan ini akan terus dikaji pada masa akan datang jika keadaan memerlukannya.

Syarat baru yang dikuatkuasa untuk memasuki maktab perguruan bagi pelajar-pelajar dari Semenanjung pada tahun ini ialah Sijil SPM/MCE/SPVM dengan mendapat sekurang-kurangnya 5 kepujian dengan mana-mana mata pelajaran termasuk Bahasa Malaysia dan mata pelajaran yang sesuai dengan jenis kursus yang dipohon dan lulus mata pelajaran Matematik.

Syarat kelayakan yang masih dikekalkan bagi calon-calon dari Sabah dan Sarawak ialah Sijil SPM/MCE/SPVM

dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 kepujian dengan mana-mana mata pelajaran dan lulus Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun guru-guru pelatih ini dikehendaki menduduki semula peperiksaan SPM dan mendapatkan kepujian dalam Bahasa Malaysia untuk tujuan pengesahan dalam jawatan kelak.

PELABURAN MODAL ASING

16. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan modal negeri asing yang dilaburkan di Malaysia bagi tahun 1987, 1988 dan awal separuh tempoh tahun 1989; dan
- (b) berapakah yang telah dilaburkan oleh pelabur-pelabur asing di negeri Sabah dalam tempoh yang telah dinyatakan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Dato Dr K. S. Nijhar):

- (a) Jumlah cadangan pelaburan modal asing bagi tahun 1987 ialah \$750 juta, tahun 1988 ialah \$4,878 juta dan bagi tempoh Januari-Jun 1989 ialah sebanyak \$1,826 juta.
- (b) Jumlah cadangan pelaburan modal asing di Sabah bagi tahun 1987 ialah sebanyak \$48.6 juta, tahun 1988 sebanyak \$79.22 juta dan bagi tempoh Januari hingga Jun 1989 sebanyak \$170.2 juta.

SEKOLAH/KOLEJ SWASTA

18. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah dan Kolej Swasta yang telah didirikan di Malaysia sehingga sekarang;
- (b) berikan pecahan kelulusan yang diberikan mengikut tahun mulai 1980-89;

- (c) apakah polisi Kerajaan mengenai penubuhan sekolah, Kolej dan Universiti Swasta di negara ini; dan
- (d) adakah sekolah atau institusi ini yang dibatalkan kelulusan kerana tidak mematuhi peraturan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah sekolah dan kolej swasta yang telah didirikan di Malaysia hingga sekarang ialah seperti berikut:

Sekolah Rendah	72
Sekolah Menengah	612
Sekolah Perdagangan	353
Sekolah Teknik	16
Kolej	14
	—
Jumlah	1067
	—

- (b) Pecahan kelulusan yang diberikan mengikut tahun dari 1980 hingga 1989 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Sekolah Swasta yang Diluluskan
1980	55
1981	48
1982	58
1983	56
1984	86
1985	127
1986	190
1987	219
1988	230
1989	62
	—
Jumlah	1131
	—

- (c) Permohonan untuk menubuhkan sekolah-sekolah atau institusi-institusi pendidikan swasta boleh dipertimbangkan oleh

Kementerian Pendidikan jika permohonan tersebut mematuhi peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa kini serta dasar-dasar Kerajaan yang diamalkan sekarang. Bagaimanapun, penubuhan universiti swasta tidak dapat dibenarkan.

- (d) Kelulusan untuk menubuhkan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan swasta selalunya dikenakan syarat-syarat tertentu termasuk sekolah-sekolah dan institusi-institusi Pendidikan tersebut mesti didaftarkan di bawah Akta Pelajaran 1961. Jika sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan itu tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan ataupun melanggar syarat-syarat pendaftaran, tindakan-tindakan boleh diambil terhadap sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan itu. Setakat ini, tindakan-tindakan telah pun diambil, termasuk membatalkan pendaftaran terhadap beberapa buah sekolah dan institusi pendidikan yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.

KEWARGANEGARAAN— PERMOHONAN

19. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab permohonan kerakyatan mengambil masa yang panjang untuk diproses. Berapa jumlah orang yang masih menunggu keputusan permohonan sijil kerakyatan sehingga 30hb. September 1989. Apakah tindakan yang diambil untuk mempercepatkan proses membuat keputusan ke atas permohonan-permohonan ini.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk memproses secepat mungkin setiap

permohonan kewarganegaraan. Namun demikian, setiap permohonan perlu diteliti untuk memastikan kesahihan maklumat/keterangan yang diberi. Masa yang diambil oleh Kementerian ialah masa yang benar-benar diperlukan untuk menimbang sesuatu permohonan. Sehingga 30 September 1989 sebanyak 7682 permohonan kewarganegaraan masih dalam pertimbangan.

Tindakan-tindakan yang diambil untuk mempercepatkan proses membuat keputusan ke atas permohonan-permohonan berkenaan ialah dengan menghubungi pemohon-pemohon supaya kerjasama dan memberi jawapan segera kepada pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan mengenai maklumat/keterangan yang diragukan dan yang diperlukan.

POLIS MENGGUNAKAN KEKERASAN—ADUAN

20. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah aduan telah diterima oleh Kementeriannya dalam tahun 1987, 1988 dan 1989 tentang penggunaan keganasan oleh pihak polis di negeri Sarawak ke atas orang-orang yang disyaki melanggar undang-undang, ketika orang-orang itu disoal siasat oleh pegawai polis di bawah tahanan, berapakah kes itu telah disiasat oleh pihak polis terhadap aduan tersebut dan apakah tindakan tatatertib telah diambil untuk hak-hak asasi dijamin.

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Jumlah aduan yang diterima oleh pihak polis negeri Sarawak berhubung dengan dakwaan penggunaan kekerasan ketika siasatan dijalankan atas mereka yang disyaki ialah 10 kes bagi tahun 1987, 7 kes bagi 1988 dan 9 kes bagi 1989. Semua kes tersebut telah disiasat dan dua pegawai/anggota polis telah didapati bersalah dan telah pun diambil tindakan tatatertib.

KEMUDAHAN TENTERA AMERIKA DI SINGAPURA

22. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Luar Negeri menyatakan keadaan sekarang berkenaan Negara Singapura membenarkan Amerika Syarikat untuk membina taaf tentera di negaranya.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 30hb Oktober, 1989 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

SISWAZAH MENGGANGGUR

24. Tuan Law Lai Heng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Jumlah graduan universiti tempatan dan asing yang masih menganggur sehingga bulan September, 1989;
- (b) Berapakah peratusan penganggur lepasan universiti ini berbanding dengan jumlah penganggur keseluruhannya; dan
- (c) Memandangkan bahawa para penganggur ini telah meminjam dari Kerajaan untuk membiayai pendidikan mereka, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan jika mereka gagal membayar balik pinjaman mereka itu.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Jumlah siswazah menganggur yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat pada akhir bulan Ogos, 1989 ialah seramai 9,523

orang. Maklumat mengenai bilangan siswazah menganggur mengikut lulusan luar negeri dan dalam negeri tidak dapat diperolehi daripada daftar tersebut. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, sehingga bulan September 1989, sebanyak 17% daripada siswazah menganggur adalah lulusan luar negeri dan selebihnya lulusan dalam negeri.

- (b) Pada akhir bulan Ogos 1989, peratus penganggur lepasan universiti yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat berbanding dengan anggaran jumlah penganggur keseluruhannya pada tahun 1989 adalah sebanyak 1.8 peratus.
- (c) Selaras dengan syarat-syarat perjanjian pinjaman pelajaran, tindakan menuntut balik pinjaman pelajaran akan diambil selepas enam bulan peminjam menamatkan pengajian atau telah mendapat pekerjaan secara tetap mengikut mana yang terdahulu.

Bagi peminjam yang masih belum mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menimbangakan perlanjutan tempoh pembayaran balik selama enam bulan lagi. Selepas tempoh enam bulan kedua ini tamat, peminjam dan penjamin-penjaminnya akan diminta memberi cadangan untuk menyelesaikan pinjaman tersebut. JPA akan menimbangakan penjadualan semula ke atas bayaran pinjaman sewajarnya. Jika pihak peminjam dan penjamin-penjaminnya ingkar atau gagal menjelaskan bayaran selepas penjadualan semula, kes mereka akan dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan mahkamah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 dan Anggaran Pembangunan, 1990" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kelimabelas).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.47 dan B.48 (Jadual)—

(Maksud P.47 dan P.48 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas untuk menyambungkan ucapannya, sukalah saya menyatakan di sini bahawa pada hari ini kita terpaksa menghabiskan empat Kementerian. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memendekkan ucapan-ucapan mereka, dan dengan memendekkan ucapan-ucapan ini lebih ramai lagi dapat mengambil bahagian.

Tuan P. Patto: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk. Saya menghadkan supaya tiap-tiap Ahli dibenarkan berucap maksimumnya 10 minit. Kalau boleh minta kurang. Jadi Bukit Mas sudah berucap 5 minit pada hari Jumaat, boleh sambung lagi lima minit. Teruskan, Yang Berhormat.

3.37 *ptg.*

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, sepertimana saya telah katakan pada hari Jumaat yang lalu Kerajaan perlu membina satu lapangan-terbang baru di Limbang yang cukup besar untuk keperluan pendaratan Fokker. Sebenarnya tapak baru sudah-pun diukur dan diberi kepada Kerajaan iaitu di Batu 4 $\frac{1}{2}$, Jalan Kubung-Limbang. Padang terbang sekarang amat tidak sesuai kerana ia dibina dengan segera untuk mengawasi serangan akibat konfrantasi dengan Indonesia pada tahun 1963. Selain daripada Gunung Bukit Mas, kayu-kayu dan lantai elektrik yang tinggi, jalanraya dan rumah-rumah yang berdekatan dan padang terbang yang terbuka dan tidak terpagar adalah halangan-halangan yang menyulitkan proses pendaratan ke atas padang terbang ini. Halangan-halangan ini adalah merbahaya kepada keselamatan penumpang-penumpang ke Limbang.

Tuan Pengerusi, sambil menunggu keputusan Kerajaan untuk membina satu landasan baru saya merayu kepada Kerajaan supaya runaway markings, dengan izin, dibuat atas padang ini dibuat dengan secepat mungkin supaya dapat memudahkan kapal untuk mendarat dengan lebih selamat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian terhadap keadaan padang terbang di Bak Kalalan dan Long Semadoh. Bak Kalalan dan Long Semadoh adalah kawasan tinggi dan jauh di pedalaman seperti Cameron Highlands dan Genting Highlands. Kita hanya dapat terbang atau berjalan kaki beberapa hari kalau hendak melawat Bak Kalalan dan Long Semadoh. Tidak ada jalanraya ataupun jalan sungai. Sekarang keadaan padang terbang di kedua-dua tempat ini adalah dalam keadaan buruk di mana batu di atas padang sudahpun pecah menjadi pasir. Waktu hujan padang menjadi lecek dan kapalterbang tidak dapat mendarat. Ini menyebabkan banyak penerbangan terpaksa dibatalkan.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Kementerian supaya menurap dan memperbaiki keadaan landasan di Bak Kalalan dan Long Semadoh dengan secepat mungkin.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, bagi Butiran 11000-Padang Terbang Mulu Cave dan 11100 Padang Terbang Bario dan juga Butiran 11200—Pembangunan Padang Terbang Long Banga. Saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan oleh kerana memberi peruntukan untuk membina satu Padang Terbang Mulu Cave dan juga untuk memperbaiki Padang Terbang Bario. Memang mengenai Padang Terbang Bario ini, rakyat sudah pun menunggu berapa lama untuk landasan ini diturap. Saya berharap supaya ini dapat dijalankan dengan secepat mungkin oleh kerana runaway yang masih ada sekarang di Bario adalah hanya rumput (grass) sahaja. Jadi saya harap supaya ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Begitu juga dengan lapangan-terbang yang lain di luar seperti di Kapit, di Mukah dan juga di kawasan-kawasan lain. Saya berharap supaya lapangan-terbang yang luar daripada bandar dapat diturap supaya dapat memberikan perkhidmatan yang selesa kepada penumpang-penumpang.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap dua tiga perkara secara ringkas sahaja. Pertamanya, mengenai Keretapi Tanah Melayu. Yang saya hendak sarankan ialah di halaman 217. Saya mohon supaya pembinaan jalan keretapi disegerakan di Pantai Timur.

Saya sedar bahawa ura-ura untuk membinanya telah sekian lama, siasatan demi siasatan telah dibuat, kalau tidak salah ingatan saya, sudah lima enam tahun, tidak ada apa-apa yang berubah. Untuk tahun 1990 ini sesuai dengan era baru, tahun baru, hasrat baru, ekonomi baru, macam-macam baru, keretapi kenalah bina satu di Pantai Timur meimandangkan Pantai Timur sekarang ini sudah maju dengan minyaknya, dengan galiannya dan dengan macam-macam cerita yang baru dan saya hendakkan jawapan daripada pihak Menteri, kenapa lama sangat janji ini, sudah lima enam tahun, dan jawapan yang saya terima ialah "survey, survey, kaji, kaji, kaji". Jadi kita minta supaya dilaksanakan dengan segera.

Perkara yang kedua mengenai Keretapi Tanah Melayu ini juga iaitu Keretapi Tanah Melayu ini akan diperbadankan pada pertengahan tahun hadapan, iaitu tahun 1990. Saya menyambut baik langkah ini tetapi saya mengharapkan apabila diswastakan nanti supaya penyertaan anak-anak tempatan dapat mengatasi sepenuhnya dan tidak diberikan peratusnya kepada orang asing atau orang luar sebagaimana yang dilakukan kepada setengah-setengah penswastaaan yang lain kerana kita telah famous ataupun popular dengan keretapi ini.

Selain daripada itu, kita mengharapkan juga penswastaaan ini akan melahirkan mutu kerja yang cekap dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita minta pekerja-pekerja yang ada sekarang ini tidak dibuang ataupun digugurkan sewenang-wenangnya kerana saya lihat ada setengah-setengah pihak penswastaaan yang lain itu, mereka itu "ego", mereka "act" sedikit, sombong sedikit sehinggakan kakitangan Kerajaan yang ada digugurkan sedemikian rupa. Ini adalah satu kezaliman. Jadi saya minta pihak Menteri memberikan perhatian serius terhadap perkara ini.

Seterusnya, sekarang ini baru sahaja dinyatakan bahawa Keretapi Tanah Melayu akan diswastakan tetapi saya telah mendapat maklumat bahawa seorang Pengerusi Eksekutif yang bernama Tan Sri Selvarajah telah dilantik. Saya ingin jawapan daripada pihak Menteri, fasal apa perlantikan ini dibuat sedangkan penswastaannya belum lagi wujud.

Saya rasa Pengerusi Eksekutif ini tidak perlu dilantik lagi atau setakat Pengerusi Eksekutif cukuplah, sebab dia mempunyai full power, kuasa penuh. Saya ingat ini adalah bercanggang dengan Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu sekarang iaitu seorang pegawai tertinggi Kerajaan Superscale "A". Kenapa kita tidak memikirkan soal ini dan saya hendak tahulah bidang kuasa antara Executive Chairman dengan Pengurus Besar ini, dan saya pun hairan macam mana Keretapi Tanah Melayu ini yang boleh dikatakan 80% pekerjaannya adalah bumiputera—saya bukan hendak sentuh perkauman di sini—tetapi dilantik pula Tan Sri Selvarajah yang saya kira menolak perasaan dan juga kehendak dan permintaan Kesatuan Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu yang dikenali sebagai PERKAP. PERKAP yang dominancenya kaum bumiputera, yang 80% dianggotai oleh kaum bumiputera dan yang mempunyai keahlian seramai lebih kurang 3,000 orang tidak diambil kira.

Sudah sampai masanya kita meletakkan sesuatu kepada tempat yang betul. Saya minta supaya desakan dan permintaan PERKAP yang sudah sekian lama dan bertalu-talu ini diambil kira. Saya juga tidak mahulah Keretapi Tanah Melayu ini dijadikan "Keretapi Jaffna". Saya hendak jawapan lagi sekali, apa sebab 80% kakitangan yang terdiri daripada bumiputera ini dipindahkan kepada Eksekutifnya yang telah saya sebutkan tadi. Ini saya rasa penting, kerana ia membawa makna yang sangat penting kepada keupayaan dan kebolehan bumiputera kerana inilah

Julung-julung kali penswastaan hendak dilakukan pada tahun hadapan. Saya mengesyorkan supaya keputusan ini ditarik balik oleh pihak Menteri dan mengambil kira sensitiviti dan juga pencapaian serta target Dasar Ekonomi Baru.

Selain daripada itu, saya juga ingin bercakap mengenai pelabuhan. Semua pelabuhan yang mempunyai jeti, termasuklah jeti di Kuala Perlis, Kelantan, jeti di Kuantan, di Kedah, di Teluk Ewak, Langkawi dan juga jeti-jeti di pulau-pulau yang lain, termasuklah di Pulau Dayang Bunting dan sebagainya termasuklah Pangkor, Pulau Besar di Kelantan dan Pulau Pinang hendaklah diperbesar. Saya lihat setengah jeti itu hidup segan mati tak mahu, nama sahaja jeti, umpamanya jeti di Kuantan, kalau tidak kerana laut dalam, saya ingat jeti itu penuh dengan orang-orang Arqam dan juga penuh dengan mubaligh-mubaligh yang tidak diundang. Sepatutnya mereka itu membuat kerja di surau atau di masjid tetapi mereka berdakwah di jeti-jeti. Jadi jeti-jeti ini perlulah, pertama, dibaikpulih segera; kedua diperbesar sesuai dengan permintaan dan tuntutan semasa; ketiga, jeti-jeti ini perlu juga didalman airnya serta dibuang pemendapan yang berlaku di persekitaran jeti itu sendiri; keempat, pengurusan jeti hendaklah ditambah atau diwujudkan tenaga-tenaga yang lebih cekap dan lebih berwibawa. Keempat-empat alasan ini saya kemukakan kerana saya sedar bahawa jeti-jeti ini amat perlu sesuai dengan pertambahan bot-bot baru, bot-bot laut dalam bagi kepentingan nelayan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pihak Kementerian Perikanan telah pun meluluskan sebanyak 646 lesen bot laut dalam dan yang sedang beroperasi di Semenanjung sahaja ada lebih kurang 250 buah yakni bot-bot yang lebih daripada 70 tan ke atas dan sehingga menjelang pertengahan tahun 1990 dianggarkan angka itu akan mencapai ke target 400 orang.

Jika jeti-jeti yang besar itu tidak diuruskan dengan baik, dibiarkan sahaja begitu berlalu dan dicintai oleh timbunan-timbunan pasir, maka saya nampak fungsinya tidak berjalan.

Saya juga ingin bertanya pihak Kementerian Pengangkutan mengenai jumlah kapal korek yang ada untuk mengorek pasir-pasir serta timbunan-timbunan yang tidak diundang itu. Saya hendak bertanya berapa buahkah yang ada? Yang ada, kalau tidak silap saya, ialah tiga buah kapal korek. Adakah mampu kapal-kapal korek ini untuk menjaga jeti-jeti dan juga persekitaran pelabuhan yang ada. Saya sudah berbuih mulut setiap tahun kalau ada perkara ini, saya begitu berminat kerana ianya menyentuh kepada golongan nelayan, golongan yang miskin dan golongan rakyat marhim. Kita patutlah lebih peka dan saya kira peruntukan yang ada ini perlu diutamakan dan diagihkan kepada jeti-jeti yang ada. Tidak guna kita bina jeti tetapi bot dan kapal yang kita targetkan untuk sampai berlabuh tidak dapat sampai dan tidak boleh berlabuh. Saya percaya perkara ini boleh dilakukan kerana Timbalan Menteri Datin Paduka Hajjah Zaleha adalah seorang yang cekap yang boleh mengatasi masalah-masalah ini dengan seberapa segera, bertambah-tambah lagi sesuai dengan rentak serta kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Saya ingin juga merujuk kepada halaman 222, Butiran 010000—Perkhidmatan Penerbangan Awam.

Ada satu perubahan yang ketara berlaku iaitu domestic flight, penerbangan dalam negeri pada hari ini telah dipindahkan ke Terminal 2 dan Terminal 1 dikekalkan sebagai satu tempat untuk penerbangan persinggahan, pendaratan dan pemergian kapal terbang-kapal terbang antarabangsa.

Saya hendak komen sedikit mengenai Terminal 1. Komen ini komen membina. Saya kira bukan untuk hentam-keroma

sahaja iaitu pertama, kita tidak cukup persediaan-persediaan yang sepatutnya ada. Ada kita faham bila sampai penerbangan dalam negeri, kita ingat kapal terbang itu akan singgah ke dalam negeri tetapi memang targetnya begitu, tetapi kadangkala sering juga singgah di Terminal 1, menyebabkan orang tunggu, sanak saudara ataupun si penunggu tadi sepatutnya berada di Terminal 2, jadi kelam-kabut di situ. Jadi, ini banyak kali terjadi sekarang ini. Orang dalam negeri singgah dalam negeri tetapi singgah di lapangan terbang Terminal 1.

Yang kedua, saya perhatikan iaitu sudahlah singgah di Terminal 1, kemudian tunggu bas, ramai pula, berbaris-baris. Bas itu pula, kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada. Lepas itu, bas yang mengangkut pula bas Seri Jaya-buruk sahaja. Kalau hantar yang baru tidak apa. Kalau macam Yang Berhormat dari Batu Berendam ini smart sahaja, lawa sahaja ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Sabak Bernam lawa-lawa semua, takkanlah hendak naik bas buruk macam itu. Kalau saya tidak apalah-backbenchers, kalau kena Tuan Pengerusi tidakkah malu? Sudahlah kena naik bas, kena bayar pula 30 sen. Yang Berhormat Menteri, kena bayar 30 sen! Malulah, tidak hendak beri, dia minta, beri-apa cerita ini? Kapal terbang yang singgah di Terminal 1, kita yang kena bayar kalau hendak pergi ke Terminal 2. Jadi, tidak pernah berlaku dalam lapangan terbang-lapangan terbang dalam negara-negara lain. Jadi, ini bukanlah salah Menteri, tetapi mungkin salah persediaan. Jadi, perkara-perkara ini hendaklah diperbetulkan segera supaya kalau kita dalam negeri-dalam negeri, kalau kata luar negeri-luar negeri. Bukan dekat itu, bukan senang kalau orang meeting, dia telah tertinggal, dia ada mesyuarat sudah tertinggal setengah ataupun satu jam. Apa hendak dibuat lama itu.

Kemudian yang ketiga, saya lihat Terminal 2 ini tidak cukup sangat persediaan. Kantin satu sahaja ada, kalau

tidak silap saya. Lepas itu, dibezakan pula dengan lapangan terbang Antara-bangsa. Lapangan terbang Antarabangsa itu, dia telah lama, semuanya ada, tetapi janganlah kita tertinggal dari segi ruang-ruang kedainya, patutnya diwujudkan, diwujudkanlah. Bukan semuanya orang hendak pergi ke luar negeri, kalau macam Yang Berhormat dari Batu Berendam ini selalu pergi ke luar negeri tetapi macam saya ini sesekali sahaja dapat naik kapal terbang hendak jugalah ada kantin, hendak adakan tempat berihat, hendak itu dan sebagainya. Jadi, kemudahan-kemudahan yang sepatutnya diadakan itu sekurang-kurangnya kalau tidak lebihpun dapat disamakan di Lapangan terbang Antarabangsa Terminal 1. (*Tepuk*) Ada Ahli-ahli tepuk tangan, mereka sokong.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan. Tadi, Yang Berhormat komplek 30 sen terpaksa bayar dari Terminal 1 ke Terminal 2. Sekarang Yang Berhormat hendakkan kantin. Jadi, kalau ada kantin kemungkinan belanja besar lagi. Jadi bukankah baik kalau tidak ada kantin? Kata sudah komplek bayar 30 sen tadi, macam mana?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Itu yang komplek lain, yang kantin lain. Kantin—minum. Minuman ini kita tidak kira sangat. Kita minum, kita bayar.

Kemudian lain daripada itu, satu lagi, Tuan Pengerusi, saya minta masa sedikit, fasal ini penting, iaitu kapal terbang daripada luar negeri antarabangsa, katakan daripada Singapura, dia hendak pergi ke Pulau Pinang. Dia singgah dahulu di dalam negeri—Kuala Lumpur. Saya hendak tahu kapal terbang yang seperti ini bukan sahaja daripada Singapura, seharusnya singgah di Terminal mana? Terminal Satukah atau Terminal 2? Ini satu perkara yang penting.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya mintalah penerbangan-penerbangan ini dapat ditambah terutama yang dalam negeri supaya kita melihat masalah ini sebagai satu masalah penting. Saya tidaklah hendak bercakap satu persatu dan akhirnya saya hendak komen sedikit dari segi makanan dalam kapalterbang. Saya lihat makanan itu sama, ayam goreng seketul dan benda yang panjang itu—tidak tahu namanya. Kemudian benda yang kering—itu sahaja. Saya ingat perlulah diubah, keropok lekorkah atau apa-apa yang sesuai. Maksud saya, janganlah makanan itu “routine” sahaja. Dua tahun itu sahaja. Kalau bini kita masak itu pun kita boring. Jadi, kalau bini lain, lain ceritalah. Tetapi sekurang-kurangnya ada perubahan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

3.56 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ambil bahagian untuk membahaskan Kementerian Pengangkutan dalam Butiran 0400

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kuat sedikit Yang Berhormat. Tidak berapa dengar.

Tuan Lau Dak Kee: Butiran 040200—Pendaftaran dan Perlesenan Kenderaan, Butiran 040500—Perlesenan Perdagangan dan Butiran 040600—Penguatkuasaan Undang-undang, Butiran 040700—Perancangan dan Pembangunan. Saya bercadang hendak membahaskan semua butiran-butiran ini sekali gus.

Tuan Pengerusi, kebanyakan orang awam yang hendak pergi ke JPJ, mereka mesti bersedia untuk membayar wang seperti bayaran untuk mengambil lesen, bayaran untuk membaharui lesen ataupun menggantikan lesen yang lama

ataupun bayaran cukai jalan atau tukar-milik atau pendaftaran kereta atau lain-lain semuanya kena wang, Tuan Pengerusi. Kalau ini semua melibatkan wang, semuanya pun kena bayar wang jika seseorang mahu kenderaannya dapat diluluskan daripada pemeriksaan kereta ataupun lulus daripada ujian memandu, mereka dengan lazimnya, dengan kebiasaannya mereka ini kena sedia lebih wang untuk segala-gala bayaran yang tertentu dan juga bayaran yang luar biasa. Ada ramai orang yang minta jawab bagi diri sendiri, apakah kerja yang terbaik jika anaknya ingin menjadi kakitangan Kerajaan? Jawabnya penguji kereta ataupun pemeriksa kereta ataupun penguji memandu. Saya rasa cakapan-cakapan seperti itu telah lama berlaku di masyarakat kita dan saya rasa kalau Menteri Pengangkutan itu dapat membersihkan nama-nama yang tidak baik itu apabila orang-orang awam-pergike JPJ hanya mengutamakan wang sahaja. Wang bayaran biasa, wang bayaran luar biasa. Saya harap Menteri akan membersihkan nama-nama baik dan mempertahankan nama-nama yang baik JPJ itu.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyebut sedikit tentang tambahan had muatan lori. Tuan Pengerusi, Menteri Pengangkutan berkata pada 7hb Desember 1989 dalam satu Majlis penerangan Had Baru Beban Ganda dan Berat Kenderaan yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bahawa Kerajaan akan meminda peraturan dan undang-undang yang sedia ada supaya beban maksimum dinaikkan daripada 9 tan metrik kepada 10 tan metrik. Beliau juga berkata jika jumlah ganda sesebuah lori ditambah menjadi 5 ganda, maka berat dengan muatannya ataupun BTM akan dinaikkan sehingga 36 tan metrik.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu penerangan yang sangat-sangat digalakkan, tetapi apabila kita kaji dengan telitinya penerangan ini menjadikan satu perkara yang pahit.

Yang Pertama, Tuan Pengerusi, menurut Menteri Pengangkutan, Kementerianya akan mengkaji semula struktur, bayaran cukai jualan bagi trak penarik, dan trailer supaya Cukai Jalan dapat mencerminkan kegunaan kenderaan yang sebenarnya, sejajar dengan dasar Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan LPKP. Yang lebih baik lagi ialah menurut Menteri Pengangkutan, pengusaha-pengusaha lori hanya mempunyai tiga pilihan sahaja untuk menyesuaikan kegiatan mereka mengikut pelaksanaan peraturan baru itu.

- (a) lori yang sedia ada dibenarkan membawa berat ganda yang lebih tinggi, tetapi jumlah berat lori tidak boleh melebihi B.D.M. yang dilesenkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan;
- (b) lori yang sedia ada boleh diubahsuai dan ditingkatkan keupayaannya supaya dapat dilesenkan semula oleh LPKP untuk membawa B.D.M. yang lebih tinggi; dan
- (c) kalau pilihan yang pertama dan kedua itu tidak dapat dipatuhi, yang ketiga ialah belilah lori-lori yang baru.

Tuan Pengerusi, dengan mengkaji semula struktur bayaran Cukai Jalan yang bermakna, akan menambahkan ataupun mempertingkatkan bayaran cukai ini bukan menurunkan kos operasi, sebaliknya menambah kos pengusaha lori.

Berkenaan dengan menambahkan jumlah ganda bagi sesebuah lori, ini akan membebaskan pengusaha-pengusaha lori membelanjakan tidak kurang daripada \$30,000 untuk sesebuah lori mengubahsuai, sambil membolehkan lori itu memuat dengan sehingga 36 tan metrik. Tetapi penambahan berat muatan lori hanya dapat meningkatkan 10% sahaja muatannya bagi setiap ganda yang ditambahkan. Ini tidak boleh

membereskan daripada perbelanjaan untuk menambah tayar, menambah spring, dengan izin, atau beban berat, menambah kuasa enjin dan mengubahsuai steering-steeringnya, apatah lagi Cukai Jalan bagi trailer dan trak akan ditingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi, walaupun pengubahsuaian lori dapat menetapkan syarat-syarat JPJ, tetapi ini bermakna lori itu akan selesai semua kehendak-kehendak Jabatan lain. Lori-lori itu masih kena memohon semula daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk lesen baru ataupun lesen menukar syarat.

Kementerian Pengangkutan telah mengambil lebih satu tahun untuk mengkaji tambahan had muatan lori, tetapi nampaknya tidak memberi apa-apa faedah kepada pengusaha lori ataupun pemandu lori. Jika Kementerian Pengangkutan benar-benar ingin menghargai peranan pengangkutan lori terhadap pembangunan ekonomi negara dan menjimatkan kos pengguna, maka saya bercadang:

- (i) mengurangkan cukai jualan sebanyak 50% bagi semua kenderaan perdagangan, memandangkan bayaran cukai di Malaysia adalah paling tertinggi sekalididunia ini;
- (ii) membatalkan cukai import ataupun cukai duti dan cukai jualan bagi semua jenis alat-alat ganti untuk kenderaan perdagangan;
- (iii) menghapuskan cukai import setiap jenis kenderaan perdagangan;
- (iv) mengurangkan cukai-cukai tayar lori;
- (v) mengurangkan cukai disel memandangkan tayar dan disel adalah buatan dan keluaran oleh Malaysia sendiri;

- (vi) memberikan permit LPKP kepada orang-orang yang betul-betul menjalankan kegiatan pengangkutan bukan memberi permit kepada syarikat-syarikat seperti Saujana Car Hire Sdn. Bhd;
- (vii) menghapuskan bayaran \$100 setiap trip bagi lori-lori yang menyeberangi sempadan Malaysia.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Pengerusi, saya di sini ingin dapat satu penjelasan daripada Menteri Pengangkutan yang telah dibangkitkan oleh Kesatuan Pengusaha-pengusaha Lori Negari Perak, iaitu apakah alasan-alasan yang dapat ditunjukkan oleh Menteri Pengangkutan yang berkata pada 10hb November, 1989 apabila merasmikan Pelabuhan Kontena Daratan Ipoh, bahawa kos pengangkutan dari kilang ke pelabuhan lebih mahal daripada pelabuhan di Malaysia

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak apa-apa

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila pendekkan.

Tuan Lau Dak Kee:

- (c) kos pengangkutan membebankan kos pengeluaran sehingga 20%.

Saya minta Menteri Pengangkutan dapat memberi bukti yang jelas bahawa percakapan Menteri itu adalah benar berasaskan angka-angka yang tepat dan betul.

Di sini juga, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pengangkutan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila golong

Tuan Lau Dak Kee: Ya, baik, terima kasih. Sama ada Menteri Pengangkutan sedar atau tidak, bahawa bayaran charge

bagi setiap tan metrik untuk mengangkut barang-barang oleh lori-lori tidak boleh melebihi 25 sen mengikut undang-undang Kementerian sendiri, tetapi pengusaha-pengusaha pengangkutan hanya menchargekan antara 40% hingga 50%, bayaran charge yang telah ditentukan oleh Kementerianya dalam undang-undangnya.

Maka saya harap penjelasan daripada Menteri Pengangkutan yang berkenaan sangat-sangatlah memerlukan, supaya semua pihak tidak akan dikelirukan ataupun disalahfahamkan daripada kenyataan Menteri sendiri.

Saya harap Tuan Pengerusi, akan mengambil perhatian terhadap kenderaan-kenderaan seperti bas kilang, bas sekolah itu janganlah semata-mata menyalahkan pengusaha-pengusaha bas kilang dan bas lori itu, supaya mereka tidak akan diganggu ataupun disusah-susahkan oleh pegawai-pegawai JPJ, supaya mereka dapat mencari rezekinya dengan senang sedikit. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Simunjan.

4.08 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai pengangkutan udara Wilayah Sabah dan Sarawak, muka surat 215, Butiran 030000.

Mula-mula saya menyentuh mengenai satu peristiwa saya terbang dengan sebuah kapalterbang B.737 pada 1hb November, 1989 ini.

Saya mengucapkan terima kasih, selepas saya mengumumkan bahawa saya sudah masuk parti PERMAS, 5 hari selepas itu diberi sebuah kapalterbang oleh MAS. Alhamdulillah terima kasih kepada pihak MAS yang bersedia memberi sebuah kapalterbang untuk saya pergi ke Sarawak pada hari itu, dan yang satu lagi ini saya rasa menimbulkan satu tanda tanyalah kepada kita.

Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa menjawab soalan tadi mengatakan bahawa kita tidak mahu ini berulang, tetapi kalau dapat berulang selalu Alhamdulillah baik untuk orang Sarawak, tetapi yang menghairankan ialah ke Bintulu

Tuan R. Karpal Singh: On a point of order, Tuan Speaker.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nombor berapa Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: 14(1).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 14 apa?

Tuan R. Karpal Singh: 14(1).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, ini point of order

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 14 berapa Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: . . . terlibat dalam skandal video lucu-lucah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk! Saya minta Yang Berhormat, duduk!

Tuan R. Karpal Singh: . . . tidak ada hak untuk duduk sebagai Tuan Speaker.

Beberapa Ahli: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bentara, sila keluarkan Yang Berhormat dari Dewan ini!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker bertanggungjawab atas skandal ini

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya sudah katakan

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, jangan takut!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bentara, sila keluarkan Yang Berhormat dari Dewan ini. *(Disampuk)*

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker tidak ada hak untuk duduk di Kerusi itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tidak boleh cakap apa-apa. *(Disampuk)*. Kalau Yang Berhormat degil bagitu,

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker berlakon dalam video lucu ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): . . . saya akan ambil tindakan di bawah Peraturan 44.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker jadi pelakon dalam video lucu ini.

Tuan P. Patto: *(Bangun)*

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk! *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya tangguhkan mesyuarat selama lima minit untuk sediakan motion untuk keluarkan Yang Berhormat dari Dewan ini. *(Disampuk)*

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.11 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.35 petang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jelutong, sila keluar.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak boleh terima.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya tidak mahu minta apa-apa. Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak terima perintah itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dalam Dewan ini semua sudah dengar macam mana kelakuan Yang Berhormat dari Jelutong. (*Disampuk*) Sekarang saya dengan kuasa saya namakan Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (*Disampuk*). Yang Berhormat Menteri, silakan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak terima arahan itu.

Tuan P. Patto (Ipoh): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua,

Beberapa Ahli: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri, teruskan. Bacakan Yang Berhormat. (*Disampuk*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 44(3) bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong (Boo!) digantung perkhidmatannya mulai hari ini hingga ke akhir tempoh Mesyuarat.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri dikemuka bagi disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 44(3) Ahli Yang Berhormat dari Jelutong digantung perkhidmatannya mulai hari ini hingga ke akhir tempoh mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat telah digantung dari Dewan ini. Kalau Yang Berhormat yang lain yang berkelakuan begini, saya akan ambil tindakan di atas semua Yang Berhormat di sini (*Disampuk*).

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, apa-apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak boleh dimasukkan dalam rekod-itu telah diexpunged, sebab itu tidak boleh digunakan.

Sekarang saya tangguhkan Mesyuarat selama 5 minit untuk mengeluarkan semua "rowdy-rowdy" dalam Dewan ini. (*Disampuk*)

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.38 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat menghormati Majlis Dewan ini. Kalau sekiranya tidak

menghormati kepada siapa-siapa yang duduk di atas Kerusi ini, sekurang-kurangnya mintalah menghormati Majlis kita ini kerana inilah Dewan Rakyat, Parlimen kita. Kalau sekiranya kita tidak menghormatinya, siapa pula yang akan menghormatinya (*Tepuk*). Saya mintalah Ahli Yang Berhormat yang berucap tadi, sila sambung.

Tuan P. Patto: On a point of order.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan P. Patto: Saya memang bersetuju dengan Tuan Pengerusi atas pendapat bahawa tentulah semua Ahli harus menghormati jawatan Yang di-Pertua, tetapi nampaknya apa yang berlaku tadi itu tidak sepatutnya berlaku, khususnya Timbalan Yang di-Pertua yang mempengerusikan Mesyuarat itu. Saya bangun atas point of order untuk satu ruling daripada Tuan Pengerusi di mana Order 44 digunakan oleh Timbalan Yang di-Pertua tadi, Ahli dari Kapar, di mana beliau waktu mesyuarat ini dalam Jawatankuasa, beliau menggunakan "invoke", dengan izin, 44 tanpa memberitahu (2), (1), yang mana satu dan terus menangguhkan Dewan selama 5 minit yang kebetulannya menjadi lebih setengah jam. Apabila Dewan bersidang semula, beliau terus tanpa menamakan Order, terus menamakan Ahli dan tidak juga memberitahu kepada Dewan apakah sebab-sebabnya alasan kepada Dewan.

Apa yang berlaku dalam Jawatankuasa itu hendaklah dilaporkan kepada Majlis Mesyuarat supaya Majlis Mesyuarat boleh putuskan setuju atau tidak setuju dan terusnya minta supaya Menteri membawa usul menggantungkan nama Ahli itu daripada menghadiri mesyuarat. Dalam pada itu, saya berpendapat bahawa hendaklah disokong oleh seorang Menteri yang lain dan saya tidak nampak seorang Menteri yang lain, hanya seorang Menteri yang mencadangkan tetapi Timbalan yang menyokong. Dalam Perintah Tetap tidak sebut bahawa Timbalan itu mempunyai kuasa yang sama seperti seorang Menteri.

Tuan Pengerusi: Kuasanya sama, kerana Menteri termasuk Timbalan Menteri dan termasuk juga Setiausaha Parlimen. (*Tepuk*)

Tuan P. Patto: Jadi apakah ruling Tuan Pengerusi dalam masalah ini di mana Timbalan Yang di-Pertua sendiri sudah melanggar sewaktu beliau mempengerusikan mesyuarat melanggar Perintah Tetap. Apakah the way out?

Tuan Pengerusi: Baiklah Ahli Yang Berhormat, saya akan baca *Hansard* besok dan saya akan lihat bagaimana keadaannya.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, dalam keadaan itu, waktu itu, Tuan Pengerusi itu telah memerintahkan expunge semua dan beliau menggunakan kata-kata macam "remove all the rowdies".

Tuan Pengerusi: Saya akan baca *Hansard*

Tuan P. Patto: Tetapi kalau order di expunge, saya harap Tuan Pengerusi boleh protect rakaman-rakaman itu

Tuan Pengerusi: Saya akan baca

Tuan P. Patto: . . . dan jangan dia pula ganggu dan cuba, sebab dia itu nampaknya pakar tape.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itupun tak kena juga

Tuan P. Patto: Selingan!

Tuan Pengerusi: Kita hendak cari jalan yang baik. Baiklah, saya akan siasat besok dan saya akan lihat. Dan apa-apa jika dikehendaki, saya berkata di sini, jika dikehendaki saya membuat apa-apa ruling, barulah saya akan buat ruling. Jikalau tidak dikehendaki, saya tidak akan membuat apa-apa ruling.

Yang Berhormat dari Simunjan, sila sambung.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Tuan Pengerusi, saya pun . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya minta maaf, Yang Berhormat dari Simunjan. Standing Order 26(1)(p) yang mana Tuan Pengerusi sendiri sudah membuat satu ruling bahawa seperti yang telah berlaku tadi usul perlu dibawa kepada Majlis ini dengan serta-merta, maka saya boleh minta satu keterangan dari Tuan Pengerusi sekiranya siasatan sudah mendapati kesalahan dari segi perbuatan Timbalan Yang di-Pertua tadi, mintalah membuat satu ruling sama ada dia dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Di bawah 7(3) juga, selepas menggunakan 26(1)(p) di bawah Peraturan Mesyuarat 7(3) bahawa Tuan Yang di-Pertua menggunakan kuasa yang diberi di bawah peraturan ini untuk melantik seorang Timbalan Yang di-Pertua yang lain. Itu minta satu keterangan ataupun sekiranya siasatan didapati kesalahan, maka ini boleh dibuat, tetapi dibuat.

Tuan Pengerusi: Berkenaan dengan perlantikan Timbalan itu bukan kuasa saya, kuasa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bukan kuasa daripada Speaker. Saya minta maaf tentang itu.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, sila teruskan.

Saya mintalah supaya kita dapat habiskan tiga Kementerian pada hari ini. Saya berharap selepas berlaku perkara ini, janganlah Yang Berhormat berucap panjang sangat. Biarlah kita menjimatkan masa sedikit.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Satu lagi peristiwa yang saya ingat yang kecil semasa dalam kapalterbang ialah pramugari yang beragama Islam itu, apabila saya bertanya kenapa kuku saudari ini perlu dicelup? Dicelup bererti

dicat. Jadi, dia kata ini mesti kerana dikehendaki oleh MAS bahawa kuku kita mesti dicat merah. Jadi, saya tanya macam mana saudari hendak sembahyang? Jadi, saya tidak tahulah macam mana. Jadi, saya kata, kalau lekat ditangan dan hendak mengambil air sembahyang saya rasa tidak bolehlah. Jadi, saya minta pihak Kementerian memberi penjelasan mengenai perkara ini.

Satu lagi saya hendak sentuh ialah mengenai muka surat 215, Pengangkutan Laut Semenanjung, 020100, 020200, 020300, Feri Malaysia. Memanglah sebagaimana yang diumumkan oleh pihak Kerajaan baru-baru ini bahawa pihak Kerajaan hendak menjual Feri Malaysia kerana didapati bahawa setakat ini dalam operasinya didapati kerugian yang dialami oleh Feri Malaysia ialah lebih kurang \$7 juta. Tambahan pula ia mengalami kebakaran di tengah laut, kemudian langgar pula pulau ataupun batu hingga terjejas perkhidmatan Feri itu. Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan memikirkan semula, mengkaji semula cadangan untuk menjual. Kalau hendak dijual pun saya rasa Kerajaan harus menerus perkhidmatan ini dengan membeli yang baru kerana walaupun menghadapi kerugian tetapi dari segi kesan dan penggunaannya masih diperlukan. Kemungkinan orang jarang dan tidak berminat untuk memakai Feri pergi dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak ialah mungkin mereka takut selepas peristiwa kebakaran di tengah laut.

Kemudian selepas peristiwa enjin rosak beberapa kali dan setelah peristiwa melanggar batu di tengah laut berlaku maka ini mengurangkan minat daripada pihak menumpang untuk memakai Feri. Jadi, oleh kerana itu, saya rasa kalau sekiranya dibeli yang baru dan yang baru ini tidak ditentukan supaya tidak menghadapi masalah, enjin rosaklah, terbakarlah, terlanggarkah dan sebagainya, maka saya yakin bahawa ramai yang masih berminat untuk pergi ke sana sini

dengan Feri Malaysia ini. Jadi, saya cadangkan, pertama tidak perlu jual atau kalau hendak jual pun, beli yang baru, mungkin lebih besar, yang lebih selamat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Larut.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Enjin yang lebih baru

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Minta penjelasan. Tadi dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan mengatakan dia pernah dibawa oleh MAS seorang diri, pernahkah Ahli dari Simunjan juga dibawa oleh Feri Malaysia seorang diri? (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, sebab itu saya kata masih ramai orang hendak pakai. Saya tidak pernah dibawa oleh Feri Malaysia seorang diri, tetapi MAS pernah.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Simunjan bahawa di bawah Pengangkutan Laut ini tidak ada kaitannya dengan Feri Malaysia, sebab Feri Malaysia ialah di bawah jagaan agensi lain, bukan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat sepatutnya tunggulah. Kalau tidak betul pun nanti jelaskan. Saya rasalah.

Tuan Pengerusi: Saya rasa begitu betul, kerana

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: saya nasihat Yang Berhormat Timbalan Menteri inilah.

Tuan Pengerusi: Tidak, saya rasa teguran tadi adalah betul (*Ketawa*) kerana kita tidak ada masa.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kalau tidak ada masa tunggulah kerana ini membuang masa juga. Tuan Pengerusi, selama ini, semenjak Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan Menteri Perlancongan dan Alam Sekitar menyarankan supaya Kerajaan Persekutuan dan MAS memberi perkhidmatan yang lebih baik dan supaya SIA terbang juga ke Sabah dan Sarawak, tiba-tiba saya tengok penerbangan ke Sarawak itu bertambah serta-merta. Hinggakan saya seorang pun terbang dengan sebuah kapal terbang. Jadi, saya hendak bertanya dengan pihak Kementerian sama ada ini satu desakan begitu berkesan dari Kerajaan Negeri Sarawak ataupun acah-acah sahaja. Ertinya, seolah-olah kalau hendak kami beri macam itu? Jadi, saya hendak penjelasan, adalah ikhlaskah menambah macam itu ataupun seolah-olah satu cabaran kalau hendak, ini kami beri perkhidmatan yang baik dan kapal terbangnya banyak.

Memang saya pernah terbang dengan seorang sahaja, dua orang pun ada. Saya first-class seorang, kemudian yang ekonomi seorang daripada Singapura ke Kuching.

Tuan Pengerusi: First-class tidak usah beritahulah. (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya. Tuan Pengerusi, for courtesy sake, kita beri detail sedikit kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kerana Dewan ingin tahu kita beri penghormatan kepadanya. Tuan Pengerusi, jadi yang satu lagi saya ingin sentuh mengenai penerbangan pengangkutan udara ini ialah perseimbangan itu, kita kadang-kadang kelebihan tempat

duduk untuk terbang dari Kuala Lumpur ke Kuching tetapi penerbangan tempatan dari Kuching ke Miri, ke Sibul, ke Bintulu berkurangan kerana saya dapati minggu lepas ada kawan saya dua orang hendak pergi ke Bintulu, tiga hari tunggu, tidak dapat, terpaksa cancel, tunggu minggu kemudian untuk dapat tempat duduk untuk ke Bintulu. Jadi, saya rasa dari segi perancangan itu, keseimbangan janganlah lebih sangat kapal terbang dari Kuala Lumpur ke Kuching dan kurang sangat dari Kuching ke Bintulu. Saya rasa perancangan ini harus kita teliti supaya tidak merugikan MAS. Saya hendak tolong MAS, tidak apa-apa, tidak merugikan dan juga tidak merugi rakyat di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai mukasurat 220, Lapangan Terbang Sibul, Lapangan Terbang Bintulu. Saya mengalu-alukan pihak Kerajaan membuat Lapangan Terbang Sibul yang saya rasa perlu juga, tetapi memandangkan keperluan yang amat sangat bagi penerbangan ke Bintulu, saya rasa perlu juga pihak Kerajaan memikirkan peruntukan untuk membuat lapangan terbang baru di Bintulu sepertimana juga saya rasa telah dirancang lebih kurang sepuluh tahun yang lepas.

Apa yang saya hendak sentuh lagi ialah mukasurat 216, Butiran 040200 Pendaftaran dan Perlesenan Kenderaan. Di kawasan Samarahan kita dapati sekarang jalanraya kita boleh tahan. Alhamdulillah dan juga merangkumi kawasan saya sendiri oleh kerana jalan raya itu baik, banyaklah van-van prebet berjalan menggunakan jalan raya itu.

Jadi kebanyakan van itu adalah dianggap sebagai van haram dan sekarang ini adalah lebih kurang 60 buah van yang berjalan daripada Kuching ke Samarahan, ke Penang, "Kota Samarahan" seperti yang dikatakan, ini dengan izin, perkataan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, "Kota Samarahan". Jadi, selalu sangat van ini oleh kerana dikatakan haram,

ditangkap oleh pihak Polis dan mereka ini telah membelanjakan \$20,000-\$30,000 untuk membeli sebuah van.

Jadi oleh kerana sekarang perjalanan mereka itu tergendala kerana ditangkap oleh Polis, maka pendapatan mereka pun terjejas. Jadi, saya mencadangkan oleh kerana jalan itu jalan baru, bas pun ada juga, tetapi macam mana kalau kita cadangkan supaya pihak Kerajaan memberikan permit kepada van-van itu. Kalau tidak kesemuanya daripada 60 buah, 30 buah diberikan permit supaya mereka dapat berjalan bebas dan dapat menampung pendapatan tiap-tiap hari dan supaya mereka itu "tidur nyenyak dan makan kenyang".

Jadi, kita mintalah Kementerian mengkaji dan menyelidiki perkara soal van ini, takkan teksi sahaja kita beri permit, kalau dapat van lebih baik kerana van ini saya rasa untuk perjalanan yang baik mampu untuk berjalan dengan selamat dan untuk membawa penumpang-penumpang dan menghantarkan penumpang-penumpang sampai ke rumahnya. Bukan macam bas, itu lain, hanya setakat di tepi jalan sahaja. Tetapi van ini boleh menghantar ke kampung-kampung dari Kuching pergi ke Kampung Jahir di kawasan saya. Van itu boleh pergi ke sana tetapi bas di tepi jalan sahaja. Jadi penumpang terpaksa berjalan dua batu untuk sampai ke Kampung Jahir. Satu contoh yang saya beri.

Jadi, saya menyarankan supaya pihak Kerajaan meneliti perkara ini dan memikirkan untuk memberikan lesen atau permit kepada mereka yang menjalankan van itu.

Tuan Pengerusi, susah hendak memikirkan apa yang hendak dicakapkan lagi fasal terganggu oleh peristiwa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Yang Berhormat Timbalan Speaker tadi.

Jadi, saya rasa itu sahajalah yang boleh saya perkatakan. Kalau terlupa, tunggu tahun yang akan datang, diharapkan menang sahaja pilihanraya

itu, (*Ketawa*) dapat lagi menjadi Ahli Yang Berhormat. Kalau tidak, apa boleh buat, balik kampung tanam kacanglah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan butiran-butiran dalam Anggaran Belanjawan Kementerian Pengangkutan sebentar tadi dan berharap saya akan dapat menjawab dengan memuaskan semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pada permulaannya pada hari Jumaat yang lalu, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menimbulkan perkara mengenai Lapangan Terbang Limbang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Pengangkutan memang sedar keadaan physical constraint yang dihadapi oleh pesawat-pesawat, terutamanya semasa cuaca buruk di padang Lapangan Terbang Limbang. Oleh yang demikian, pada tahun 1982 satu pelan induk telahpun disediakan oleh Kementerian ini bagi tujuan membina sebuah lapangan terbang baru di satu tapak yang lain untuk menggantikan lapangan terbang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, projek itu tidak dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima oleh kerana keadaan kewangan yang tidak mengizinkan.

Baru-baru ini Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Jabatan Kerjaraya Sarawak telah sekali lagi membuat kajian sama ada lapangan Terbang Limbang yang sedia ada dapat dipertingkatkan dengan masalah-masalah physical constraint, dengan izin, di atas. Bagaimanapun hasil kajian berkenaan telah jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tiada pilihan selain

daripada membina sebuah lapangan terbang baru di satu tempat yang lain.

Untuk tujuan ini, Kementerian Pengangkutan akan mengemukakan syor dalam Rancangan Malaysia Keenam supaya projek pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Limbang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam tahun berkenaan. Namun demikian, perlulah saya menjelaskan sama ada cadangan projek ini dapat dipertimbangkan adalah bergantung kepada keadaan kewangan Kerajaan dalam Rancangan berkenaan dan dalam konteks keutamaan projek-projek yang perlu dilaksanakan dalam Rancangan itu.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyebut mengenai lapangan terbang Bak Kalalan dan Long Semado yang perlu dipertingkatkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lapangan terbang Semado dan Baek Kalalan telahpun diberikan peruntukan untuk dipertingkatkan dalam Rancangan Malaysia Kelima dan bagi tahun 1990 sebanyak \$720,000 telahpun diperuntukan untuk tujuan yang berkenaan.

Bagi Padang Terbang Bario pula sebanyak \$2.4 juta telahpun diperuntukkan untuk menyediakan projek ini bagi menampung operasi pesawat twin-otter. Projek ini sedang berterusan dan bagi tahun 1990 sebanyak \$1.6 juta telahpun disediakan.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh mengenai Keretapi Tanah Melayu (KTM) iaitu pembinaan landasan keretapi di Pantai Timur. Memang ada keretapi ke Pantai Timur iaitu dari Gemas sampai ke Rantau Panjang dan inilah yang dipanggil oleh KTM Perkhidmatan KTM ke Pantai Timur. Kalau yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu keretapi Timur-Barat, cadangan itu dahulu timbul semasa keadaan ekonomi meleset dan projek ini telahpun tidak diambil lagi untuk projek yang akan datang dan dalam

keadaan KTM hendak diperbadankan, maka mungkin perkara ini ditimbangkan semula selepas perbadanan ini diwujudkan.

Apabila KTM diperbadankan, ianya akan dimiliki 100% oleh Kerajaan. Jadi, pekerja-pekerja KTM tidak perlu risau kerana mereka tidak akan dibuang kerja dalam usaha kita memperbadankan KTM.

Tuan Pengerusi, dalam peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Pengangkutan, tidak ada diminta peruntukan bagi keperluan Pengerusi Eksekutif KTM. Namun begitu, saya sukalah mengatakan bahawa perlantikan Pengerusi itu akan dikuatkuasakan apabila KTM diperbadankan nanti. Jawatan itu adalah selaras dengan organisasi baru bagi badan korporat keretapi baru itu.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga komposisi kaum

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, minta penjelasan, sedikit. Katanya Pengerusi akan dilantik apabila perbadanan ini diswastakan nanti. Soalan saya, kenapakah seorang Pengerusi Eksekutif iaitu Encik Selvarajah telah diumumkan. Apakah rationalenya?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, saya kata tadi iaitu perlantikan Pengerusi Eksekutif akan dikuatkuasakan apabila perbadanan KTM ini wujud dan ianya selaras dengan organisasi baru korporat KTM itu dan kalau hendak tanya saya detil-detil, sebab-sebab kenapa, saya tidak dapat memberikan segala detil sebab-sebabnya, tetapi pada hemat saya perlantikan Pengerusi Eksekutif ini adalah berasaskan tugas-tugas yang

telah dijalankan oleh beliau selaku Pengerusi Lembaga KTM yang ada sekarang.

Yang Berhormat dari Marang juga telah menyentuh mengenai kapal korek. Jabatan Laut mempunyai tiga buah kapal korek pada masa ini dan sebuah di dalam pembinaan, dijangka siap pada penghujung tahun 1990. Keutamaan mengorek telah diberikan kepada jeti-jeti Kuala Perlis; Kuala Besar, Kelantan; Kuala Terengganu, Kuala Dungun dan juga Kuala Kedah. Penggunaan kapal korek ini akan digilir-gilirkan dari satu tempat ke satu tempat. Dan tempat-tempat lain juga akan dipertimbangkan setelah habis kerja-kerja utama yang telah ditetapkan. Pada setahun kapal-kapal korek ini boleh mengorek lebih kurang empat kawasan pelabuhan kecil.

Yang Berhormat juga telah bertanya mengenai jeti-jeti yang hendak diperluaskan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, minta jalan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Sila.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya daripada dulu lagi sering mendengar jawapan yang sama iaitu kapal korek ini akan tiba, akan tiba, bila habis! Agak-agaknya berapa tahun lagi agaknya boleh habis dan boleh sampai ke tempat-tempat yang banyak berlaku pemendapan pasir. Dua tahun lepas pun kata macam itu juga.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat satu kapal korek bukan boleh dibuat dalam masa lima enam bulan. Ianya memakan masa bertahun untuk menyiapkan satu kapal korek yang ditempah. Dan pengorekan ini berterusan kerana enapan pasir-pasir ini berjalan sepanjang masa. Jadi, masalah ini akan berterusan dan saya

jangka selagi Ahli Yang Berhormat menjadi Ahli Parlimen Marang menghadapi masalah kuala sungainya penuh pasir, selagi itulah juga kita terpaksa melaksanakan kerja-kerja ini oleh Jabatan Laut.

Mengenai jeti tadi, saya kata 19 jeti telah dikenal pasti

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun pula.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Saya rasa biarlah saya jawab dulu kerana masa pun sudah begitu singkat. Kalau Yang Berhormat

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sikit sahaja.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Kalau Yang Berhormat tidak puas, selepas ini boleh jumpa saya, boleh ada sesi dua jam pun tidak apa.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Okaylah.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: dan 8 jeti akan dibina semula ataupun diperbaiki dalam tahun 1990 ini. Dan dari segi keutamaannya telah diperuntukkan \$11 juta bagi kerja-kerja ini iaitu yang meliputi jeti-jeti Pulau Ketam, Selangor; Kukup, Mersing, jeti Shah Bandar Johor Bharu, Johor; jeti Kuala Kedah; jeti Shah Bandar Pelabuhan Kelang dan Pulau Lumut; dan Bagan Datoh.

Berkenaan kapal korek tadi, katanya kakitangan tidak cukup untuk mengendalikan; sebenarnya permohonan pengisian jawatan kosong di Jabatan Laut untuk pengurusan-pengurusan jeti telah diminta dan masih menunggu kelulusan pihak Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa tidak cukup persediaan mengenai penggunaan Terminal 1 sebagai terminal penerbangan dalam negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemisahan pengendalian trafik antarabangsa di Terminal 1 dan trafik dalam negeri di Terminal 2 dibuat bagi mengurangkan kesesakan di Terminal 1. Pada masa lalu kesemua penumpang antarabangsa dan dalam negeri sebanyak 5 juta orang dikendalikan di satu bangunan terminal. Dan dengan pengasingan pengendalian trafik antarabangsa sebanyak 3 juta penumpang dan dalam negeri sebanyak 2 juta penumpang kita telah mengadakan kemudahan di Terminal 2. Jadi pada peringkat permulaannya di Terminal 2 akan mengendalikan penerbangan dalam negeri dan Terminal 1 mengendalikan penerbangan antarabangsa. Tetapi Yang Berhormat, rasa saya Yang Berhormat sebut tadi itu ialah penerbangan campuran iaitu kita ada penerbangan campuran misalnya penerbangan dari Medan ke Pulau Pinang dan ke Kuala Lumpur. Dan oleh kerana ianya juga sebahagian daripada penerbangan antarabangsa maka penerbangan ini terpaksa turun di Terminal 1 untuk kemudahan penumpang-penumpang antarabangsa itu melalui pemeriksaan Imigresen dan juga Kastam.

Kemudahan-kemudahan lain akan dapat disediakan dari masa ke semasa. Sebenarnya kalau kata tadi kekurangan kemudahan restoran, ada dua restoran yang disediakan di Terminal 2 tetapi baru satu sahaja yang beroperasi. Begitu juga ruang-ruang kedai. Ianya ada ruang-ruang kedai tetapi belum lengkap lagi.

Mengenai bayaran 30 sen tadi, sebenarnya bukan sahaja perkhidmatan bas diadakan tetapi perkhidmatan teksi dan limousine juga diadakan bagi penumpang-penumpang untuk pergi ke satu terminal ke satu terminal. Terpulanglah kepada penumpang untuk

memilihnya. Dan mengenai bayaran 30 sen, Kementerian telahpun membuat keputusan ianya akan dibatalkan.

Penerbangan-penerbangan dalam negeri yang dikatakan tidak cukup; MAS sentiasa mengawasi kedudukan permintaan bagi perkhidmatan-perkhidmatannya. Sekiranya didapati perlu MAS akan menambah perkhidmatan-perkhidmatannya. Sekiranya didapati perlu MAS akan menambah perkhidmatan-perkhidmatannya di sektor yang berkaitan ke arah menampung tambahan-tambahan penumpang yang memerlukan perkhidmatan.

Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah menyentuh mengenai tingkah laku penguji kenderaan dan juga kecurigaan beliau mengenai penguji-penguji yang mungkin melakukan rasuah. Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa mengambil tindakan untuk membanteras penyelewengan dan untuk ini ujian pemandu telah kita ambil kira dan kita adakan sistem ujian yang dipanggil "ideal card" di mana keputusan ujian diberikan dengan serta-merta. Dan jika seseorang calon itu gagal dalam ujiannya alasan-alasan mengapa dia gagal akan diberikan.

Sebenarnya berkaitan dengan ini JPJ juga telah mengeluarkan risalah mengenai prosedur pengujian pemandu dan bayaran-bayaran rasmi yang sebenarnya mesti dibayar demi membantu orang ramai supaya tidak terpaksa membayar bayaran yang tidak sepatutnya seperti kata Yang Berhormat tadi itu dan dengan sistem ujian ini kita yakin bahawa

Tuan Lau Dak Kee: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Pasir Pinji bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan. Sedarkah, atau tidak Timbalan Menteri bahawa perkara-perkara yang timbul dalam pejabat JPJ dan luar pejabat JPJ atau pun di padang-padang atau di tapak pengujian, suatu

perkara yang selalu berlaku di sana saya fikir perkara ini adalah satu ketahuan umumlah di mana kalau bayaran yang tertentu itu tidak jelas ataupun bayaran "luar biasa" itu tidak dijelas sebelum ujian itu dijalankan maka penguji-penguji atau orang yang ambil atau masuk dalam ujian itu atau pemeriksaan itu didapati bahawa mereka akan gagal. Selepas bayaran yang "luar biasa" itu telah dibayar maka mereka menyakinkan ujian itu akan berjaya. Saya hendak tahu sama ada Timbalan Menteri benar-benar dapat menyemak atau pun pergi ke tempat pemeriksaan atau ujian di mana terdapat banyak orang-orang tengah memainkan peranan yang sangat-sangat penting terhadap penyelewengan dan rasuah. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat itu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat hanya membawa perkara-perkara ini dalam sidang Dewan ini untuk dicatat dan untuk diberitahu kepada pengundi-pengundinya bahawa dia membuat kerja. Kalau ya Yang Berhormat membuat kerja on the ground tolonglah beri laporan aduan kalau terdapat ada kejadian-kejadian seperti ini berlaku. Kami di Kementerian dan Jabatan Pengangkutan Jalan begitu sensitif sekali mengenai perkara-perkara ini, bukan saya sendiri pun mengambil berat dan pergi melawat tetapi bila saya pergi melawat, sudah tentu orang tengah itu lari, takkan dia ada di situ untuk menunggu saya.

Tuan Lau Dak Kee: (Bangun)

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Saya hendak beri penjelasan ini, tunggulah dahulu.

Tuan Lau Dak Kee: Okay, silakan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Takkan orang itu hendak tunggu saya di situ, hendak mengatakan, "saya orang tengah, saya buat itu dan saya buat ini". Terpulanglah kepada orang awam,

members of the public to be responsible untuk melaporkan kepada Kerajaan kerana jika sudah terdapat aduan-aduan seperti ini, Kementerian mengambil tindakan serta merta, kalau perlu kita gantung pegawai itu dari jawatannya, kita gantung. Yang Berhormat tolonglah beri kerjasama, sekiranya Yang Berhormat mendapati perkara-perkara atau maklumat-maklumat ini, tetapi hendaklah maklumat yang tepat, tarikh, masa, tempat dan siapa orang-orangnya supaya Kerajaan boleh membuat penyiasatan yang rapi dan perkara ini dapat dibenteras. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat itu.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta penjelasan sedikit. Saya harap jikalau

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Timbalan Menteri hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan tentang perkara ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalankah, Yang Berhormat?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tak payahlah, sudahlah itu.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya cuma

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat telah membicarakan banyak perkara tadi, jadi saya hendak jawab sekarang dan masa pun sudah tidak ada lagi.

Yang Berhormat dari Pasir Pinji juga telah menyebut mengenai kenaikan had berat gandar dari 9 tan ke 10 tan. Dengan tambahan bilangan gandar di sesebuah lori, maka beban yang ditanggung oleh jalan-jalan dapat diringankan. Itu tujuan yang pertamanya. Ini bermakna bahawa jalan-jalan yang sedia ada ini akan lebih tahan lama. Jadi tidaklah dia cepat sangat pecah-pecah atau berlubang-lubang dan sebagainya.

Dengan kenaikan had berat kenderaan daripada 22 tan had yang sedia ada sekarang kepada 36 tan, jumlah muatan yang boleh dibawa oleh lori-lori ini akan dinaikkan daripada 13 tan ke 23 tan bagi setiap perjalanan. Ini bermakna bahawa kos operasi dan kos pengangkutan akan dapat diturunkan. Dengan kenaikan had berat ini adalah terpulang kepada para pengusaha pengangkutan itu sendiri sama ada mereka ingin mengambil kesempatan ini untuk menaikkan BDMnya ataupun mengekalkan BDM yang sedia ada, ini bukan paksa, bukan wajib, ini terpulang kepada mereka sendiri. BDM sebelum lori itu boleh dapat dinaikkan sekiranya lori itu didapati sesuai dan selamat digunakan di jalanraya. Ini hanya dapat dijamin dengan pengubahsuaian. Kalau tidak hendak menaikkannya tidak payah diubahsuaikan. Ini bukan paksa, Yang Berhormat, dan kosnya hanya dikenakan sekali sahaja daripada pengubahsuaian itu. Struktur cukai jalan untuk semi-trailer akan diubahsuai supaya kos operasi multi-trailer atau interchangeability of trailers dapat turunkan.

Cadangan-cadangan Yang Berhormat yang lain itu, saya akan beri perhatian dan Kementerian akan mengkaji semua cadangan itu dengan sewajarnya. Mengenai kadar freight charges sebanyak 25 sen satu tan setiap batu, kadar freight charges sebanyak 25 sen satu tan sebatu ini adalah ditetapkan oleh LPKP (Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan) di bawah Kementerian Perusahaan Awam dan bukan di bawah Kementerian Pengangkutan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun pula Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Lau Dak Kee: Berkenaan dengan LPKP ini

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: LPKP, saya tidak boleh jawab, sebab bukan di bawah bidang tugas saya.

Tuan Lau Dak Kee: Bukan, ini ada bergantung-ada terlibat.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Saya tidak mahu jawab, tidak ada bergantung apa-apa. Apa sahaja yang bersangkutan dengan LPKP, saya tidak boleh jawab, sebab Menteri dan Timbalan Menteri ada

Tuan Lau Dak Kee: Ini oleh sebab pengumuman daripada Menteri

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Pinji tidak boleh berucap, jika dia tidak beri jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Saya bukan hendak berucap, hendak minta penjelasan sahaja.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Saya tidak beri jalan.

Yang Berhormat dari Simunjang telah menyentuh mengenai perkhidmatan MAS yang berkaitan dengan permintaan daripada Menteri Pelancongan Sarawak dan juga ada kaitan dengan operasi SIA. Kementerian Pengangkutan dan MAS akan terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan ke Sabah dan Sarawak dan juga ke mana-mana destinasi di peringkat antara-bangsa. Beberapa langkah telahpun kita ambil untuk menambah perkhidmatan dan kapasiti, tetapi Yang Berhormat kata tadi, ada penerbangan yang beliau seorang sahaja menjadi penumpang di dalamnya.

Bukan kita hendak menunjuk bahawa kita boleh beri perkhidmatan pada bila-bila masa sahaja tetapi kita menjalankan satu-satu perkhidmatan itu untuk menentukan benarkah permintaan-permintaan yang berlebihan tadi itu. Sekiranya kita suda ada satu penerbangan atau beberapa penerbangan tetapi ternyata tida ada penumpang, maka kita tahulah bahawa perkhidmatan itu tidak perlu.

Cadangan operasi SIA ke Sarawak adalah masih dalam kajian dan saya suka mengingatkan kepada sesiapa juga, terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang membawa perkara ini, apa juga tindakan yang hendak kita lakukan mestilah kita mengutamakan kepentingan nasional terlebih dahulu. Sekiranya satu-satu perkhidmatan itu mampu kita laksanakan dan tidak perlu kita berikan kepada orang lain untuk melaksanakannya dan kita akan terus melaksanakannya sendiri.

Mengenai lapangan terbang baru Sibu dan Bintulu, untuk makluman Yang Berhormat, projek lapangan terbang baru Sibu memang berterusan dari segi pelaksanaannya. Peringkat pembinaan dijadualkan bermula pada awal 1990 dan projek ini dijangka siap pada awal tahun 1993. Bagi lapangan terbang baru Bintulu pula, projek ini mungkin dapat dimasukkan dalam kajian Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibawa oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membincangkan peruntukan mengenai Kementerian Pengangkutan dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan memberi jaminan bahawa semuanya akan diteliti dan akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$143,302,800 untuk Maksud B. 47 dan \$10 untuk Maksud B. 48 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$143,302,800 untuk Maksud B. 47 dan \$10 untuk Maksud B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$228,125,180 yang disebutkan dalam Maksud P. 47 dan \$32,000,000 untuk Maksud P. 48 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$228,125,180 untuk Maksud P. 47 dan \$32,000,000 untuk Maksud P. 48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga perbincangan mengenai peruntukan Kementerian-Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kebajikan Masyarakat dan Kerjaraya telah selesai dan sebaik sahaja selepas itu Dewan ini akan ditangguhkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga perbincangan mengenai peruntukan Kementerian-Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kebajikan Masyarakat dan Kerjaraya telah selesai dan sebaik sahaja selepas itu Dewan ini akan ditangguhkan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Jawatankuasa

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 49 dan B. 50 (Jadual)—

Maksud P. 49 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 49 dan B. 50 dan Kepala Pembangunan P. 49 dan P. 50 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sandakan.

5.41 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya masuk ke Bekalan 49-Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, mukasurat 227, Butiran 020000-Pemeriksa Elektrik, Kod 20000-Perkhidmatan dan Bekalan dan 30000-Aset.

Tuan Pengerusi, perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tentang Lembaga Elektrik Sabah. Baru-baru ini apabila pembina kapal-kapal di Sandakan dipaksa berpindah keluar dari tempat kerja mereka ke satu tempat yang baru, mereka dipaksa membayar kos pasang baru, dengan izin, high voltage transformer yang berjumlah kira-kira \$6,000 sebuah bagi 6 orang. Saya diberitahu bahawa transformer yang baru ini adalah kepunyaan Lembaga Elektrik Sabah dan bukannya pembina kapal-kapal.

Para pengguna patutnya tidak perlu membayar untuk kos transformer ini. Adalah salah bagi Lembaga Elektrik Sabah untuk mengenakan bayaran ke atas pengguna di mana harta-benda tersebut adalah kepunyaan Lembaga Elektrik Sabah dan Lembaga Elektrik Sabah telahpun mengaku bahawa harta benda tersebut adalah kepunyaannya seperti yang terdapat di dalam akaunnya. Saya harap Lembaga Elektrik Sabah akan membetulkan amalannya itu.

Butiran 030000-Program-Kawalselia Telekom, Kod 20000-Perkhidmatan dan Bekalan 40000-Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

Tuan Pengerusi, perkhidmatan Telekom di Sabah adalah tidak memuaskan. Kerajaan menswastakan jabatan ini supaya dapat memperbaiki perkhidmatannya, tetapi malangnya, menambah masalah. Pertama sekali, saya ingin menyentuh tentang panggilan telefon antara Sabah dan Semenanjung Malaysia sebelum diswastakan, panggilan terus antara Sabah dan Semenanjung Malaysia boleh disambung dengan mudah tanpa gangguan. Gangguan hanya dalam tempoh 2 tahun kebelakangan ini. Apabila kami mendail mahupun dari Sabah ke Semenanjung Malaysia atau sebaliknya didapati tiada talian telefon itu atau telefon berbunyi tetapi tiada jawapan dari pihak yang dipanggil. Apabila diperiksa, kami dapati bahawa telefon tidak berbunyi

langsung di sebelah pihak yang dipanggil. Semasa talian telefon dapat disambungkan, kami tidak dapat mendengar suara di sebelah sana dan terpaksa dail beberapa kali dan baru berjaya membuat panggilan itu. Apabila seseorang hendak membuat panggilan jauh, ia pasti disebabkan oleh keadaan yang segera dan penting dan mereka mengharapkan perkhidmatan yang baik.

Jika Telekom tidak dapat memberi perkhidmatan sedemikian, maka ia telah gagal dalam tugasnya dan tanggungjawabnya untuk berkhidmat kepada masyarakat. Sungguhpun kadangkala panggilan dapat disambung, selalu terdapat talian bersilang atau, dengan izin, cross-line seperti mendengar perbualan orang lain dan ini menyebabkan ketidakselesaan apabila seseorang membuat panggilan telefon. Jika Syarikat Telekom Malaysia tidak dapat memperbaiki perkhidmatannya, maka Kerajaan telah gagal dalam rancangan penswastaannya.

Perkara yang lain yang ingin saya menyentuh ialah Syarikat Telekom Malaysia suka memotong talian telefon tanpa memberi apa-apa notis dan apabila pengguna yang terlibat hendak menyambung balik perkhidmatan telefonnya, ia dikenakan bayaran \$50. Pengguna telefon ada menyimpan wang cagaran di Syarikat Telekom Malaysia di mana amount yang dikira oleh Syarikat Telekom Malaysia bagi pengguna-pengguna adalah cagaran penggunaan telefon bulanan. Ini adalah tindakan salah bagi Syarikat Telekom Malaysia untuk memotong talian telefon apabila pengguna telefon masih mempunyai kredit dalam akaunnya.

Apabila bil pengguna telefon melebihi cagarannya, Syarikat Telekom Malaysia tidak patut memberi sebulan notis kepada pengguna dan menghantar surat peringatan sebelum tindakan memotong talian telefon. Kalau tidak, ini hanya bermakna Syarikat Telekom Malaysia berminat memperoleh

keuntungan sahaja dengan mengenakan bayaran sebanyak \$50 untuk menyambung balik talian telefon.

Syarikat Telekom Malaysia harus memikirkan untuk mengurangkan bayaran menyambung balik talian telefon daripada \$50 kepada \$10. Ia tidak harus mengenakan bayaran yang lebih dengan mementingkan keuntungan tambahan dengan tidak memperdulikan perkhidmatan mereka kepada orang ramai.

Bil yang melebihi apa yang patut dikenakan adalah perkara yang selalu berlaku di Sabah. Saya ingin merujuk kepada satu kes yang berlaku di Sandakan. Pengguna telefon bernama Madam Kwang yang mempunyai nombor telefon 211962. Telefon ini telah dipasang di sebuah tadika dan bayaran bulanan biasanya adalah \$11.57 sehingga \$34.70 adalah yang tertinggi tetapi tiba-tiba, mulai dari 16hb Ogos 1988, bil bulanannya meningkat kepada \$111.54, \$218.27, \$707.20, \$171.34 dan \$433.42 bagi masa 16hb Ogos 1988 hingga 15hb Januari 1989.

Ini adalah mustahil. Pengguna itu telah membuat aduan dengan Syarikat Telekom Malaysia. Dalam surat Syarikat Telekom Malaysia bertarikh 29hb Oktober 1988, Syarikat Telekom Malaysia mengatakan bahawa panggilan-panggilan telefon telah dibuat dari 16hb Ogos 1988 hingga 14hb November 1988 dan ini dinafikan oleh pengguna. Pengguna itu telah mengesahkan bahawa telefon itu dikunci setiap masa dan hanya dia yang mempunyai kunci tersebut. Bagaimanakah orang lain dapat membuat panggilan telefon sehingga amount yang begitu besar di dalam bil bulanannya.

Saya harap Kementerian dapat menyasiat perkara ini dengan sempurna dan memastikan bahawa pengguna berkenaan tidak perlu membayar bil yang tidak patut dikenakan itu.

Se kian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong Aru.

5.50 ptg.

Tuan Hsiang Yin Shean (Tanjong Aru): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada mukasurat 228, Maksud Pembangunan P. 49-di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Butiran 03200 di bawah tajuk Lembaga Letrik Sabah.

Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia selama 26 tahun, akan tetapi pengguna-pengguna elektrik di negeri Sabah dan Sarawak terpaksa membayar bayaran elektrik melebihi 5% hingga 20% jika dibandingkan di Malaysia Barat. Apakah sebabnya rakyat Sabah dan Sarawak mesti membayar harga elektrik yang lebih tinggi daripada rakyat di negeri-negeri yang lain. Keadaan yang tidak adil dan saksama amatlah jelas dan ini menyebabkan rakyat di kedua-dua negeri tersebut berasa didiskriminasikan.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada mukasurat 227, Maksud Bekalan B. 49, Butiran 030000 di bawah tajuk Kawalanselia Telekom. Sejak Telekom Malaysia diswastakan pada 1hb Januari, 1987 ramai orang berfikir bahawa keadaan yang tidak memuaskan seperti kelemahan pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan kurang baik, itu akan hilang sama sekali, tetapi malangnya jika kami membandingkan prestasi dan perkhidmatan STM dengan Jabatan Telekom Malaysia yang lalu, keadaan bukan sahaja tidak bertambah baik, tetapi keadaan adalah bertambah buruk.

Sebagai seorang Ahli Parlimen bagi kawasan Tanjong Aru, Sabah, saya telah menerima banyak komplek atau aduan tentang perkhidmatan STM daripada pengguna-pengguna yang ada di kawasan saya. Aduan-aduan mereka itu termasuk sistem kira-kira cagaran bertambah, ketidakcekapan dan sikap yang kurang jujur terhadap pengguna.

Tuan Pengerusi, sungutan yang biasa diterima adalah mengenai bayaran melebihi apa yang patut dikenakan. Banyak pengguna menerima bil-bil telefon 2 atau 3 kali ganda melebihi bil bayaran yang biasa, dan ini amatlah mengejutkan pengguna-pengguna yang berkenaan. Setelah menyiasat akaun dengan teliti, mereka dapati bahawa nombor-nombor telefon yang dipanggil dalam rekodnya adalah nombor-nombor yang tidak diketahui pengguna sendiri. Mereka pergi ke Pejabat STM yang berkenaan membuat aduan melalui "isikan borang", tetapi jawapan yang diberi adalah selalu sama, iaitu "setelah diperiksa meter rekod berfungsi normal, tidak ada sebarang kesilapan." Tindakan STM untuk memberhentikan perkhidmatan telefon adalah sangat cepat sekiranya pengguna telah menjelaskan bil bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, perkhidmatan telefon yang berkenaan akan dipotong tanpa notis. STM patut memberi tempoh tolak-ansur selama 14 hari bagi pengguna menjelaskan bilnya. Apabila perkhidmatan dipotong dan diminta menyambung balik, pengguna yang terlibat akan dikenakan bayaran sambung balik perkhidmatan telefon sebanyak \$50.

Saya ingin minta penjelasan daripada Kementerian, mengapa bayaran sambung balik begitu tinggi, tindakan STM untuk menyambung balik perkhidmatan pun lewat, pengguna terlibat terpaksa menunggu dan mengejar STM beberapa hari dan beberapa kali supaya perkhidmatan disambung balik. Kelambatan pemasangan telefon dan membaiki telefon juga sentiasa timbul dan ini telah menyebabkan kesusahan dan kerugian yang besar kepada pengguna-pengguna yang berkenaan.

Tujuan penswastan ialah untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti supaya memastikan perkhidmatan yang lebih sempurna. Kemusykilan sistem perakaunan dan kelewatan memperbaiki alat-alat telefon serta lain-lain masalah

teknik, tidak dapat diatasi ataupun dikurangkan selepas penswastan tersebut. Kemusykilan sebaliknya bertambah serius.

Tuan Pengerusi, perjanjian standard di antara pengguna dan STM adalah amat longgar dan terlalu memberi perlindungan kepada STM. Perjanjian standard ini mempunyai kandungan yang bertentangan dengan kepentingan pengguna-pengguna dengan syarat bahawa STM berhak untuk menukar syarat-syarat perjanjian dengan cuma memberitahu pelanggan dan ianya tidak menyebut bagaimana bantahan atas bil-bil telefon akan diselesaikan.

Di bawah seksyen baru 3 (b) Akta Telekomunikasi yang dipinda dalam tahun 1985 Ketua Pengarah Telekom mempunyai tugas untuk promote the interest of consumer, dengan izin. Oleh yang demikian, saya minta Kementerian yang berkenaan benar-benar, dengan izin, promote the interest of consumer dan bukan promote the interest of STM.

Sudahlah wajar pihak Kementerian membawa pindaan kepada perjanjian standard STM supaya ia lebih adil dan mempunyai syarat-syarat dan provisi-provisi yang memberi perlindungan kepada pelanggan-pelanggan. Memandangkan S.T.M. kini dikatakan dalam proses menyediakan satu kanun amalan pengguna atau consumer package code.

Saya mencadangkan bahawa Kanun ini harus mengandungi provisi-provisi yang akan memberikan faedah kepada pengguna-pengguna seperti:

- (i) satu prosedur untuk menyiasat ke dalam pembantahan atas bil-bil telefon.
- (ii) pemotongan sewa sekiranya telefon rosak untuk selama lebih daripada dua hari.
- (iii) had jangka masa untuk membaiki kerosakan.

Tuan Pengerusi, akhirnya adalah dikatakan bahawa S.T.M. akan melabur \$50 juta untuk menubuhkan satu

perkhidmatan telefon mobile baru yang dinamakan ATUR 800. Bolehkah Kementerian berkenaan menjelaskan kenapa satu lagi rangkaian perkhidmatan telefon mobile yang merupakan rangkaian ketiga untuk mengoperasi dalam negara kita dan juga adakah dengan ini bermakna bahawa STM merancang untuk menarik keluar pegangan saham 51% dalam Shellcom iaitu Shell Communication Sdn., Bhd. dan melabur semula dalam syarikat baru ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja cadangan, pandangan dan soalan saya berhubung dengan Kementerian Tenaga Telekom dan Pos. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.58 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mukasurat 227, Butiran 010000-Khidmat Bantuan dan Butiran 010100-Pentadbiran Am, Butiran 010200-Perancangan Pembangunan, sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya suka menyatakan di sini, bahawa sering dikedemukakan aduan-aduan kepada Jabatan Pos dan Telekom ini mengenai kerosakan-kerosakan yang dinyatakan oleh pengguna-pengguna khususnya di kawasan-kawasan pendalaman, khasnya di kawasan saya sendiri yang kurang mendapat bayaran segera daripada Jabatan ini, seolah-olah ianya menunggu satu jangka masa yang agak lama barulah dapat diambil tindakan, hari ini boleh dikatakan rata-rata di kampung-kampung. Oleh itu saya berharap Kementerian ini akan mengambil tindakan segera bagi menyahut ataupun memberikan layanan dan juga mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh pengguna-pengguna, khususnya di kawasan-kawasan pendalaman.

Saya juga ingin menyentuh bahawa agaknya bil terperinci Bahagian Telekom ini patutlah diperluaskan lagi keseluruh negara, kalau boleh ataupun sekurang-kurangnya di negeri Selangor ini biarlah seluruh negeri, tidak di kawasan Lembah Kelang (Klang Valley) sahaja, kerana untuk kita mengetahui cara penggunaan yang sebenarnya berhubung dengan penggunaan telefon ini, kita tidak mahu memberikan tuduhan-tuduhan bahawa pihak STM sengaja menaikkan bil-bil ataupun ada orang lain yang menggunakan telefon mereka dan sebagainya, kerana itu perlulah diperincikan bil terperinci ini diperluaskan lagi, kalau boleh biarlah keseluruh negara supaya setiap pengguna akan berpuas hati mengenai bil-bil bayaran yang mereka kenakan.

Satu lagi perkara yang saya suka menyatakan dari segi pentadbiran ini, saya pernah mengemukakan satu rayuan, soal bil telefon saya sendiri khususnya, yang saya kemukakan kepada Setiausaha Timbalan Menteri sendiri yang telah tidak diambil perhatian sejak daripada tahun 1988 bulan Jun sehingga kini belum selesai lagi kerana itu selalu telefon saya diganggu dan kalau saya terlewat sedikit membayar, hari ini akan dipotong. Sebenarnya bil bayaran telah dijelaskan tiap-tiap bulan tetapi oleh kerana pihak Kementerian sendiri tidak menyelesaikan mengenai bantahan yang saya kemukakan atas bayaran yang melebihi daripada \$700 sebulan yang saya rasa tidak munasabah, kerana itu kes ini adalah berlewatan.

Jadi, saya harap kes ini akan dapat diberikan penjelasan, jawapan dan juga dapat diatasi oleh pihak Kementerian, dan kalau tidak dapat diatasi pun, sekurang-kurangnya pihak Kementerian atau Jabatan Telekom mengenalpasti telefon Wakil-wakil Rakyat tidak akan dipotong kerana kesalahan bukan daripada pengguna sendiri tetapi oleh kerana pihak Jabatan Telekom sendiri tidak begitu cekap mengatasi masalah ini. Kalau Jabatan Telekom mengatakan

ia akan mengambil tindakan, ia akan mengkaji, jadi takkanlah kajian bertahun-tahun tidak boleh diberikan keputusan dan kalau pun memerlukan kajian begitu lama, perkhidmatan tidak akan dihentikan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya suka menyatakan mengenai pembangunan tadi. Sering berlaku kerosakan api ataupun gangguan elektrik, khususnya di hujung-hujung minggu di kawasan-kawasan luar bandar seperti di Sabak Bernam, Sepang dan lain-lain dan bila berlaku kerosakan ini agak lewat dan lambat diperbaiki. Sebagai contohnya, kalau kerosakan yang berlaku pada hari Sabtu pagi, tentulah hari Isnin baru baiki. Ini agak mendukacitakan dan menyusahkan orang ramai. Jadi, kalau boleh pihak Kementerian ini dapat memperbaiki prestasi perkhidmatan supaya pengguna-pengguna tidak akan mengalami kesusahan.

Saya pernah menyatakan kepada pihak LLN kerana saya pasti bila hujung minggu selalu rosak. Saya kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan sampai ke Sabak Bernam, LLN pasti jaga dengan baik supaya jangan berlaku kerosakan kerana saya sudah menganggap bahawa selalu berlaku di hujung-hujung minggu dan boleh dikatakan pemimpin-pemimpin negara yang pernah ke Sabak Bernam tahu hal ini, sering terjadi. Rupanya apa yang saya sangka betul-betul berlaku.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Kedatangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Sabak Bernam tidak ada api pada masa itu dan pada masa itu Yang Amat Berhormat bertanya kenapa tidak ada api, Rest House baik, baru, sedangkan saya telah memaklumkan dari awal lagi kepada pihak LLN supaya berhati-hati kalau ini akan berlaku, pastikan pencawang di Batang Berjantai rasa saya yang selalu rosak. Saya ingin bertanya kenapa selalu

sangat rosak pencawang ini, apakah transformer yang dipasang itu transformer second-hand, yang tidak berkualiti kerana sering berlaku kerosakan ini. Jadi ini saya berharap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Selain daripada itu, saya suka juga menyatakan dari segi pembangunan ini dalam perbincangan peringkat dasar dahulu saya telah menyentuh soal janji Timbalan Menteri satu talian baru daripada Teluk Intan ke Sabak Bernam seterusnya ke Batang Berjantai akan siap. Bila saya tegur, Yang Berhormat Menteri kata minggu lepas kerja sedang dimulakan. Saya berharap Kementerian memastikan kerja-kerja ini supaya tidak terhenti lagi kerana hari Minggu yang lepas, semalam saya telah pergi ke Teluk Intan, saya tengok kerja itu macam terhenti balik. Jadi saya bimbang kalau ini tidak diawasi, kerja ini akan terbengkalai balik, tahun hadapan kita akan bertanya lagi di Dewan ini dan Menteri akan jawab yang lain pula.

Selain daripada itu, mengenai kawalan Telekom ini saya suka bertanya, bilakah kod Sabak Bernam ini, salah satu daerah di negeri Selangor ini diubah kepada 03 macam daerah yang lain kerana hari ini kami seolah-olahnya hidup di Perak, orang Sabak Bernam terpaksa buka buku pun dimasukkan dalam negeri Perak-05 di bawah Ipoh atau Taiping, sedangkan di sebelahnya 03. Kalau dapat ini diselaraskan supaya orang bila hendak tengok Directory, dengan izin, dia akan cari negeri Selangor nampaklah daerah Sabak Bernam di situ. Jadi kenapakah satu daerah ini tertinggal dalam Directory di Selangor. Jadi ini harap dapat diperbetulkan.

Itu sahaja pandangan saya, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang jemput Yang Berhormat dari Ipoh dan selepas ini Menteri akan menjawab.

6.05 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 227, Butiran 010200 Kod 10000.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan satu perkara iaitu mengenai Perancangan dan Pembangunan. Mengikut buku Program dan Prestasi, tujuan adalah untuk merangka dasar dan menyelaraskan perancangan tenaga negara serta mengubal dasar pembangunan bagi pelaksanaan projek-projek elektrik, telekom dan pos dan mengkaji serta mengetatkan langkah-langkah yang wajar diambil untuk pengawalan keselamatan penggunaan tenaga elektrik dan meningkatkan perkhidmatan telekom dan pos.

Tuan Pengerusi, sudah banyak diperkatakan baru-baru ini tentang Corporatisation, dengan izin, LLN dan juga sudah mula ada dicakap tentang privatisation (penswastaan) beberapa bahagian dalam pos. Tuan Pengerusi, yang menarik sekarang adalah mengenai penswastaan sepenuhnya atau memperbadankan Lembaga Letrik Negara dan tarikh yang ditetapkan sepertimana Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengumumkan dalam Dewan ini adalah 1hb Januari, 1990, bererti kita cuma ada lebih kurang 20 hari untuk melihat LLN sebagai satu badan korporat.

Tuan Pengerusi, kenapakah pihak Kementerian membuat satu keputusan secara tergesa-gesa untuk memperbadankan LLN? Itu satu. Kedua, tidakkah benar bahawa untuk mana-mana Kementerian membuat sesuatu keputusan untuk memperbadankan sesuatu bahagian atau unit yang berfungsi di bawah Kementerian itu berasaskan kebanyakannya kepada kelemahan-kelemahan yang didapati dalam unit itu yang tidak dapat diperbaiki atau diperbetulkan oleh Perkhidmatan Awam (Civil Service) di bawah Kementerian. Maka ia

diswastakan dan diberi kuasa penuh kepada badan lain untuk mengendalikan perkhidmatan dan juga untuk mengendalikan pengurusannya. Adakah LLN termasuk dalam kategori itu?

Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana didapati daripada Laporan LLN sendiri bahawa LLN sering mendapat keuntungan beratus juta ringgit. Purata dalam beberapa tahun yang lalu \$600 juta setahun. Kalau satu badan yang mempunyai keuntungan yang begitu lumayan—\$600 juta, kenapa Kementerian mahu memperbadankan LLN ini? Itu satu.

Bersabit dengan perkara ini, saya difahamkan bahawa walaupun cuma ada 20 hari sahaja untuk LLN diperbadankan secara rasmi sepertimana diumumkan oleh Menteri, kakitangan LLN masih lagi belum menerima, dengan izin, Option Papers. Kenapakah begitu asyik bahawa LLN ini hendaklah diperbadankan dalam tempoh yang begitu singkat bilamana Kementerian tidak berupaya untuk menghantar Option Papers pun kepada kakitangan LLN.

Saya berpendapat tentu ada sesuatu yang boleh dikatakan udang di sebalik batu. Saya berharap Timbalan Menteri yang berada dalam Dewan ini walau pun Menteri tidak ada, dialah yang cakap besar dalam Dewan ini tentang memperbadankan LLN pada 1hb Januari 1990. Saya harap Timbalan Menteri boleh mejelaskan kenapa—"why the hurry", dengan izin dan apakah Unit Perancangan Pembangunan itu sudah mengambil keputusan dan bersabit dengan ini juga Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa sebahagian daripada saham LLN ini akan dimiliki oleh orang-orang asing. Selepas sahaja beliau membuat kenyataan itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri menafikan bahawa Kabinet pernah membuat satu-satu keputusan seperti yang dikatakan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Saya tidak tahu mana satu Menteri yang bercakap benar—Menteri yang

ditugaskan menjaga Tenaga, Telekom dan Pos atau Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Siapa yang jadi jurucakap Kabinet? Kalau Kabinet telah memutuskan 25 peratus atau 1 peratus ekuiti LLN hendaklah dipegang oleh orang-orang asing saya hendak tahu apakah alasan-alasan untuk keputusan itu. Oleh kerana ini ada dua kenyataan yang bercanggah yang datang daripada anggota Kabinet yang sama. Bagaimanalah rakyat boleh mempunyai keyakinan terhadap Menteri-menteri?

Di dalam dua tiga hari ada dua jenis kenyataan yang bertentangan seratus peratus satu sama lain. Ada satu yang mengatakan sudah putus, ada satu lagi yang mungkin menghadiri mesyuarat mengatakan tidak diputuskan. Apakah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos yang sudah pun digelar sebagai "Mr. Privatiser" tidak kira sama ada pekerja-pekerja LLN atau kakitangan LLN itu ada option paper atau tidak, dia hendak juga memperbadankan LLN.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya hendak buat perbandingan dengan Menteri Pengangkutan sedikit kerana Menteri Pengangkutan apabila mengumumkan tentang memperbadankan Keretapi Tanah Melayu dalam beberapa masa yang singkat sahaja beliau mengumumkan C.E.O., dengan izin, "Chief Executive Officer" walaupun belum lagi ada apa-apa tarikh yang ditetapkan untuk memperbadankan KTM dan dalam pada itu sudah ada pekerja-pekerja khususnya Kesatuan Pekerja Railway Keretapi Tanah Melayu yang sudah mengatakan mereka mencabar mereka tidak bersetuju dengan memperbadankan "railway", dengan izin dan mereka juga sudah mengumumkan mereka menimbang untuk membawa perkara ini ke mahkamah, tetapi dalam hal LLN, kakitangan LLN tidak diberi peluang untuk menimbang dan berbincang dengan sedalam-dalamnya tentang memperbadankan LLN.

Yang ketiga, Menteri Pengangkutan juga mengumumkan C.E.O. bagi lapanganterbang-lapanganterbang di seluruh negara yang akan diperbadankan. Orang yang beliau umumkan adalah Tan Sri Rama Iyer, dengan izin untuk menjadi C.E.O. bagi KTM yang akan diperbadankan jika ia akan menjadi satu realiti, dan bagi lapanganterbang-lapanganterbang, Tan Sri Basir, tetapi dengan dua puluh hari sahaja lagi untuk memperbadankan LLN secara rasmi kita tidak tahu siapakah C.E.O. ini. Adakah benar bahawa Timbalan Perdana Menteri sekarang akan menjadi C.E.O. LLN, soalan saya. Oleh kerana ada ura-ura bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan meletakkan jawatan dan menjadi C.E.O. dalam LLN dan tempat beliau akan diambil alih oleh bekas Timbalan Perdana Menteri. Benar atau tidak dan itulah sebabnya sehingga hari ini tidak ada pengumuman walaupun tarikh untuk memperbadanan LLN sudah diumumkan dan cuma dua puluh hari sahaja tetapi C.E.O. belum diumumkan. Menteri Pengangkutan yang tidak menetapkan tarikh untuk KTM dan lapanganterbang sudah diumumkan, adakah ini benar? Tuan Pengerusi, apabila LLN

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya beri satu minit lagi.

Tuan P. Patto: Tidak apa, kalau begitu Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Telekom. Saya ingin mendapat tahu benar atau tidak satu lagi rangkaian ketiga telefon mobile atau "third mobile phone network" akan diadakan dan keputusan untuk diberi lesen sudah pun dibuat dan syarikat yang dikatakan sudah diberi hak itu adalah Samen Engineering Sendirian Berhad-SAMEN, dan satu lagi syarikat ialah Ari-Jal-Syarikat ARI-JAL, benar atau tidak? Kalau dua syarikat ini ada diberi, kenapa? Oleh kerana saya faham ada 17 syarikat lain yang mahu juga tetapi mereka tidak

diberitahu dan dengan secara sulit dan senyap saya dapat tahu dan saya faham dua syarikat ini dapat. Benar atau tidak dan kedua-dua syarikat ini diberi kuasa untuk dengan izin, "nationwide paging and trunking"-bererti ia control seluruh negara.

Kenapa SAMEN, saya tahu nama Menteri itu Dato' Seri S. Samy Vellu, SAMEN saya tidak faham. Ada connection atau tidak, saya tidak tahu. Saya bukan buat sebarang tuduhan, tetapi saya tidak tahu-saya kurang jelas tentang hal ini dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang senyum boleh memberi satu jawapan yang tepat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membuat rujukan terhadap peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk tahun 1990. Saya ingin menjawabnya secara menyeluruh dengan merujuk kepada perkara-perkara yang khusus daripada perbahasan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Perkara yang pertama ialah pada anggapan saya mengenai prestasi STM sebagai satu perbadanan baru dalam bidang telekomunikasi. Ada Ahli Yang Berhormat yang membandingkan bahawa prestasi STM pada hari ini agak tidak memuaskan dan ada pula yang mengatakan bahawa prestasinya adalah tidak sebaik seperti sebelum di-swastakan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara ini, kalau dilihat secara specific mengenai perkara-perkara tertentu, mungkin kita boleh mengesan sumber-

sumber di mana adanya kekurangan dan kelemahan yang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Sandakan merujuk tentang panggilan yang agak rumit daripada Sabah ke Semenanjung, ini adalah diakui kerana ada masa-masanya di mana panggilan itu dalam keadaan yang sesak maka agak rumit untuk kita membuat panggilan terus antara dua wilayah ini dan perkara ini akan diatasi apabila rangkaian di peringkat ASEAN akan dilaksanakan lebih-lebih lagi apabila kita meletakkan di dasaran laut nanti satu rangkaian "fiber optic" bukan sahaja antara Semenanjung dengan Sabah iaitu antara Kota Kinabalu dengan Kuantan, bahkan di rantau ASEAN ini.

Jadi saya mengakui ada kelemahan seperti begini, tetapi dalam jangkamasa yang sesingkat mungkin maka masalah ini akan dapat diatasi bahkan akan merupakan satu perubahan dari segi teknologi yang paling terakhir penggunaannya dan saya percaya dengan adanya "fiber optic cable" ini maka masalah antara Sabah dan Semenanjung akan dapat kita atasi.

Ada lagi perkara-perkara yang khusus yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat seperti bil yang agak melebihi daripada yang patut. Contoh yang diberi ialah seperti kes 211962 di Sandakan, di mana bil agak lebih daripada luar biasa seperti yang disebutkan. Begitu juga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjung Aru yang berbentuk sungutan-sungutan bayaran yang lebih. Jadi, dalam perkara-perkara ini Tuan Pengerusi, Syarikat Telekom Malaysia sudahpun memulakan dalam masa dua tahun yang lalu penggunaan teknologi yang terakhir untuk memperbaiki sistem bil ini. Malaysia adalah antara negara-negara yang agak kehadapan dalam menggunakan teknologi bil terperinci ini dan bil terperinci ini boleh digunakan jika sekiranya ibu sawat yang sedia ada adalah yang berbentuk elektronik dapat disesuaikan dengan teknologi bil

terperinci. Di kawasan-kawasan di mana ibu sawatnya masih lagi yang bukan berbentuk elektronik maka perlu diubahsuai pesawat-pesawat tersebut. Tetapi rata-rata apabila pihak STM menggunakan sistem bil terperinci ini maka masalah bil berlebihan ini dapat dikurangkan.

Semua pihak pengguna dan juga STM boleh membuat "verification" dengan izin, sama ada patut, wajar ataupun menasabah bil yang dikenakan kepada pihak pengguna. Kalau sekiranya berlaku jangkamasa yang panjang untuk membetulkan sesuatu sungutan itu, ini tidak dapat dielakkan. Kalau sekiranya tidak ada bil terperinci maka perlu disemak bil tersebut dan prosesnya agak begitu rumit, walaupun diterangkan kepada saya dari masa ke semasa caranya. Agak menasabahlah kalau sekiranya pihak STM terpaksa memakan masa yang begitu lama akhirnya untuk merumuskan sesuatu kajian.

Jadi, Tuan Pengerusi, sama ada berlaku salah guna kedudukan ataupun kuasa oleh pihak Pegawai yang ada dalam syarikat untuk mengenakan bil yang tidak berpatutan, perkara ini sering ditanya, bukan sahaja oleh pihak umum bahkan juga kami di peringkat Kementerian. Kalau pun ada di antara pihak pekerja yang hendak menggunakan kedudukannya sewenang-wenangnya, maka persoalannya mengapa dan kenapa. Kalau pun mereka hendak menggunakan salahguna kedudukan mereka mungkin ianya berlaku di peringkat ibu sawat itu sendiri ataupun satu caranya ialah mungkin berlaku di tepi jalan di mana adanya sebahagian daripada sistem ibu sawat tersebut. Tetapi kalaulah sekiranya ianya salahguna kedudukan di ibu sawat maka tidak rasional, kerana mereka mempunyai kemudahan yang seluas-luasnya untuk menggunakan telefon yang disediakan oleh pihak syarikat itu sendiri untuk digunakan oleh pekerja. Kalau pun hendak digunakan di tepi jalan maka ia bukan sahaja agak tidak selesa

untuk sesiapa menggunakan kesempatan tersebut, tetapi ada juga pengawasannya supaya tidak berlaku perkara-perkara tersebut.

Keseluruhan Tuan Pengerusi, pihak Kementerian menganggap bahawa kakitangan yang ada di Syarikat Telekom Malaysia adalah golongan yang mempunyai rasa tanggungjawab dan memegang amanah sebaik-baiknya, maka tidak sewajarnya kita membuat curiga, perasaan yang tidak ada kepastiannya tentang sama ada mereka itu agak, dalam istilah yang digunakan "abused" dengan izin, kedudukan mereka sehingga ada masalah berleluasa mengenai bil lebihan ini. Tetapi kalau sekiranya ada kes-kes seperti yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, maka sewajarnya perkara ini disemak sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, saya tidak dapat merujuk kepada setiap daripada kes-kes yang disentuh, tetapi kalau saya diizinkan untuk menyebut tentang perkara pemotongan yang sewenang-wenangnya, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat menyemak proses pemotongan ini, pihak Syarikat Telekom Malaysia memberikan masa yang begitu lumayan untuk pihak pengguna mengemaskinikan tentang kedudukan bil-bil mereka. Kalau sekiranya tidak ada perkara-perkara yang perlu disemak dari segi betul atau tidak betul, maka pada ingatan saya tidak kurang 3 bulan seseorang pengguna tadi diberi kesempatan untuk membawa pembayarannya ke peringkat semasa. Melainkan kalau sekiranya ada pembayaran yang tertangguh, itupun diberi kesempatan untuk pihak pengguna mengaturkan sistem bayaran secara beransur. Bil berakhir diminta supaya dijelaskan mengikut masanya, bil tertangguh diberi kesempatan untuk dibayar secara beransur-ansur.

Jadi, Tuan Pengerusi, kalau sekiranya berlaku pemotongan, maka itu adalah berdasarkan kepada masa yang cukup

untuk seseorang tadi diberi ingatan dan kalau sekiranya dikenakan \$50.00 untuk sambungan semula maka wajarlah jumlah itu dikenakan, sekurang-kurangnya tidaklah begitu rendah sehingga pihak pengguna membuat suatu kelaziman kepadanya untuk tidak membayar supaya mudah pula disambung kerana bayaran sambungan adalah begitu rendah sekali.

Mengenai Syarikat Telekom Malaysia ini, Tuan Pengerusi, pada tahun 1970an, kalau kita ingat, kita mempunyai satu keadaan yang dikatakan "critical" dengan izin, kerana pada masa tersebut banyak pengguna tidak dipenuhi permohonan mereka. Bilangan yang tertunggu-tunggu untuk mendapatkan bekalan berpuluh ribu, maka pihak Kerajaan di bawah bidang kuasa Jabatan Telekom Malaysia pada masa tersebut diminta supaya menyelenggarakan Perbelanjaan Kerajaan lebih kurang \$6,000 juta supaya meluaskan lagi ibu sawat dan rangkaian di seluruh negara.

Maka pada pertengahan 1980an masalah awal 1980an dapat diatasi dengan sebaik-baiknya, sehingga pada hari ini kita mempunyai lebih rangkaian lebih kurang 1 juta lebih untuk digunakan oleh masyarakat Malaysia dan 3 tahun yang berlalu iaitu semasa Jabatan Telekom Malaysia telah diswastakan menjadi satu Perbadanan, maka berlaku perubahan organisasi, sambil itu pula kemajuan dalam bentuk memperbagaikan perkhidmatan Telekom di Malaysia. Jadi, Tuan Pengerusi, pada rumusannya apabila Jabatan Telekom Malaysia sudah diperbadankan, ianya mempunyai wibawa, mempunyai cukup kelonggaran sebagai satu Perbadanan yang terlepas daripada semua ikatan di peringkat Kerajaan, sama ada dalam bentuk ikatan kewangan, ikatan pentadbiran, melalui Jabatan Perkhidmatan Awam dan sebagainya untuk mengendalikan kemudahan telekom di Malaysia ini.

Jadi, pada rumusannya, saya berpendapat bahawa negara ini mendapat faedah yang lebih bermakna dari segi kemajuan telekomunikasi di negara kita ini melalui proses penswastaan, dan saya berani mengandaikan bahawa jika sekiranya kemudahan telekomunikasi ini masih lagi diselenggarakan oleh pihak Jabatan Kerajaan, mungkin kita akan menghadapi suasana di mana kita akan tertinggal dari segi persaingan, dari segi penggunaan teknologinya dibandingkan dengan negara-negara lain.

Jadi, berdasarkan kepada kedudukan yang ada pada hari ini, maka banyak perubahan yang telah dilaksanakan oleh Syarikat Telekom Malaysia. Tetapi saya masih lagi menerima reservation, dengan izin, yang dibuat oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat di mana kes-kes tertentu mungkin ada kelemahan-kelemahannya.

Ada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu dari Tanjung Aru dan juga dari Ipoh menyebut tentang soal lesen baru cellular telephone di Malaysia ini sama ada telah dikeluarkan kepada sesiapa. Sama ada STM akan menarik diri daripada CELLCOM ataupun tidak. Maklumat yang ada pada saya hingga kini ialah belum lagi dikeluarkan lesen tersebut kepada sesiapa, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ada mengatakan bahawa lesen baru diberi kepada STM, ini adalah satu maklumat yang berakhir yang saya dapat melalui Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

Kemudian saya ingin merujuk kepada bekalan elektrik di negara kita ini. Mengenai apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bahawa Timbalan Perdana Menteri akan menjadi Chief Executive Officer, dengan izin LLN yang diswastakan.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu innvendo dan saya minta Ahli Yang Berhormat supaya berwaspada dalam menyebut perkara-perkara seperti

begini. Perkara yang agak tidak patut, membuat telahan-telahan yang tidak berasas seperti begini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ada mengatakan bahawa mengapa tergesa-gesa untuk diswastakan, diperbadankan LLN. Mengapa LLN sebagai satu Lembaga yang untung tahun demi tahun pada jumlah \$600 juta hendak diswastakan. Saya ingin menyebutkan dalam Dewan yang mulia ini ada kes penswastaan dibuat berdasarkan kepada tujuan meringankan beban kewangan Kerajaan. Ada kes penswastaan yang dibuat berdasarkan kepada mengurangkan saiz tenaga kerja sektor awam. Dan dalam kes LLN ini saya membuat penekanan, penswastaannya adalah berdasarkan kepada menjadikan Lembaga Letrik Negara sebagai satu perbadanan yang mempunyai wibawa, kekuatan dan menjadi satu impetus, dengan izin, ke arah membangunkan lagi kemudahan bekalan elektrik dan sambil itu pula menjadi satu tenaga baru di dalam industri elektrik di negara kita ini. Yang ada pada hari ini LLN agak terikat dengan peraturan-peraturan sebagai satu Lembaga sama ada ianya terikat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, terikat dengan pihak Kementerian dan juga terikat dengan pihak Kementerian Kewangan mengenai peraturan-peraturan tersebut. Dan kalau sekiranya kita hendak mengizinkan sektor ini memberi satu impetus baru, dengan izin maka sewajarnya kita lepaskan sekatan-sekatan, kerenah-kerenah seperti begini supaya Lembaga Letrik Negara dan sebagai satu perbadanan mempunyai cukup wibawa untuk mempelupori pembangunan di sektor tenaga pada masa-masa yang akan datang.

Jadi, itulah jawapan daripada saya untuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengenai mengapa LLN dalam keadaan yang mewah seperti begini juga hendak diswastakan.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh menyebut tentang betul ataupun tidak akan diperbadankan daripada tarikh 1-1-90. Mengapa ada bezanya kenyataan yang dibuat oleh dua Menteri mengenai proses memperbadankan Lembaga Letrik Negara. Dalam Dewan yang mulia ini, ingin saya maklumkan bahawa di dalam kertas yang telah disediakan oleh pihak Kementerian kepada pihak Kabinet terkandung di dalamnya hal acara bagaimana hendak diswastakan Lembaga Letrik Negara ini. Termasuk juga tentang pembahagian ekuiti di dalamnya. Tetapi yang perlu dibuat ialah yang dulu didulukan. Jadi, dalam masa setahun yang akan datang ini, soal ekuiti bukanlah soal yang diutamakan. Yang diutamakan sepanjang tahun 1990 ini nanti ialah untuk diperbadankan Lembaga Letrik Negara itu dahulu. Kalau pada 1-1-90 nanti, apa yang wujud insya Allah ialah satu shell company, dengan izin untuk memulakan kerja-kerja awal untuk menerima Lembaga Letrik Negara nanti, dan apabila sudah diperbadankan nanti, menjadi satu perbadanan yang teguh dan diterima oleh masyarakat sama ada dalam negeri ataupun luar negeri maka soal ekuitinya nanti akan dilihat dengan secara teliti. Jadi, kalau sekiranya ada pihak Kabinet menyebut tentang perkara ini maka ingin saya menerangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kesemuanya terkandung di dalam kertas yang telah dipersetujui oleh pihak kabinet maka yang pertama, "first thing first", dengan izin, maka yang pertama yang hendak dibuat ialah untuk diperbadankan dahulu.

Mengenai mengapa sama ada pihak pekerja sudah pun dirujuk, untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih kurang 4 bulan sepanjang ini selaku Pengerusi Jawatankuasa yang dibentuk oleh pihak Kementerian, saya telah bersama-sama dengan empat Kesatuan Sekerja dan satu Persatuan Kakitangan Kanan Lembaga Letrik Negara membincangkan satu demi satu, bab demi bab, bagaimana

pihak kakitangan Lembaga Letrik Negara akan dapat faedah sebaik-baiknya apabila Lembaga Letrik Negara nanti diperbadankan. Jadi, pihak kami di peringkat Kementerian tidaklah menghebohkan tentang perkara ini.

Pada permulaannya ingin saya maklumkan bahawa pihak kesatuan dan persatuan telah pun menyampaikan satu memorandum bantahan mereka tentang kemungkinan diswastakan Lembaga Letrik Negara. Tetapi apabila pihak Kabinet telah membuat keputusan maka pihak kesatuan dan persatuan telah menerima hakikat tersebut. Dan lebih kurang empat bulan yang lalu mereka telah bersama-sama dengan saya untuk membincangkan secara terperinci bagaimanakah mereka dapat menikmati kemudahan dan kedudukan yang lebih baik lagi apabila diperbadankan. Bahkan mengenai soal ekuiti secara sunyi di peringkat Kementerian bukan hendak tujuan untuk ditutup tetapi sekadar tidak dihebohkan di media massa, ialah kami membincangkan bagaimana keutamaan sewajarnya diberikan dalam soal ekuiti kepada kumpulan pekerja terlebih dahulu untuk memegang ekuiti tersebut, bukan sahaja untuk Lembaga Letrik Negara bahkan untuk Syarikat Telekom Malaysia.

Tuan pengerusi, kami menekankan supaya 23,000 tenaga kerja yang ada pada Lembaga Letrik Negara supaya diperuntukkan satu jumlah ekuiti Lembaga Letrik Negara, satu hari nanti yang cukup dari segi jumlahnya dan juga cukup dari segi bilangannya dan ada caranya untuk memastikan bahawa bukan sahaja kakitangan di peringkat atasan sahaja, bahkan mereka di peringkat yang paling terbawah untuk mendapat kemudahan dan ruang memiliki sebahagian daripada ekuiti dalam Lembaga Letrik Negara. Ini adalah satu daripada agenda yang dibincangkan oleh pihak Kementerian bersama-sama dengan wakil-wakil kesatuan sekerja dan juga Persatuan Kakitangan Lembaga Letrik Negara.

Kalau kita hendak membincangkan tentang soal ekuiti dalam Dewan ini, ingin saya menekankan bahawa itulah keutamaannya apabila kita membincangkan tentang ekuiti bahkan kita juga membincangkan di peringkat awal ini bagaimana pihak pengguna di merata negara dapat kesempatan memiliki sebahagian daripada ekuiti. Jadi kita mulakan dengan bekerja, kemudian kita ikuti pula dengan ruang ataupun peluang untuk pihak pengguna memiliki sebahagian daripada ekuiti Lembaga Letrik Negara.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah, Sandakan dan Tanjung Aru mengenai tarif yang berbeza di Sabah dibandingkan dengan Semenanjung sehinggakan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru mengatakan bahawa wujud diskriminasi dalam perkara ini. Saya dengan sekeras-kerasnya ingin menidakkan dakwaan tersebut dan saya harap Ahli Yang Berhormat supaya dapat membetulkan perasaan tersebut yang tidak berasas. Sebenarnya, Lembaga Letrik Sabah diambil alih oleh pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos baru-baru ini, itupun dalam keadaan di mana Lembaga tersebut dalam keadaan kewangan yang agak meruncing. Satu masalah yang dihadapi oleh Sabah ialah tidak wujud satu rangkaian grid di peringkat negeri, oleh yang demikian penjanaan adalah berdasarkan kepada stesen luar bandar yang berasingan antara satu dengan yang lain yang terpaksa menggunakan set generator yang kemampuannya agak rendah, tetapi kos pengendaliannya yang agak tinggi. Jadi mereka ini terasing di antara satu dengan yang lain dan setiap unit adalah agak tinggi. Oleh yang demikian, rata-rata kita terpaksa menghadapi satu sistem takrif yang agak lebih tinggi jika dibandingkan dengan Semenanjung.

Walaupun begitu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kabinet

telahpun memutuskan pada bulan September yang lalu supaya pihak Kementerian mengkaji kemungkinan menurunkan tarif di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak dengan juga satu matlamat untuk menyeragamkan tarif-tarif tersebut supaya ianya dapat akhirnya nanti mengurangkan kos pengeluaran di negara kita ini, sambil itu pula memberi faedah yang bermakna kepada pengguna di peringkat luar bandar, iaitu domestik tidak kira di bandar ataupun luar bandar. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru, itulah yang sedang dibuat oleh Kementerian ini dan percayalah kalau sekiranya tarif itu akan diturunkan dan diseragamkan ianya bukan sahaja menjadi rasional tetapi ianya melibatkan kos yang terpaksa ditanggung oleh agensi-agensi tersebut demi matlamat untuk menurunkan kos pengeluaran di negara kita ini dan juga untuk menurunkan kos elektrik pengguna-pengguna domestik.

Tuan Pengerusi, itulah serba sedikit perkara-perkara yang dapat saya sambut daripada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam menyebut tentang kerja-kerja yang sering tergendala supaya dapat memastikan bekalan bukan datangnya daripada Batang Berjantai dan saya diberi pengakuan bahawa perkara ini akan dapat diselesaikan dengan projek yang terakhir.

Mengenai sama ada kita akan mengguna kod 03 ataupun 05, Tuan Pengerusi, sistem telekomunikasi di negara kita ini tidak berdasarkan kepada negeri, ianya berdasar kepada kecekapan penyelenggaraan dari segi kos dan juga kecekapan teknologi. Jadi kalau sekiranya kita duduk di pinggir negeri antara satu dengan yang lain, maka ini adalah satu kebetulan dan tidak ada rancangan untuk mana-mana pihak, iaitu STM sendiri untuk menukar kod itu daripada 05 kepada 03. Ini bukan sahaja keadaannya begitu di Selangor ini bahkan juga antara

Selangor dan Negeri Sembilan dan juga negeri-negeri yang berjiran, di lokasi-lokasi yang berjiran antara satu dengan yang lain.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$164,246,000 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$164,246,000 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$100,419,900 yang disebutkan dalam Maksud P.49 dan \$20 untuk Maksud P.50 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$100,419,900 untuk Maksud P.49 dan \$20 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Maksud B.51 (Jadual)—

Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.51 dan Kepala Pembangunan P.51 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.47 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 Perkhidmatan Sokongan. Atas Butiran ini saya memperhatikan bahawa pada keseluruhannya Kementerian Kebajikan Masyarakat telah diperuntukkan sejumlah \$74.4 juta untuk belanja Pembangunan dan Mengurus pada tahun 1990 menjadikan Kementerian yang kedua yang menerima peruntukan yang amat kecil selepas Kementerian Kehakiman yang diperuntukkan \$66 juta.

Saya merasa amat dukacita apabila menyedari bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat hanya diberikan peruntukan yang kecil yang sangat tidak realistik dan tidak memberi apa-apa makna kepada Kementerian yang memainkan peranan yang penting dalam membantu ke arah menyumbang kestabilan dan jalinan sosial. Kepada pegawai-pegawai Perbendaharaan yang mempunyai persepsi diskriminasi tentang peranan Kementerian Kebajikan Masyarakat, saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian berkenaan tidak seharusnya dilihat sebagai sebuah Kementerian yang tidak memberi pulangan (return) dalam bentuk pembangunan tetapi sebaliknya patut disedari bahawa dengan memberi bantuan kepada orang miskin yang memerlukan dan tidak bernasib baik, Kementerian menyumbang ke arah kestabilan sosial, jalinan dan keharmonian sosio.

Atas sebab ini saya rasa bahawa Kementerian patut diberikan peruntukan yang bermakna dan tidaklah dilayan sambil lewa. Peruntukan sekarang ini kepada Kementerian berkenaan untuk pelaksanaan pelbagai skim untuk membantu golongan miskin yang memerlukan dan yang tidak bernasib baik tidaklah mencukupi.

Kita ambil sebagai contoh, skim bantuan am untuk mereka yang

memerlukan yang pada saya tidak realistik dan tidak praktikal kerana salah persepsi pihak Perbendaharaan terhadap peranan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan hanya boleh membayar, sebagai contoh, dalam skim bantuan am sejumlah \$50 untuk seorang perseorangan dan \$115 untuk keluarga pada kadar bulanan. Kadar begini bagi mangsa-mangsa bencana seperti kebakaran, banjir dan tanah runtuh yang berhak mendapat bantuan maksimum \$2,000 berkaitan pakaian seragam, buku, memperbaiki rumah mereka untuk keluarga yang berkenaan adalah tidak mencukupi, malah Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri yang juga Pengerusi Kebangsaan bagi Bencana Alam ada mengakui bahawa kadar sekarang ditetapkan 20 tahun yang lalu dan tidak diubahsuai. Jabatan Kebajikan juga memperuntukkan geran maksimum \$2,000 bagi membantu keluarga yang hendak membuat perniagaan kecil dan untuk berdikari tetapi apa yang \$2,000 boleh membantu sesebuah keluarga memulakan perniagaan untuk menjadi penjaja atau peniaga kecil membuat sesebuah gerai menelan belanja \$2,000 tidak termasuk lain-lain keperluan untuk memulakan perniagaan.

Memandangkan di atas, saya sesungguhnya merayu Perbendaharaan supaya memandang Kementerian Kebajikan Masyarakat dari perspektif yang betul dan memberi pengiktirafan peranannya dalam pembangunan sosial dan negara. Kadar bayaran berkaitan pelbagai skim kebajikan hendaklah disemak dengan satu pandangan ke arah menaikkan kadar-kadar bagi skim berkenaan dan ini akan hanya mungkin jika Kementerian Kebajikan Masyarakat mendapat peruntukan yang lebih besar untuk Belanja Mengurus.

Mengenai perkara perkhidmatan pemulihan untuk orang-orang cacat, saya memerhatikan Kerajaan belum memberi perhatian yang mencukupi untuk orang-orang cacat dalam negara

ini dan saya amat terkejut mendapati bahawa pada masa ini tidak ada satu dasar negara ataupun national policy dengan satu falsafah objektif dan arah untuk pembangunan program-program dan perkhidmatan untuk orang-orang cacat dalam Malaysia yang menjadi masyarakat minoriti yang tidak bernasib baik. Saya menyeru Kerajaan supaya menimbang cadangan berikut untuk membantu orang cacat.

Yang pertama, sebuah Majlis Penasihat mengandungi orang perseorangan mewakili Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan sukarela dan orang cacat patut ditubuhkan bagi memastikan bentuk keadaan dan perkembangan orang cacat dalam negara di samping membuat cadangan yang perlu untuk meningkatkan penglibatan Kerajaan dalam perancangan untuk orang cacat.

Yang keduanya, sebuah sistem yang berkesan untuk pendaftaran orang cacat patut diadakan. Dan Dalam hubungan ini Kerajaan patut menimbang pendaftaran wajib semua orang cacat. Satu daftar hendaklah diselenggara dan dikemaskinikan di pusat pendaftaran orang cacat yang ditadbir oleh Jabatan Pendaftaran.

Yang ketiga, keperluan untuk menggubal satu dasar negara mengenai pekerjaan bagi orang cacat. Kementerian Buruh patut memainkan satu peranan aktif dalam menempatkan dan menunaikan keperluan pekerjaan bagi orang cacat. Insentif patut diperkenalkan bagi mengelakkan majikan untuk mengambil orang-orang cacat bekerja.

Yang keempat, orang-orang cacat patut diberikan perlindungan undang-undang dan dalam hubungan ini Kerajaan patut memperkenalkan undang-undang tertentu untuk menjamin peluang-peluang yang sama untuk perlindungan orang-orang cacat. Satu Akta, Orang Cacat hendaklah digubal dan diperkenalkan bagi mewakili komitmen tegas Kerajaan untuk

memenuhi hak-hak orang-orang cacat perlindungan Perlembagaan orang-orang cacat patutlah dimasukkan ke dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Yang akhirnya, saya juga ingin menyentuh Butiran 030000 dalam muka surat 234 mengenai Aktiviti Perkhidmatan Pembangunan Sosial. Atas Butiran ini, saya ingin merujuk kepada Montfort Boys Town di Batu Tiga, Selangor, di mana Kementerian Kebajikan Masyarakat pernah memberi bantuan kepada Montfort Boys Town. Misalnya dalam tahun 1988 geran kebajikan kepada Montfort Boys Town ialah \$227,780 dan saya memerhatikan bahawa peruntukan ini tidak pun cukup untuk membiayai bil-bil makanan untuk peserta-peserta ataupun pelajar-pelajar Montfort Boys Town.

Tuan Pengerusi, sumbangan yang telah diberikan kepada Montfort Boys Town melangkahi batas-batas kebajikan. Daripada hanya sebuah institusi kebajikan yang diiktiraf, Montfort Boys Town telah menjadi sebuah institusi latihan untuk keperluan gunatenaga negara. Saya menggesa Kerajaan untuk mencari jalan untuk memberikan bantuan yang bermakna kepada Montfort Boys Town.

Di sini saya ingin mengesyorkan cadangan-cadangan yang berikut untuk pertimbangan Kerajaan. Yang pertama, subsidi tahunan perkapita untuk latihan perusahaan. Yang kedua, sekurang-kurangnya bahagian pembayaran gaji untuk kakitangan-kakitangan MBT. Yang ketiga, satu pemberian modal tahunan untuk peralatan dan bahan-bahan latihan. Yang keempat, pemberian sebahagian modal untuk pembinaan bengkel, bilik darjah dan kemudahan-kemudahan latihan, dan yang kelima, pengecualian penuh cukai jualan dan duti lain untuk pembelian semua bahan-bahan mentah termasuk bahan-bahan untuk pembinaan kemudahan latihan dan peralatan yang digunakan oleh Montfort Boys Town. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Serian. Selepas ini saya akan menjemput Timbalan Menteri berkenaan menjawab.

6.56 ptg.

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak (Serian): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahas Maksud Bekalan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat juga. Saya merujuk kepada mukasurat 233 Maksud B.51, Butiran 010000 dan 020000, Program 020100.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa di negeri Sarawak rupanya tindakan dari Kementerian ini tidak begitu memuaskan. Kadangkala orang-orang yang perlu bantuan terpaksa menunggu bertahun-tahun baru mendapat bantuan. Saya pernah ditemui oleh seorang balu yang miskin dan mempunyai ramai orang anak. Semuanya bersekolah tiga di sekolah menengah, tiga di sekolah rendah. Dia minta pertolongan pada tahun 1987. Hingga sekarang belum lagi diberi pertolongan. Bagaimana dengan masa depan anak-anak mereka, saya diberitahu oleh si balu itu bahawa dia hendak memberhentikan anak mereka dari sekolah oleh kerana tidak mampu membelanjakan mereka. Berkenaan dengan perkara yang begini, saya ingin menyeru Kerajaan supaya tindakan yang segera diberi kepada orang-orang yang menghadapi perkara-perkara yang seperti ini. Saya merasa perkara seperti ini patut diselesaikan dalam masa satu atau dua bulan sahaja ataupun dalam masa yang serta merta jikalau ketua kaum atau penghulu ataupun Pemancar atau ahli Wakil Rakyat kawasan itu menyokong permohonannya itu. Saya difahamkan bahawa perkhidmatan yang diberi tidak begitu memuaskan oleh sebab kekurangan tenaga manusia. Jika perkara ini benar, saya merayu supaya pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan itu ditambah. Saya difahamkan

bahawa di kawasan saya Serian cuma ada seorang sahaja kakitangan yang ada dipejabatnya itu.

Berkenaan dengan bantuan yang diberi kepada seorang yang tidak bernasib baik itu saya rasa peruntukan itu terlalu kecil dan patut ditambah. Pemberian itu berkenaan berlandaskan dengan pemberian beberapa tahun kebelakangan di mana harga barang-barang keperluan sara hidup pada masa itu rendah dibandingkan dengan pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru Kerajaan supaya mencari jalan bagaimana hendak menyalurkan bantuan yang begitu sedikit kepada saudara-saudara kita yang memerlukan bantuan lebih-lebih lagi penduduk di luar bandar yang mana belanja mereka untuk mendapatkan pertolongan itu lebih besar berbanding dengan pertolongan yang ia dapat. Ini termasuklah tambang-tambang yang sekarang semakin naik dan lebih-lebih lagi tambang perahu motor atau outboat, dengan izin, belanja makan dan minum dan anak-anak yang belum dapat ditinggalkan di rumah juga.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Program 020200 Perkhidmatan Pemulihan Orang-orang Cacat.

Berkenaan dengan perkara ini, saya ingin memaklumkan bahawa rumah bagi orang-orang cacat akal belum ada di negeri Sarawak yang di bawah jagaan Kerajaan Pusat.

Saya pernah membawa seorang budak yang berumur lebih kurang 6 tahun yang telah hilang selama satu minggu di mana orang-orang kampung dan kampung-kampung yang berhampiran tolong mencari anak itu sehingga berputus asa selama lima hari, tetapi nasib baik anak itu telah dijumpai selepas satu minggu dalam keadaan yang lapar dan tidak sihat. Saya dan datuknya membawa anak itu berjumpa dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat di Kuching untuk mencari

jalan bagaimana dengan anak itu dan apa hendak dibuat berkenaan dengan anak yang cacat akal itu.

Saya dengan penuh harapan bahawa anak itu akan diberi kemudahan yang berpatutan tetapi saya diberitahu bahawa "home for mentally retarded", dengan izin, tidak dapat mengambil semua yang memohon bantuan. Sungguhpun nama anak itu telah dicatat, tidak ada berita diterima sehingga hari ini. Saya rasa kasihan oleh kerana anak itu diikat dan disimpan dalam pagar di rumah datuknya. Ada juga orang yang remaja dan orang-orang yang dewasa yang cacat akal selepas mendapat penyakit dan mereka dibawa ke klinik atau Hospital Batu 7 yang dipanggil, dengan izin, 7th Mile Mental Hospital, pesakit itu dirawat setengahnya sahaja dan bila mereka balik, kena lagi penyakit itu.

Mengapa tidak diberikan rawatan sehingga ia betul-betul sembuh? Pesakit ini kadang-kadang merayau-rayau di waktu malam dan kadang-kadang masuk ke rumah orang, kadang-kadang dia buka laci, buka almari dan membuat kerja yang tidak tentu di dalam rumah itu semalam-malaman, sehingga tuan punya rumah tidak boleh tidur. Apakah yang hendak dibuatkan dengan orang yang seperti ini? Dia tidak insaf dengan perbuatannya. Mereka tidak boleh dipukul atau dihalau, sebab mereka pun manusia, makhluk Tuhan juga tetapi saya menyeru Kerajaan supaya tindakan yang sewajarnya dibuat untuk mengatasi perkara ini.

Dengan ini, saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekianlah sahaja.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Setiausaha Parlimen menjawab. Silakan.

7.04 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Pengerusi,

terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini yang telah menunjukkan minatnya terhadap berbagai perkhidmatan yang telah dijalankan oleh Kementerian dan juga yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan bagi belanjawan Kementerian ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa cadangan dan teguran terhadap perjalanan dan tugas serta pentadbiran Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Saya yakin dengan adanya pandangan-pandangan dan teguran-teguran ini, pihak Kementerian dapat berusaha untuk memperbaiki lagi taraf perkhidmatan terhadap golongan-golongan sasaran terutama sekali mereka yang bernasib kurang baik. Pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat sememangnya sentiasa membuat penilaian terhadap perkhidmatan-perkhidmatannya yang telah berjalan sehingga kini dan peka kepada masalah semasa dan sentiasa mengambil tindakan untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah memberikan beberapa cadangan yang saya rasa sangat baik dan elok dan saya boleh menjaminkan segala cadangan yang diberikan oleh beliau tadi, pihak Kementerian akan mengkaji sedalam-dalamnya, sama ada cadangan itu dapat dilaksanakan atau digubalkan termasuk dalam dasar-dasar Kementerian saya.

Dari segi perkhidmatan sokongan di mana Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu telah menyebutkan peruntukan yang paling kecil. Ingin saya menjelaskan di sini kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ini bukanlah Kementerian ini yang sengaja menyediakan peruntukan yang kecil terhadap pelbagai permohonan yang dikemukakan kepada Kementerian saya, tetapi dalam Kementerian ini, kita

berusaha untuk membahagi-bahagikan peruntukan yang kita dapati. Keseluruhannya, kita terpaksa memberikan keutamaan kepada sesuatu bahagian yang mana kita rasa sangat elok dan penting.

Memang Kementerian saya sedar kadar bantuan yang sedia ada, seperti yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, memang adalah rendah sedikit jika kita mengambil kira kadar inflasi. Oleh sebab itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah dan sedang membuat perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Kewangan untuk mendapatkan peruntukan yang lebih besar supaya kita dapat menaikkan kadar untuk beberapa skim bantuan yang kita jalankan sekarang. Ini termasuk bantuan mangsa-mangsa bencana alam.

Tentang cadangan untuk membuat satu falsafah atau satu polisi untuk pekerjaan orang-orang cacat, haraplah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang memaklumkan Kerajaan sekarang telah menggunakan atau menjalankan satu dasar di mana kita memperuntukkan satu peratus (1%) dari semua pekerjaan di sektor awam kepada orang-orang cacat.

Skim ini masih dijalankan dan saya rasa buat masa sekarang ada dekat sedikit kita hendak membuatkan satu penilaian secara menyeluruh terhadap keberkesanan skim ini. Saya rasa dalam masa akan datang kita dapat membuatkan satu penilaian yang lebih mendalam sama ada skim ini berkesan atau tidak berkesan khususnya untuk memberikan peluang kepada orang-orang cacat ini mendapatkan kerja di dalam sektor awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kebajikan Masyarakat dan dianggotai oleh wakil dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan untuk mengwtasi perlaksanaan dasar ini. Setakat ini 4 iklan permohonan jawatan

telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di mana dinyatakan bahawa calon-calon orang cacat hendaklah mendapatkan bilangan pendaftaran orang cacat di sudut sebelah kanan di muka satu borang permohonan. Oleh itu seseorang cacat perlulah mendaftarkan dirinya di Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berhampiran. Dan semua permohonan daripada orang cacat ini akan diberi pertimbangan yang berasingan bukan keseluruhannya. Setakat ini kita telah diberitahu bilangan orang cacat yang memohon pekerjaan dari sektor awam kian bertambah dan saya harap juga di masa akan datang ramai lagi orang cacat dapat terus mengguna peluang ini supaya mereka dapat diberi pertimbangan dari segi pekerjaan di sektor awam.

Di sektor swasta pula buat permulaan Kerajaan berharap majikan-majikan akan mencontohi apa yang dijalankan oleh sektor awam. Gesaan ke arah ini telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Buruh baru-baru ini dan saya harap dengan ada kerjasama dengan Kementerian saya dengan Kementerian Buruh kita dapat lagi memperluaskan peluang ini kepada orang-orang cacat supaya mereka dapat lebih peluang untuk bekerja di masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya bercadang satu pusat latihan vokasional untuk 500 orang cacat di Bangi, Selangor pada tahun akan datang. Maka dengan pembinaan pusat ini lebih ramai lagi orang cacat akan dapat peluang memasuki pasaran terbuka apabila mereka sudah melepaskan dari pusat latihan itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian saya telah mencadangkan beberapa projek seperti pusat pemulihan, bengkel-bengkel pelindung dan bengkel-bengkel latihan supaya lebih ramai lagi orang cacat menerima latihan kemahiran

supaya mereka juga menjadi, dengan izin, marketable commodity in the labour market in future.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga menyebutkan perkhidmatan pembangunan sosial khasnya Montfort Boys Town. Di sini saya hendak jelaskan Montfort Boys Town ialah satu badan sukarela di mana Kementerian dari skimnya atau dari lazim pentadbirannya memberi peruntukan tahunan kepada Montfort Boys Town. Walaupun saya difahamkan pihak Montfort Boys Town merasai peruntukan yang diberikan setiap tahun ini tidak berapa mencukupi dan mereka masih di dalam peringkat perbincangan dengan Kementerian saya supaya lebih kadar peruntukan tahunan ini didapati dinaikkan.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi mengenai Montfort Boys Town yang mana Yang Berhormat tadi telah menyebutkan bahawa Montfort Boys Town ini sebagai sebuah badan sukarela. Kementerian Kebajikan cuma boleh membayar atau memberikan satu grant tahunan yang mana Yang Berhormat sendiri tadi telah mengakui bahawa ini adalah satu amaun atau jumlah yang tidak dianggap sebagai mencukupi.

Di sini saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang ataupun Kementerian berkenaan bercadang untuk mengambil inisiatif untuk berbincang dengan Kementerian-kementerian yang lain misalnya Kementerian Buruh memandangkan bahawa Montfort Boys Town ini sedang memainkan peranan yang penting untuk mengeluarkan pekerja-pekerja mahir di mana pada suatu ketika selain daripada peruntukan grant maka Montfort Boys Town ini

boleh dapat bantuan daripada Kementerian atau agensi-agensi yang lain. Sekian.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Sama ada Kementerian Buruh dapat memberikan pertolongan kepada Montfort Boys Town ini, saya rasa ini satu langkah yang elok pengurusan Montfort Boys Town sendiri mengambil perhatian atau mengambil inisiatif untuk berbincang sesuatu dengan Kementerian Buruh. Tetapi dari segi mutu yang dikeluarkan oleh Montfort Boys Town itu, dari segi pemulihan dan lain-lain memang Kementerian saya sedar pihak pengurusan Montfort Boys Town itu telah mencapai satu tahap yang tinggi. Oleh sebab itulah Kementerian saya sentiasa memberikan pertolongan atau memberikan bantuan kepada mereka sampai ke tahap mana yang kita dapat mengikut peruntukan yang kita sedia ada, yang kita akan memberikan kepada pihak pertubuhan sukarela di seluruh negara bukan sahaja dari segi Montfort Boys Town sahaja. Di dalam negara kita terdapat banyak badan sukarela seperti Red Crescent dan lain-lain di mana mereka juga menunjukkan prestasi yang tinggi dari segi perkhidmatan (service) kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, di sini saya akan teruskan untuk memberi sedikit jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Serian. Memang saya sedar terhadap masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Serian sebab saya pun dari Sarawak. Di Sarawak kita memang ada menghadapi masalah komunikasi dan lain-lain. Oleh sebab itu maka kadar bantuan yang diberikan kepada orang yang menerima bantuan di kawasan ulu itu, adalah berbeza sedikit dengan kadar kepada penduduk di bandar. Mengenai mengapa mereka yang menerima bantuan di luar bandar ini terpaksa menunggu satu masa yang panjang, ini sebab pegawai-pegawai yang menguruskan bantuan ini tidak dapat pergi dari satu kampung ke satu kampung setiap bulan untuk menyalurkan bantuan

tersebut. Kementerian saya pun cuba menaikkan kadar bantuan dan perkara ini terikat kepada Kerajaan Negeri Sarawak, kerana bantuan am ini diuruskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Tentang perkara yang disebutkan tadi mengenai orang cacat akal, maka cadangan Ahli Yang Berhormat dari Serian ini boleh ditimbang sama ada satu institusi elok ditubuhkan di Sarawak untuk orang-orang yang cacat akal. Sementara itu pada lazimnya jika ada kes-kes orang cacat akal yang perlu kita letakan dalam satu institusi, kita membawa orang itu ke institusi di Semenanjung. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Serian boleh memberikan butiran-butiran kepada saya tentang kes yang disebutkan tadi di mana anak itu terpaksa dipagar dan lain-lain, saya boleh cuba membincangkan sesuatu dengan pegawai-pegawai saya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Simunan minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, setakat ini berapakah bilangan orang cacat akal atau ada satu perkataan yang digunakan, "terencat akal" yang telah dihantar ke pusat cacat akal di Semenanjung Malaysia daripada Sarawak ini? Kalau banyak, ini menunjukkan bahawa perlunya kita menubuhkan satu institusi di Sarawak untuk membiayai ataupun menjaga mereka ini. Setakat ini berapa orangkah?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Pengerusi, saya minta maaf kerana saya tidak ada angka tentang ini. Tetapi memang ada sebab saya sendiri pun sudah ada memberikan recommendation ke atas kes-kes yang telah dikemukakan kepada saya. Dengan itu saya rasa tidak

ada lagi perkara-perkara lain yang disebutkan dan dengan itu saya di sini hendak memberi jaminan kepada . . .

Dr Nicholas Munong Anak Ibau:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Peter Chin Fah Kooi: Boleh.

Dr Nicholas Munong Anak Ibau: Tuan Pengerusi, tadi ahli dari Serian membangkitkan satu perkara yang pernah saya lihat iaitu bukan orang yang cacat akal, apa yang saya rasa itu adalah psychiatric patient, orang pernah masuk ke mental hospital, dengan izin, yang mana rawatan yang diberikan itu tidak begitu mencukupi. Sesudah pesakit balik ke kampung atau rumah panjang, dia tidak sembuh dengan penuh, dia tidak diterima oleh orang-orang kampung bila balik dan tidak diterima tinggal di rumah panjang. Oleh itu si pesakit tersebut dipagar di kawasan luar rumah panjang atau di luar dari rumah kampung dan perkara seperti ini pernah saya bawa ke pengetahuan hospital yang dahulu saya pernah berkhidmat. Saya tidak tahu di manakah terletaknya tanggungjawab menjaga orang itu, adalah ia di bawah tanggungjawab pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat ataupun pihak Kementerian Kesihatan? Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini ke manakah kita akan membawa pengaduan di atas perkara ini? Adakah itu di bawah tanggungjawab Kementerian Kebajikan Masyarakat atau Kementerian-kementerian yang lain?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Pengerusi, saya hendak menjelaskan di sini bahawa institusi yang sedia ada di bawah Kementerian saya hanya dapat menjaga atau memberi perlindungan atau penjagaan kepada anak-anak yang cacat akal yang berumur di bawah 21 tahun. Mengenai kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rajang

itu, saya tidak mendapat maklumat yang tepat, tetapi pada amnya kes-kes ini kita ambil perhatian. Di mana ada kes-kes yang tidak termasuk di dalam skim penjagaan Kementerian saya atau di bawah Kementerian Kesihatan, kita sedang membincangkan dan membuat kajian bagaimana kes-kes seperti itu boleh diuruskan. Mereka sebenarnya bukan gila tetapi mengidap tekanan akal sedikit, dengan izin, a sort of grey area, di mana kita sedang berbincang dan diharap kita dapat mewujudkan sesuatu skim untuk orang-orang seperti itu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, penjelasan. Daripada penjelasan Yang Berhormat dari Rajang tadi, masalah

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta penjelasan, bukan penjelasan dia

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya hendak penjelasan daripadanya, tetapi mukaddimahnya berhubung dengan apa yang diprotes.

Yang Berhormat dari Rajang mengatakan bahawa ada yang di kurung di luar rumah, dipagar, berperang dengan nyamuk, lalat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Dia tidak kata berperang dengan lalat dan nyamuk. Dia tidak kata begitu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tetapi kepada saya, memang berperanglah kerana di Sarawak di kawasan luar bandar ramai yang tidak sedar adanya institusi untuk mereka ini sama ada di Sarawak atau di Semenanjung. Oleh kerana itu apabila mereka terencat akal dan mereka tidak tahu tempat-tempat ini, maka terpaksa ditempatkan mereka ini di luar rumah, dalam rumah, di luar rumah panjang dan sebagainya.

Jadi, apakah cara yang digunakan oleh pihak Kementerian dan Kerajaan untuk mencari, meneliti dan

mendapatkan mereka yang terlibat dengan sakit, cacat akal, terencat akal dan sebagainya itu supaya mereka ini dapat dikumpulkan dan diberi layanan dan perkhidmatan yang baik kepada mereka. Kerana ramai, kalau pergi ke Bariokah atau pergi ke mana saya fikir memang ada. Kalau dikumpulkan, 100, 200 ataupun seribu ada-mungkin!

Tuan Peter Chin Fah Kui: Buat masa sekarang, jawapan saya ialah jika ada kes seperti itu di mana orang yang berpenyakit itu memerlukan panjagaan, kita juga meneliti sama ada keluarganya yang boleh bertanggungjawab untuk memberi penjagaan dan jika mereka sanggup, Kementerian saya boleh memberikan bantuan kepada keluarga yang sanggup menjaga pesakit itu.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian, cadangan dan menimbulkan beberapa persoalan mengenai Kementerian saya. Segala teguran dan pandangan ini akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya demi untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan dan keupayaan Kementerian.

Dari segi menyediakan kemudahan dan keperluan, kepada kumpulan sasaran dengan adanya perhatian serta minat Ahli-ahli Yang Berhormat, saya yakin semua ini dapat membantu Kementerian saya ke arah pencapaian dan peningkatan perkhidmatan kepada masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$55,574,900 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$55,574,900 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$18,840,050 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan .

Wang sebanyak \$18,840,050 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Maksud B.52 (Jadual)—

Maksud P.52 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.52 dan P.52 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

7.35 mlm.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mukasurat 243, Maksud Pembangunan 52—Kementerian Kerjaraya, Butiran 00600—Jalan-jalan Raya Baru, 00700—Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan, dan 01400—Jalan-jalan Kuala Kerai, Gua Musang, Lipis dan Raub.

Tuan Pengerusi, dengan peruntukan yang dianggarkan sebanyak \$26,950,050 untuk jalan-jalan baru, maka saya memohon kepada Kementerian ini supaya lebih memberi perhatian kepada jalan-jalan baru di luar bandar kerana boleh dikatakan jalan-jalan di luar bandar sekarang masih belum lagi diturapkan dengan tar. Oleh hal yang demikian, segala kemudahan-kemudahan terutama sekali penduduk luar bandar sangat memerlukan supaya jalan-jalan ini dapat dinaikkan taraf daripada jalan penggawa ataupun jalan daerah kepada jalan JKR. Mudah-mudahan bagi pihak Kementerian ini, dapat memberi kemudahan dan dapat menaikkan prestasi jalan-jalan terutama sekali jalan-jalan di luar bandar.

Oleh hal yang demikian, dengan peruntukan ini, saya memohon kepada Kementerian ini supaya bagi tahun ini dapat mengkaji lebih teliti supaya jalan-jalan ini dapat dinaikkan kepada taraf jalan JKR.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh masalah pembinaan lain-lain jalan Persekutuan dan jambatan. Apa yang saya ingin sentuh di sini ialah Lebuhraya daripada Pasir Mas ke Rantau Panjang adalah sebuah benteng yang menahankan lintasan air daripada sebelah atas dengan sebelah bawah. Oleh hal yang demikian, setiap kali berlaku banjir maka lebuhraya ini boleh dikatakan setiap kali banjir ianya mengalami kerosakan. Bukan setakat lebuhraya menjadi rosak, bahkan bagi pihak penduduk Rantau Panjang tiap-tiap kali banjir, mengalami tenggelam harta benda mereka, dan juga tanaman mereka, ternakan mereka tiap-tiap tahun mengalami kerugian akibat daripada berlakunya banjir.

Oleh hal yang demikian, mengikut kajian penduduk Rantau Panjang supaya bagi pihak Kementerian ini mengkaji lebuhraya ini setidak-tidaknya menambahkan lagi culvert-culvert supaya air dapat berlari daripada atas ke bawah dan mereka mencadangkan supaya pihak Kementerian ini mengkaji membuat jambatan supaya air dapat cepat berlari.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada 01400—Jalan-jalan Kuala Kerai, Gua Musang, Kuala Lipis dan Raub.

Saya nampak jalan ini telahpun diperbaiki tetapi masih ada lagi tempat-tempat yang belum lagi dibaiki. Oleh itu saya meminta supaya Kementerian ini dapat mempercepatkan perlaksanaannya mudah-mudahan jalan ini dapat dibaiki dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Maksud Pembangunan P.52, mukasurat 244, Butiran 02400—Jambatan Pasir Mas, Kelantan dengan peruntukan sebanyak \$12 juta.

Saya berterima kasih kepada pihak Kerajaan terutama sekali kepada Kementerian ini. Nampaknya jambatan ini sekarang makin rancak dalam pembinaannya. Insya Allah, mudah-mudahan kalau tidak ada masalah-masalah, tidak berapa lama lagi jambatan ini akan dapat digunakan dan ini dapat memberi nikmat laluan kepada penduduk-penduduk di antara sebelah Rantau Panjang dan juga Pasir Mas sebelah Sala dan juga sebelah Kota Bharu. Mudah-mudahan dengan siapnya jambatan ini, saya rasa boleh dapat menampung lagi keperluan kenderaan-kenderaan yang melintasi jambatan yang telah ada.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh muka surat 245, Butiran 0700—Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan dengan peruntukannya sebanyak \$13 juta.

Saya juga mencadangkan kepada Kementerian ini, supaya rancangan ini akan dapat berjalan dengan baik dan dapat berjalan dengan teratur, mudah-mudahan rancangan ini benar-benar dapat memberi manfaat, terutama sekali kepada penduduk-penduduk kawasan luar bandar dengan tujuannya supaya mereka dapat menikmati air-air yang bersih. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

7.42 *mlm.*

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, mukasurat 244, Butiran 02000—Skim Mengatasi Kesyakan Lalintas Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian kerana menyediakan Butiran ini, tetapi saya merasa hairan apabila melihat dalam Butiran ini, bahawa untuk tahun 1990 sebanyak \$10 sahaja diperuntukkan di bawah Butiran ini.

Tuan Pengerusi, sesiapa yang melawat negeri Pulau Pinang dapat

melihat bahawa rangkaian jalan yang berada sekarang di Butterworth yang mana terletaknya Pelabuhan Besar . . .

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Larut bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Hendak minta penjelasan dari Tuan Pengerusi, sama ada \$10 ini debatable or not?

Tuan Pengerusi: Ya, lazimnya yang ini ialah token vote.

Dr Goh Cheng Teik: Token, ya.

Tuan Pengerusi: Jikalau sekiranya token, lazimnya tidak dibenarkan berbahas.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Cari tajuk lainlah.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, ada satu anggaran untuk 1986-1990, tetapi untuk tahun 1990 cuma \$10 sahaja token vote, dan apa yang saya hendak bangkitkan pendek sekali, tetapi mustahak, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Benda ini di bawah Peraturan Mesyuarat, kalau sekiranya token vote, iaitu bukan peruntukan yang boleh dibahaskan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, ini ialah satu sambungan kerana di bawah mukasurat 244 ini ada anggaran bagi tahun 1986-1990. Satu anggaran jumlah untuk projek ini yang masih belum selesai.

Tuan Pengerusi: Jika tidak panjang tidak apa.

Dr Goh Cheng Teik: Tidak panjang, Tuan Pengerusi, sekiranya tidak ada gangguan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr Goh Cheng Teik: Seperti saya sebutkan tadi, rangkaian jalan yang berada di Butterworth, yang mana terletak Pelabuhan Besar amatlah tidak mencukupi, tiap-tiap hari terdapat kesesakan lalulintas dan kemalangan jalanraya. Oleh yang demikian kargo tidak dapat berjalan dengan cekapnya.

Tuan Pengerusi, kilang-kilang yang terletak di dalam kawasan-kawasan perindustrian Perai, Tikam Batu, Kulim, Parit Buntar dan juga luar kawasan-kawasan tersebut perlu menggunakan Pelabuhan Besar di Butterworth, untuk mengangkut bahan-bahan mentah dari kapal atau menghantar barang-barang siap untuk eksport, tetapi malangnya trak-trak kontena yang besar terpaksa menggunakan Jalan Assumption masuk ke Pelabuhan Butterworth, sekiranya Jalan Bagan Dalam terlalu sibuk.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jalan Assumption merupakan satu jalan yang bertaraf luar bandar sahaja. Setahu saya satu jalan baru dari simpangan Jalan Sungai Nyior dan Jalan Chain Ferry ke Pelabuhan Butterworth ini telah dirancang semasa Tan Sri Wong Pow Nee menjadi Ketua Menteri pada tahun 1960an, dan tanah untuk projek ini telah pun diambil oleh Kerajaan Negeri. Tan Sri Wong telah berhenti, penggantinya Dr Lim Chong Eu pun telah memegang jawatan 20 tahun, tetapi jalan ini masih belum mula dibina.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah berkata bahawa infrastruktur amatlah mustahak, sekiranya negara akan maju dalam bidang industri. Kerajaan Malaysia mahu elak kesalahan Thailand, oleh kerana Thailand tidak menyediakan infrastruktur yang memuaskan. Setakat ini banyak pelabur-pelabur asing sekarang lari dari negeri Thailand dan banyak datang ke Malaysia. Oleh yang demikian, saya berharaplah Kementerian akan mengambil berat dan menyediakan peruntukan yang munasabah.

Mukasurat 244, Butiran 02700—Mengganti/Membaharui Jambatan Rosak di Laluan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerjaraya kerana merancang menaikkan taraf jambatan Nibong Tebal yang melintasi Sungai Krian.

Pada keseluruhannya penduduk-penduduk Daerah Nibong Tebal menyokong langkah Kerajaan ini, akan tetapi mereka minta bahawa pada masa titi lama dinaikkan taraf titi gantian yang disediakan boleh menampung lalulintas motosikal dan kereta.

Jabatan Kerjaraya telah mencadangkan satu kelencongan dari Parit Buntar, melalui Jambatan Bandar Baru, ke Jalan Bukit Pancor, tetapi kelencongan ini amatlah tidak memuaskan. Oleh yang demikian, penduduk-penduduk minta saya memohon daripada Kementerian Kerjaraya perhatian dan haraplah satu titi gantian dapat menampung lalulintas motosikal dan kereta. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit.

7.49 mlm.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin (Parit): Tuan Pengerusi, suka saya merujuk kepada Butiran 00600—Jalan-jalan Raya Baru dan juga Butiran 00700—Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa beberapa batang jalanraya yang telahpun dibuat kajian di kawasan Parlimen saya Parit Padang Changkat ke Pekan Seri Iskandar dan juga daripada Parit ke Pekan Seri Iskandar, telah dibuat kajian yang begitu mendalam dan sehingga masa kini, belum ada jalan raya yang baru, yang sepatutnya telah pun dibina.

Saya mengharapkan supaya Kementerian mengambil perhatian dalam usaha untuk membina jalanraya yang dirancang ini supaya kemudahannya dapat dinikmati oleh rakyat di Parlimen Parit.

Butiran 00700—Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan, saya difahamkan bahawa jalan daripada Bota ke Lambor Kanan dan seterusnya ke Kampung Gajah adalah merupakan Jalan Negeri dan saya membuat tinjauan dan perhatian serta mendapat laporan daripada orang ramai bahawa jalan yang telah digunakan sebegitu meluas, begitu banyak dan bukan sekadar kereta tetapi lori-lori yang berat yang kalau dihitungkan lebih daripada berat buah lori-lori yang besar yang melalui jalan yang bertaraf Negeri ini. Saya pohon supaya pembinaan jalan-jalan ini dinaikkan taraf supaya di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu, Butiran 02800 Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Saya suka juga menarik perhatian Kementerian supaya Jambatan Nordin di Parit yang telah dibina begitu lama sebelum merdeka hendaklah diganti dengan jambatan konkrit yang baru. Sebagaimana yang kita faham jika sekiranya jambatan yang lama ini dibuat penyelenggaraan, kosnya begitu mahal dan juga menyekat kelajuan lalu lintas daripada Bruas dan juga daripada Ipoh melalui jambatan yang berkenaan. Saya merayulah supaya jambatan ini dapat dipertimbangkan oleh pihak Kementerian.

Bersabit dengan Butiran 03000—Penswastan Lebuhraya Utara/Selatan, saya ingin penjelasan mengenai \$200,000,000 ini untuk buat apa? Kerana difahamkan kalau penswastan kita tidak perlu beri pinjaman. Dan bersabit dengan pengurusan Lebuhraya Utara/Selatan ini di bawah PLUS, juga difahamkan bahawa segala urusan

PLUS dalam hubungan membina Lebuhraya Utara/Selatan ini di manoeuvre, dengan izin, dengan sedemikian rupa berkisar dalam sudut pengurusan PLUS itu sendiri. Saya minta supaya PLUS dikaji sedalam-dalamnya dalam tindak-tanduk pengurusan PLUS itu sendiri dan juga pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor-kontraktor yang berhak.

Saya rasa memadai dengan saranan saya yang singkat ini untuk membuka mata pihak pengurusan PLUS ke arah membetulkan jika sekiranya terdapat praktis-praktis ataupun amalan-amalan yang tidak sihat. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan.

7.54 mlm.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 239 di bawah Butiran 020000 Jalan dan Jambatan, Program/Aktiviti 020100 Pentadbiran Jalan dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu perkara mengenai tiket-tiket konsesi tol Jambatan Pulau Pinang di mana dalam pentadbiran Jabatan Kerjaraya. Pada 2hb November tahun ini saya membangkitkan satu soalan meminta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemandu-pemandu kenderaan yang ingin membeli tiket-tiket konsesi tol Jambatan Pulau Pinang telah diberitahu supaya menunggu selama satu bulan sementara stesen-stesen pam minyak dan gerai-gerai di tepi jalan di sepanjang kawasan Seberang Jaya berupaya menjual tiket-tiket konsesi ini kepada pemandu-pemandu kenderaan dengan keuntungan. Jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri sendiri ialah bahawa ini adalah benar bahawa stok-stok konsesi tiket itu sudah habis dan pernah dihentikan dua kali pada bulan September dan bulan Oktober.

Di sini saya ingin bertanya mengapa jikalau stok yang habis, tiket konsesi itu sudah habis, bolehkah menjadi dua kali—bulan September dan Oktober, stok boleh habis? Jikalau stok itu habis sebelum September, Jabatan Kerjaraya mestilah mendapat stok yang penuh yang mana untuk selama-lamanya dan bukan dua bulan sahaja.

Tuan Pengerusi, nampaknya bukan sahaja berlakunya perkara tidak ada stok untuk tiket-tiket konsesi itu tetapi juga saya nampak ada lebih berlaku dari apa yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bertanya sama ada penyelewengan atau amalan curang di tol itu oleh kerana ada ramai orang untuk menjual tiket tetapi tidak boleh dapat tiket itu. Sebagai latar belakang dan memberi maklumat mengenai perkara ini, konsesi tol itu telah pun dibangkitkan beberapa tahun dahulu dimana ada pemandu-pemandu membangkitkan isu itu dan jawapan oleh bekas Menteri pada masa itu adalah bahawa konsesi tol pada masa itu tidak ada disertakan nombor kereta. Oleh kerana ada penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan oleh orang-orang tertentu, maka satu tindakan diambil di mana sistem baru dibuat di mana nombor kereta dicap di tiket konsesi itu dan nampaknya sistem itu tidak berkesan oleh kerana pada masa sekarang ada salahguna kuasa itu oleh sebab sekarang ada lagi tiket konsesi itu dijual oleh stesen-stesen minyak dan gerai-gerai di tepi jalan dengan harga \$6.00 kepada pemandu-pemandu padahal apabila stesen-stesen minyak membeli tiket konsesi itu adalah \$5.60 dan selepas membeli itu, mereka menjual dengan harga \$6.00 kepada pemandu-pemandu dan mendapat untung 40 sen satu tiket.

Dengan ini nampaknya sistem itu tidak berkesan atau ada penyelewengan atau amalan curang dijalankan di tol jambatan itu. Saya sendiri ada membeli tiket dari stesen-stesen minyak itu dan saya ada di dalam tangan saya dua tiket dengan nombor kereta (bukan saya

punya) tetapi boleh dipakai jikalau saya menggunakan tiket itu—PAM 352 dan ia bukanlah nombor kereta saya tetapi saya boleh menggunakan tiket itu. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya apakah guna tiket itu dicap dengan nombor kereta padahal sesiapa yang ada tiket di mana nombor di tiket tidak serupa dengan nombor kereta pun boleh gunakan tiket itu.

Dengan ini saya harap Menteri Kerjaraya boleh buat satu siasatan sama ada penyelewengan berlaku di tol itu dan memberi satu jawapan yang memuaskan. Di samping itu saya mengambil kesempatan ini meminta Kerjaraya untuk menurunkan kadar tol itu ke \$5.60 seperti yang diberi kepada tiket konsesi. Oleh kerana konsesi itu tidak berkesan, lebih baiklah kalau diturunkan kadar tol dari \$7.00 sampai \$5.60 di mana pemandu-pemandu sendiri boleh jimat \$1.40 dan bukan memberi 40 sen keuntungan kepada stesen-stesen minyak dan gerai-gerai di tepi jalan seperti orang tengah. Saya harap Menteri Kerjaraya boleh membuat satu timbangan yang wajar bagi menurunkan kadar tol itu untuk kebaikan pemandu-pemandu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kluang.

8.00 mlm.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 239, Butiran 02000, di bawah program 020200 dan mukasurat 243, Butiran 00700.

Tuan pengerusi, bila saya berdiri di sini saya masih ingat bahawa pada masa ini, tahun yang lalu Yang Berhormat Dato' Menteri Kerjaraya telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa beliau tidak lama lagi akan memberi sebuah hadiah besar kepada penduduk di Kluang, sebuah hadiah yang dinantikan oleh penduduk-penduduk Kluang semenjak beberapa tahun yang lalu. Saya tidak ragu-ragu bahawa ketika

itu beliau merujuk kepada jejambat yang akan dibina melintangi jalan keretapi.

Itulah hadiah besar yang mereka nanti-nantikan dan yang mereka kehendaki. Namun demikian, saya telah berusaha mendapat pengesahan beliau secara bersendirian sama ada beliau merujuk kepada jejambat. Beliau telah mengesahkannya dan juga memberitahu saya bahawa beliau akan membuat pengumuman di Kluang sendiri. Saya merasa sungguh gembira kerana akhirnya impian penduduk-penduduk Kluang akan tercapai. Saya telah tunggu satu tahun, malang sekali tiada pengumuman dibuat. Apa yang telah berlaku ialah Yang Berhormat Dato' Menteri telah bertukar portfolio. Seorang Menteri baru telah mengambilalih tempatnya.

Kini saya bimbang sama ada Menteri baru akan meneruskan dengan projek membina jejambat melintangi jalan keretapi di Kluang. Saya merasa bimbang jejambat tersebut tidak menjadi satu impian—kesesakan lalu-lintas berterusan. Oleh yang demikian saya menyeru Yang Berhormat Dato' Menteri jangan mengabaikan projek tersebut itu tetapi meneruskan menjalankannya dengan secepat mungkin.

Tuan pengerusi, saya dapat merasa kegentingannya kerana saya tahu sejak beberapa tahun yang lalu penduduk-penduduk Kluang telah bersabar menghadapi kesulitan pintu jalan keretapi ditutup apabila keretapi berlalu dan keretapi berlalu dengan kadar satu setiap dua puluh minit sehari.

Tuan Pengerusi, cuba fikir dengan pembukaan dan penutupan pintu tersebut sebanyak empat puluh lima kali setiap hari. Jalan keretapi tersebut memisahkan bandar Kluang kepada dua bahagian. Sebahagian menempatkan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Pejabat Daerah, Stesen Polis, Mahkamah dan Hospital Daerah dan sebahagian yang lain pula menempatkan kedai-kedai commercial dan kilang-kilang. Penduduk-penduduk Kluang telah hilang beratus-ratus jam

menunggu di hadapan pintu jalan keretapi yang tertutup untuk menyeberangi ke bahagian yang lain setiap kali keretapi berlalu. Dengan pertambahan jumlah kereta di Bandar Kluang kesesakan lalulintas menjadi semakin buruk.

Tuan Pengerusi, kedua-dua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri telah membuat lawatan ke tempat tersebut dan telah melahirkan rasa simpati terhadap kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Kluang. Memandangkan Bandar Kluang telah menjadi sebuah bandar perindustrian yang semakin besar dengan ramai pelabur asing menubuhkan kilang-kilang mereka di sana, saya menyeru Kementerian Kerjaraya mengkaji masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Kluang dan benar-benar menghadiahkan sebuah hadiah besar kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Serian.

8.06 mlm.

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak (Serian): Berbanyak terima kasih oleh kerana diberi peluang untuk membahas

Tuan Pengerusi: Ucap sahajalah, teruskan.

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh kepada mukasurat 239, Butiran 010000—Pengurusan Am.

Bersabit dengan perkara ini saya ingin menyampaikan pandangan saya kepada tidak sempurnanya dan tidak berpatutannya kita dengan kerja buruh kasar kita. Saya melihat pekerja kita dihantar dengan dibawa balik dari tempat mereka bekerja dengan lori angkut yang tidak disediakan tempat duduk dan tidak mempunyai perlindungan.

Tuan Pengerusi: Di mana itu Yang Berhormat, di bawah apa itu?

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Di mukasurat 239—Pengurusan.

Tuan Pengerusi: Jadi Yang Berhormat bercadang siapa hendak bawa orang-orang ini, bagaimana hendak bawa mereka ini?

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Saya bercadang supaya Kementerian ini membekalkan van atau lori yang ada tempat duduk

Tuan Pengerusi: Bukankah ini di bawah Kementerian Buruh?

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat, adakah tujuan Yang Berhormat itu untuk mengangkut pekerja-pekerja JKR?

Tuan Pengerusi: Pekerja-pekerja JKRkah?

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Ya, pekerja-pekerja JKR, buruh kasar kita, kerana mereka ini berdiri dan kena panas ataupun hujan atau apa sahaja yang dihadapi dan dilintasi seperti dahan-dahan dan tali-tali. Keadaan ini sangat merbahaya kepada mereka dan untuk menghormati dan memberi keselesaan kepada buruh kasar kita ia itu yang bekerja di JKR ini, kita patut membekalkan kereta khas yang bertempat duduk dan berbumbung atau bas, sekurang-kurangnya.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Maksud B. 52, mukasurat 240, Butiran 020000, Program 020500 dan mukasurat 243, Maksud Pembangunan P.52, Butiran 00600—Jalanraya-jalanraya Baru.

Saya ingin menarik perhatian bahawa saya telah menyebut beberapa kali berkenaan dengan betapa perlunya jalan Umbu di Daerah Serian. Jalan itu akan memberi pembangunan dan kesenangan kepada beberapa buah kampung tradisi yang hingga hari ini masih lagi seperti pada masa penjajah dahulu belum mempunyai jalan. Bagaimana penduduk-penduduk di kampung-kampung itu dapat berubah dari segi ekonomi, sosial dan kehidupan mereka?

Mereka tidak dapat berdaya selagi infrastruktur tidak dibuat. Mereka terpaksa menanam padi bukit. Sungguhpun mereka sedar pendapatan dari sumber ini tidak mencukupi oleh kerana mereka tidak mampu memikul beras yang dibeli dengan 4 atau 5 jam dan sekali pikulan itu mungkin untuk bekalan selama seminggu sahaja bagi sekeluarga. Harga barang-barang keperluan sangat tinggi juga di sini berikutan dengan gaji mengangkutnya ke sana, baja yang berharga \$46.00 di pasar sampai \$60.00 sebeg yang beratnya 50 kilo, jadi bagaimana hendak maju.

Saya diberitahu oleh Menteri Kerjaraya bahawa Kerajaan Pusat cuma berkuasa dengan jalan antarabangsa dan jalan lebuh raya sahaja, ataupun, highway, dengan izin, tetapi di sini saya memberitahu bahawa saya diberitahu oleh wakil Kerajaan Negeri bahawa Jalan Pengkalan Amu adalah dicadangkan oleh Kerajaan Pusat dan dalam Rancangan Kerajaan Pusat, dalam buku belanjawan kita tahun ini, saya tidak ada nampak peruntukan walau pun \$10.00. Saya ingin tahu dengan sebenarnya siapakah yang bertanggungjawab dengan jalan ke kawasan itu iaitu Jalan Pengkalan Amu sama ada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri. Bersabit dengan perkara ini saya ingin ini, saya ingin menyentuh belanja bagi P.52, Butiran 00600, mukasurat 243 yang berjumlah \$26,950,050 dicubit sedikit untuk projek jalan-jalan Pengkalan Amu itu.

Berpindah kepada mukasurat 246, Maksud P.52 Butiran 10600—Rancangan Bekalan Air Sarawak.

Di sini saya lihat anggaran bagi tahun 1990 tidak ada, jadi, bagaimana dengan rancangan-rancangan bekalan air yang belum siap dijalankan. Penduduk-penduduk di kawasan saya, di kawasan Tebedu, misalnya, yang dekat dengan sempadan Indonesia, tidak mempunyai bekalan air yang sempurna.

Saya menyeru supaya bekalan air di situ disiapkan dengan masa yang agak segera memandangkan orang ramai yang datang melawat ke Malaysia atau ke Indonesia melalui pintu masuk di sini. Penduduk-penduduk di situ juga perlu dengan bekalan air yang selamat diminum dan dengan ini saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Maran.

8.14 mlm.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada mukasurat 244, Butiran Projek 02300—Lembaga Lebuhraya Malaysia yang mana peruntukan secara langsung ialah \$477 juta.

Sekarang kita telah melaksanakan Lebuhraya Utara Selatan dan sebagainya, hanya saya hendak bertanya adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuantan-Kota Bharu kerana perkara ini, saya memandangkan perlu sebab keadaan lalu lintas telah terlalu sesak dan sepatutnya kita boleh berjalan dengan sekejap, tetapi kerana jalan terlalu sempit, hanya jalanraya, bukannya lebuhraya, ini menyebabkan kenderaan selalunya tergendala, hanya saya bertanya bila Kerajaan bercadang dan memasukkan projek untuk mengadakan lebuhraya daripada Kuala Lumpur-Kuantan-Kota Bharu. Saya juga ingin merujuk kepada butiran 03100 iaitu Jalan Genting Highlands-Bukit

Fraser-Cameron Highlands yang mana peruntukan diberi ialah sebanyak \$10 juta. Saya ingin bertanya setakat mana kemajuan ataupun progres jalan ini dan bilakah jalan ini siap dan boleh digunakan.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 08100 Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang yang berjumlah sebanyak \$21.6 juta. Saya ingin bertanya adakah ini termasuk iaitu bekalan air di kawasan saya, Maran yang mana rancangan tanah Felda yang terdiri daripada 26 skim di kawasan saya yang selalunya bekalan air tergendala tiap-tiap minggu, bahkan kadangkala seminggu terus tidak ada air. Bagi orang kita, terutamanya, kalau tidak ada air adalah menyukarkan bagi mereka kerana air itu adalah penting kepada mereka. Jadi, adakah termasuk di dalam rancangan ini. Terima kasih, Tuan pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sandakan. Semua nanti boleh berucap.

8.16 mlm.

Tuan Fung Ket Wing: Ini termasuk Pembangunan 52—Kementerian Kerjaraya, mukasurat 245, butiran 05200 Tajuk Jalan-jalan Besar Timur di Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyetujui pembinaan Lebuhraya Telupid/Sandakan/Lahad Datu di Pantai Timur di Sabah. Kontrak untuk membina sebahagian batang jalan yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Telupid/Sandakan/Lahad Datu telah diberikan kepada Dae Woo Corporation dan syarikat ini dikehendaki membina jalan tersebut dari Telupid ke Batu 32 Sandakan sejauh 25 kilometer dengan kos \$58.61 juta dan satu lagi kontrak bernilai \$26.85 juta telah diberi kepada Cahaya Pemborong Sdn. Bhd. dan Simon Lee Brothers Enterprise Sdn. Bhd. untuk membina jalan dari Batu 32 Sandakan ke Sungai Kinabatangan sejauh 52

kilometer. Satu lagi kontrak bagi pembinaan jalan dari Sungai Kinabatangan ke Lahad Datu sejauh 65 kilometer dengan kos \$29.57 juta telah diberi kepada Halla Construction Co. Ltd. & Alexander Chan Brothers Sdn. Bhd. Kerja ke atas projek-projek telah bermula pada 15-9-1986 dan projek pertama dan ketiga yang dinyatakan di atas dijangka siap pada 11hb September, 1989 sementara projek kedua itu dijangka siap pada 2hb Januari, 1989.

Malangnya projek-projek ini belum siap dibina sehingga kini. Pada bulan Mei tahun lalu, Pegawai-pegawai Bank Dunia telah memeriksa projek-projek tersebut dan mereka berasa hampa dengan kemajuan projek-projek berkenaan. Tempoh atau grace period, dengan izin, selama 8 bulan telah diberi untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Saya telah membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini tahun lalu dan juga sesi Mac tahun ini akan tetapi keadaannya sama juga walaupun Kementerian Kerjaraya ketika itu telah melawat projek-projek ini dalam bulan Mac tahun ini. Malangnya Menteri berkenaan dan Kementerianya tidak menjalankan pemeriksaan yang wajar ke atas projek-projek tersebut. Menteri berkenaan dipersalahkan kerana memeriksa jalan-jalan yang baik sahaja dan bukan jalan-jalan yang buruk di Sabah.

Suatu masa dalam tahun ini, satu laporan akhbar menyatakan bahawa Bank Dunia telah mengugut akan menarik balik pinjaman bagi ketiga-tiga projek jalanraya besar ini di Sabah disebabkan pengurusan yang buruk dan ketidakpatuhan kepada jadual dan spesifikasi-spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Kerjaraya Sabah. Laporan tersebut juga melaporkan bahawa Pegawai-pegawai Kanan JKR Sabah telah dipanggil ke Kuala Lumpur oleh wakil-wakil Bank Dunia untuk memberi sebab-sebab mengapa pinjaman bantuan bank tersebut yang berjumlah lebih \$163 juta tidak harus ditarik balik.

Bekas Menteri Perhubungan dan Kerjaraya Sabah, Datuk Joseph Kurup, mendakwa bahawa kelewatan panjang yang berlaku dalam penyediaan projek-projek ini khususnya oleh Dae Woo adalah disebabkan masalah aliran tunai (cash-flow problem) kerana harga kontrak adalah terlalu rendah. Lanjutnya, syarikat-syarikat tersebut menghadapi kesulitan untuk mendapat batu-batu dan juga terjejas akibat cuaca buruk.

Sudah tentu kesemua masalah ini diketahui apabila para pemborong berkenaan memohon tender-tender berkenaan, dan ini tidaklah menjadi alasan atau sebab mengapa berlaku kelewatan yang begitu panjang dalam penyediaan projek-projek tersebut.

Lebuhraya Telupid/Sandakan/Lahad Datu merupakan alat pengangkutan yang begitu perlu antara Pantai Timur dan Pantai Barat di Sabah dan juga jalanraya utama untuk mengangkut pengeluaran pertanian dan kayu-balak daripada jalan yang sepanjang 192 kilometer di Pantai Barat. Ia juga adalah dianggap sebagai zon ekonomi Pantai Timur khususnya untuk Sandakan dan Lahad Datu di mana terdapat banyak kem-kem kayu balak serta ladang-ladang kelapa sawit dan koko.

Ramai pemandu lori dan petani serta tuanpunya ladang bergantung sematamata kepada lebuhraya ini. Lebih lambat pembinaannya, lebih lama kelewatan akan berlaku dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah serta taraf hidup orang-orang ulu di Negeri tersebut.

Perlu juga dinyatakan di sini bahawa semasa musim hujan, jalan ini tidak dapat digunakan untuk beberapa bulan. Ada kalanya beratus-ratus kereta terkandas di jalan ini untuk beberapa hari atau minggu semasa musim hujan. Penduduk-penduduk menderita akibat ini, barang-barang termusnah dan ini menjejaskan dengan seriusnya ekonomi kawasan berkenaan.

Saya menyesal bahawa dalam jawapan yang diberikan oleh Menteri Kerjaya kepada pertanyaan saya pada 1hb Disember, 1989, jadual baru bagi penyiapan Lebuhraya Telupid/Sandakan/Lahad Datu telah dilanjutkan daripada jadual asal iaitu daripada 2/1/1989 hingga 11/9/1989 kepada jadual baru iaitu daripada bulan September 1990 hingga Jun 1991. Masa yang dilanjutkan ini adalah dua kali ganda berbanding dengan masa awal yang ditetapkan untuk pembinaan lebuhraya tersebut. Kelewatan yang begitu panjang ini bukan sahaja akan menyebabkan perbelanjaan yang lebih tetapi menderita lebih lama lagi akibat ketidak-tanggungjawab dan ketidakupayaan Kerajaan.

Saya berharap Menteri berkenaan akan memberitahu Dewan ini sama ada perlanjutan ini akan menyebabkan kos pembinaan yang lebih bagi lebuhraya tersebut dan siapakah yang akan bertanggungjawab ke atas tambahan kos ini dan sama ada akibat kos tambahan ini kita terpaksa memperolehi pinjaman tambahan daripada Bank Dunia. Saya juga ingin tahu sama ada Kerajaan telah mengambil apa-apa tindakan terhadap pemborong-pemborong yang gagal menyiapkan projek tersebut dan nyatakan jenis-jenis tindakan yang diambil terhadap mereka ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan projek-projek tersebut tidak akan dilewatkan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

8.25 m/m.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di atas tajuk Pengurusan Am mukasurat 239-010000—Emolumen. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat daripada, sebut nama boleh, Datuk Leo Moggi.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kerana dilantik menjadi Menteri Kerjaya yang juga berasal dari Sarawak. Dan Yang Berhormat Tuan Luhut Wan sebagai Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak usah sebut nama, baca kawasannya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sudah sebut.

Tuan Pengerusi: Tarik balik.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tarik baliklah. (*Ketawa*) Tetapi sudah dengar juga. Jadi, kawasan lupa itu yang susah, kerana dua-dua daripada Sarawak dipilih menjadi Menteri, di lantik dan Timbalan Menteri. Jadi, saya bersyukur kerana ada tanda-tanda penitikberatan daripada pihak Kerajaan Persekutuan ke atas pembangunan jalan raya, air dan sebagainya di Negeri Sarawak dan juga Sabah. Dan saya mengucapkan terima kasih semenjak Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyandang jawatan itu, jalan raya daripada Papar Simunjan ke Gunung Eling di Simunjan sekarang sedang dibina dan akan siap tidak lama lagi. Saya ucapkan terima kasih. Dan begitu jugalah pengawasan kepada jalan daripada Simpang Jalan dari Kuching ke Seri Aman, Jalan Bukit Punda ke Bandar Simunjan, sekarang sentiasa diawas dengan baik. Saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat itu. Dan begitu jugalah jalan-jalan lain daripada Kota Semarahan ke Pendam kawasan saya pun dalam keadaan yang memuaskan. Saya ucapkan terima kasih. Dan tahniah kepada Yang Berhormat yang senyumannya mekar pada malam ini nampaknya.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada 010100—Pentadbiran dan Kewangan.

Memanglah dari segi pentadbiran jalan-jalan dan kewangan, ini dua agensi terlibat pertamanya Kementerian Kerjaya Persekutuan dan Kementerian

Kerjaraya Negeri. Tetapi wang yang didapati oleh Kerajaan Negeri, sebahagian besarnya juga datang dari Kerajaan Persekutuan. Dan oleh kerana itu walaupun jalan raya-jalan raya kecil di luar bandar yang terpencil di kawasan Negeri Sarawak ini ditadbir oleh Kerajaan Negeri tetapi dengan secara langsung atau tidak langsung wang itu oleh kerana datang dari Kerajaan Persekutuan maka adalah menjadi hak kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, jalan-jalan baru yang saya ingin hendak sentuh di muka surat 244-Jalan Baru di Sarawak.

Saya mohonlah pihak Kerajaan supaya jalan daripada Bukit Punda ke Simunjan itu ditarkan, diturapkan supaya debu itu tidak begitu banyak dan senang untuk kereta lalu lalang, lalu-lintas pergi ke Simunjan dari Simunjan ke Kuching. Dan saya juga memohon supaya pihak Kerajaan melaksanakan jalan raya yang disebutkan selama ini di dalam Dewan ini juga daripada Simunjan ke Serbangan kemudian ke Sebuyau kemudian ke Lingga dan kemudian ke Seri Aman supaya perjalanan para penduduk daripada Simunjan ke Seangan, ke Sebuyau dan sebagainya akan dapat, lebih senang lagi dibandingkan dengan masa-masa yang lepas. Jadi, mintalah peruntukan dari pihak Kerajaan supaya jalan ini dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, kita tengok juga ini mukasurat 244-02300-Lembaga Lebuhraya Malaysia. \$477 juta diperuntukkan untuk jalan raya, Lebuhraya Timur Selatan dan sebagainya.

Saya rasa kalau ambil sedikit dari sini, kalau ambil \$77 juta, beri kepada kawasan Simunjan, alangkah sedapnya dapat kita laksanakan ataupun di Sarawak atau di kawasan lain kerana penitkberatan ini nampaknya begitu, bukanlah saya hendak menuduh pula tetapi nampaknya berat sebelah.

Memang menjadi hak kita saya rasa kalau di Sarawak itu buat jalan-jalan lebuhraya yang setanding dengan apa yang ada di Semenanjung, lagipun saya rasa negeri itu sebesar Semenanjung. Dan hubungan antara Sabah dan Sarawak juga harus kita ambil perhatian kerana kita perlu mengintegrasikan kedua-dua negeri itu dan penduduk-penduduk kedua-dua negeri itu. Dan saya juga merasai bahawa perlu pihak Kerajaan mengambil berat tentang jalan besar, jalan lebuhraya seumpama yang ada di Semenanjung ini supaya dilaksanakan lebih cepat di Sarawak dan Sabah.

Tuan Pengerusi, satu lagi ingin saya sentuh ialah bekalan air, mukasurat 240, Butiran 030000 Bekalan Air ke Luar Bandar.

Di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali di kawasan Simunjan, di kawasan bandar-bandar kecil seperti Semerak, Gedong, Lubok Punggoh, Sebangon dan sebagainya, saya rasa setakat ini belum mendapat bekalan air yang memuaskan, terutama sekali kita dapati di sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, kita dapati kadang-kadang apabila masa tak ada air, budak-budak ini berkeliaran buang air besar dalam hutan, terpaksa buat tempat buang air besar dalam hutan di belakang hostel.

Kemudian, kadang-kadang satu minggu tak mandi kerana air kering, tak ada peruntukan air diberi kepada mereka ini. Jadi ada bekalan airnya, tangkinya, tempat takungan air itu kering masa kemarau. Oleh kerana itu, saya rasa di tempat-tempat di mana sekolah-sekolah itu ada dan kita menghantar anak-anak kita ke sekolah-sekolah, perlulah saya rasa pihak Kerajaan untuk meneliti akan kawasan-kawasan, tempat-tempat, daerah-daerah yang ada sekolah-sekolah menengah di mana ramai daripada anak-anak kita itu ditempatkan di asrama-asrama yang kalau tak ada air satu minggu, mereka menderita dan penyakit pun mungkin senang datang.

Saya sudah mengalami ini kerana pernah juga jadi guru, pernah juga jadi Wakil Rakyat macam ini melihat dan memeriksa keadaan anak-anak ini. Memang betul masa kemarau tak ada air, satu minggu tak mandi, buang air besar, buang air kecil semua dalam hutan. Jikalau masa zaman perang Jepun macam mana hendak pergi dalam hutan, nanti kena tembak oleh askar Jepun

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan melencung jauh sangat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Itu contoh sedikit-sedikit. Jadi, Tuan Pengerusi, bekalan air, ini saya rasa perlu dan di mana kawasan itu di waktu kemarau, bekalan airnya berkurangan, saya rasa perlu dirancangan tempat takungan air yang besar dan memuaskan yang bukan hanya boleh membekalkan air kepada rakyat di masa tengkujuh, hujan, tetapi di masa kemarau pun mampu membekalkan air kepada rakyat jelata di kawasan tersebut.'

Satu lagi ialah pihak JKR/ Kementerian ini perlu bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kadang-kadang oleh kerana desakan daripada, minta maaf, orang politik, orang perniagaan (businessman) untuk dapat kawasan balak ini, kadang-kadang kawasan-kawasan balak di tempat takungan air pun diberi lesen untuk orang yang membalak (pembalak-pembalak).

Misal kata, di kawasan saya di Gunung Eling diberi lesen kepada pembalak, pembalak kayalah, tetapi dari segi airnya terjejas takungan air itu. Begitu jugalah di gunung-gunung lain kerana kadang-kadang desakan daripada penyokong-penyokong, pemimpin-pemimpin yang menguasai hutan ini kadang-kadang oleh kerana hendak sokongan juga berilah, tak tahulah, ataupun mungkin hendak bantu peniaga-peniaga bumiputera berilah lesen kepada pembalak-pembalak ini. Jadi mereka balakkan hingakan kawasan takungan

air itu terjejas dan mungkin di masa akan datang kalau ini berterusan, maka rakyat di negeri-negeri tertentu akan terjejas kehidupan mereka dan air

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukuplah itu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ada juga masa?

Tuan Pengerusi: Ada 10 minit.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: 10 minit, saya terlanjurlah. Kebetulan juga sudah habis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

8.37 mlm.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya ingin menyentuh mukasurat 245, Butiran 06500 mengenai Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah.

Sebelum saya bincang dan bahaskan perkara ini, sukalah saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya yang telah memberi perhatian yang sangat baik kepada cadangan dan pandangan saya di dalam Dewan yang mulia ini di awal tahun 1989 ini. Walau bagaimanapun, masalah bekalan air di kawasan Parlimen Sungai Petani masih kekal, masih ada. Perkara itu berlaku kerana projek bekalan air di Pinang Tunggal itu di mana kontraktor yang membuat projek bekalan air di Pinang Tunggal itu telah lari dan diganti dengan satu kontraktor yang lain. Saya ingin sentuh di sini sebab-sebab di antara beberapa sebab mengapa kontraktor di situ lari, kerana setakat yang saya dapat ketahui bahawa kontraktor yang datang membuat projek itu ialah datang daripada luar kawasan Sungai Petani, iaitu daripada Kuala Lumpur, jadi pembekal-pembekal di Sungai Petani

telah berpakat supaya jangan membekalkan kepada mana-mana kontraktor yang datang daripada luar kawasan Sungai Petani. Hal ini juga haruslah diambil ingatan bagaimana perkara seumpama ini boleh dan dapat diatasi pada masa hadapan.

Menyentuh hal ini, suka jugalah saya merakamkan di dalam Dewan ini bahawa mana-mana tawaran yang rendah selalunya membawa kegagalan kepada projek yang dibuat. Dengan sebab itu, tidak semestilah projek-projek dan tender yang rendah itu diberi. Saya sedar dan kita pun sedar bahawa pihak JKR telah tahu dan dapat menilai harga sebenar atau hampir sebenar kepada projek-projek berkenaan.

Jadi, saya rasa tidaklah dan patutlah disemak semula mana-mana tender supaya jangan sahaja memberi kepada yang murah tetapi kepada tender-tender yang benar-benar boleh menjalankan satu-satu projek itu.

Menyentuh Bekalan Air di Sungai Petani ini, saya ingin merayu kepada pihak Kementerian supaya dapat membekalkan dengan segeranya air ke kawasan Pantai Merdeka kerana bekalan air ke Pantai Merdeka dapat disampaikan ke kolam udang, tetapi tidak dapat dibekalkan kepada penduduk-penduduk tempatan. Jadi, orang-orang kampung telah bertanya kepada saya, undang-undang itu lebih baik, lebih mulia daripada kami sebagai manusia atau kami ini lebih patut diutamakan daripada undang-undang yang dimasukkan dan dijaga dari air tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mukasurat 244, Butiran 2800 iaitu Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan.

Di kawasan Parlimen Sungai Petani ada sebuah jambatan yang merentas merentangi jalan keretapi berdekatan dengan jambatan keretapi Pinang Tunggal berhampiran dengan Sungai

Muda, jalan keretapi yang memisahkan di antara Pinang Tunggal dengan Sidam Kiri. Jadi, jambatan ini telah dijanjikan untuk dibina dalam bulan Januari, 1989 tetapi hingga sekarang belum lagi dapat dilaksanakan. Jadi, saya harap pihak Kementerian dapat melihat dan meninjau atas apa yang saya sebut itu.

Yang kedua, mengenai menaikkan taraf jalan. Ada beberapa buah jalan telah dinaikkan taraf di beberapa kawasan di Negeri Kedah. Cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah keutamaan-keutamaan yang diberi kepada pembinaan-pembinaan jalan ini? Kerana mengikut pandangan saya sendiri, saya dapati setengah-setengah jalan yang dibuat itu kurang perlu daripada jalan-jalan yang lain.

Di sini suka saya cadangkan kepada Kementerian, sebelum satu-satu jalan itu hendak dibuat kerana jalan-jalan itu juga mahal, perlulah ditinjau pendapat-pendapat orang-orang tempatan, mungkin pendapat-pendapat Wakil Rakyat, kerana Wakil Rakyat itu selalu masuk ke kampung-kampung melalui jalan-jalan ini dan mereka lebih mengetahui daripada orang-orang yang lain. Kadang-kadang pemilihan jalan ini kiranya orang-orang di jabatan tertentu mungkin ada hubungan di tempat-tempat berkenaan, kadang-kadang sentimen itu terpengaruh dan terpilih kepada jalan-jalan terdorong olehnya, sedangkan kepentingan jalan itu sangat kurang. Jadi, saya merayu kepada Kementerian supaya dapat meninjau atau sekurang-kurangnya berunding, bermesyuarat di antara Wakil-wakil Rakyat, Tok Penghulu, JKK di kawasan-kawasan itu mana satu yang jalan perlu, umpamanya jalan raya di Sungai Petani ada tiga atau empat yang mana sepatutnya dibuat dahulu supaya yang penting itu kita dahulukan. Jadi, sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Julau.

8.45 mlm.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Pembangunan 52, Kementerian Kerjaraya, mukasurat 24, Butiran 00600, Jalan raya-jalan raya Baru dan Butiran 00700, Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, Anggaran Peruntukan kewangan dalam Butiran 00600 secara langsung adalah \$26,950,050 untuk tahun 1990 dan di sini saya percaya Negeri Sarawak, Negeri Sabah dan sama juga dengan negeri-negeri yang lain dalam Malaysia mendapat pembahagian yang baik bagi peruntukan kewangan untuk membina jalan raya-jalan raya di negeri-negeri masing-masing.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini mengetahui, Negeri Sarawak atau Sabah yang masih mundur dan jauh ketinggalan dalam usaha pembinaan jalan raya-jalan raya, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar, bukan sahaja tidak ada jalan turap bahkan jalan tanah merah pun jauh dari apa yang mencukupi. Oleh sebab itu negeri itu sering memohon lebih sedikit peruntukan kewangan dari Kementerian-kementerian supaya cadangan-cadangan pembinaan jalan luar bandar dapat dibuat dalam masa yang lebih singkat.

Tuan Pengerusi, di Negeri Sarawak, kerja membina jalan raya di negeri itu sangat slow oleh Jabatan Kerajaan Negeri dan kebanyakan cadangan-cadangan pembinaan jalan tidak dapat dilaksanakan sama sekali oleh disebabkan ketiadaan peruntukan kewangan. Keduanya, kerana masalah-masalah Jabatan Kerjaraya Negeri itu sendiri yang sering mengadakan tender-tender sehingga tiga kali untuk sebatang jalanraya itu dapat dibina.

Tuan Pengerusi, masa menjawab soalan saya beberapa hari yang lalu, Timbalan Menteri Kerjaraya

mengatakan Kerajaan Negeri Sarawak dan JKR Sarawak pernah mengem-balikan wang peruntukan untuk mem-bina jalan raya di negeri itu kepada Kerajaan Pusat di tahun-tahun yang lepas kerana tidak dapat membelanjakan peruntukan kewangan itu. Dan di sini saya kata rakyat di Negeri Sarawak berasa keciwa kerana tindakan tingkah laku Jabatan Kerjaraya di Negeri Sarawak dan Menteri yang bertanggung-jawab atas Jabatan Kerjaraya Negeri itu begitu angkuh dan tidak mahu rakyat menikmati perhubungan dan peng-angkutan yang baik.

Tuan Pengerusi, di kawasan Parlimen saya, Julau ada sebatang jalan raya Persekutuan iaitu jalan dari Nanga Pekan ke Nanga Wak telah mulai dibina tahun 1982 dan dihentikan pembinaannya dalam tahun 1986 disebabkan ketiadaan peruntukan kewangan. Jalan ke Nanga Pekan ke Nanga Wak itu hingga hari ini masih dalam keadaan yang menyedihkan. Pembinaannya belum lagi disambung dan yang telah siap lebih kurang 7 batu pun tidak juga dimaintain selama ini. Di sini saya merayu supaya Kementerian Kerjaraya memperuntukan kewangan secara langsung untuk membina semula Jalan Nanga Pekan ke Nanga Wak itu supaya ia dapat dinikmati oleh rakyat setempat.

Tuan Pengerusi, Butiran 00700 mukasurat yang sama dengan anggaran kewangan \$18,500,030 untuk membina jalan lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan. Di sini saya mengesyorkan supaya jalan ke Simpang Pekan Julau hanya 3 batu panjangnya akan diturap dan 3 buah jambatan yang terletak di sepanjang jalan itu dibina semula iaitu Jalan Sungai Jikang, Jambatan Sungai Jikang, Jambatan Sungai Birah dan Jambatan Sungai Julau, Ketiga-tiga jambatan ini telah lama dan usang dan patutlah diganti dengan jambatan simen. Dengan itu, saya menyokong belanjawan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Lubuk Antu. Selepas itu Menteri akan menjawab.

8.52 *mlm.*

Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana peluang ini dan saya akan bercakap sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mukasurat 245, Maksud P. 52 butiran projek 04000 Tajuk (03) Jalan ke Projek Letrik Hidro yang diperuntukkan lebih \$2 juta tahun ini dan terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana peruntukan tersebut telah pun ditambah daripada \$1 1/2 juta tahun lalu dan sekarang melebihi \$2 juta.

Apa yang saya hendak perkatakan di sini ialah jalan tersebut adalah amat penting sekali khasnya kepada penduduk-penduduk Sarawak, memandangkan projek elektrik hidro di kawasan yang amatlah perlu dan juga amatlah penting sekali khasnya untuk bekalan-bekalan elektrik di kawasan bandar-bandar besar seperti Kuching dan Seri Aman. Jadi, memandangkan keperluan jalan tersebut, saya di sini kalau boleh ingin merayu kepada Timbalan Menteri berkenaan supaya peruntukan \$2 juta lebih ini ditambahkan lagi. Saya pun tidak tahu \$2 juta lebih itu untuk maksud maintenance ataupun

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, mukasurat berapa itu?

Tuan Jawah Anak Gerang: Mukasurat 245. Jadi, di sini saya ingin mengetahui sama ada peruntukan tersebut adalah untuk menurapkan jalan ataupun untuk maintain jalan tersebut. Kalau peruntukan tersebut adalah untuk hanya maintain jalan, peruntukan tersebut tidaklah mencukupi. Saya lebih merasa amat gembira sekali kalau Kementerian tersebut boleh menambahkan peruntukan tersebut kerana jalan hidro amatlah penting. Banyak pelancong-pelancong yang melawat kawasan hidro itu dan juga orang-orang dari Kuching yang datang melawat

kawasan tersebut juga menggunakan jalan raya itu.

Jadi, saya memohon supaya peruntukan tersebut bolehlah ditambahkan supaya jalan dari Simpang Lubok Antu ke Simpang Jalan kawasan Hidro dapatlah diturapkan. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri sila menjawab. Adakah jawapan itu panjang ataupun boleh dilunggulkan jawapan sekali?

8.55 *mlm.*

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Pengerusi, saya cuba memendikkan jawapan terhadap teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama turut membahaskan serta membuat beberapa teguran terhadap Kementerian Kerjaraya dan pihak kita akan mengambil perhatian yang berat mengenai semua teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan saya memohon maaf oleh kerana saya tidak dapat memberikan jawapan secara detail kepada teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan terhadap masalah anggaran yang diperuntukkan kepada Kementerian Kerjaraya ini.

Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah menyentuh mengenai bekalan air di negeri Kelantan. Pihak Kementerian Kerjaraya sentiasa memberikan perhatian kepada pelaksanaan rancangan-rancangan, khasnya skim bekalan air itu yang diluluskan supaya projek-projek yang berkaitan dijalankan dengan sempurna dan dapat memberi manfaat kepada penduduk-penduduk yang memerlukan bekalan air bersih di negara kita ini.

Mengenai kejadian banjir di Lebuh raya Rantau Panjang itu, pihak Kementerian akan mengkaji masalah yang dihadapi ini dan juga mengenai jalan di Kuala Krai/Gua Musang ke Kuala Lipis, pembaikan jalan dari Pagar ke Merapoh sedang dilaksanakan dan jalan-jalan lain akan diteliti dengan diperbaiki.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal ada menyentuh beberapa perkara iaitu mengenai jalan Butterworth-Kulim. Jalan tersebut telah diluluskan dan kerja-kerja untuk mengambil-alik tanah sedang diteliti dan dilaksanakan.

Perkara yang kedua yang beliau telah menyentuh ialah mengenai kemudahan infrastruktur. Kemudahan jalan-jalan ke kawasan industri dan pelabuhan akan diberi perhatian yang penting oleh pihak Kementerian Kerjaraya ini.

Perkara yang ketiga iaitu tentang pelaksanaan jalan dan titian. Perkara ini juga akan diberikan perhatian sebelum kita dapat membuat apa-apa rencana untuk meningkatkan taraf jalan tersebut.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Nibong Tebal bangun. Hendak beri jalankah, Yang Berhormat?

Tuan Luhut Wan: Boleh.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, apa yang saya maksudkan ialah Jambatan Nibong tebal yang sekarang ini pihak JKR telah membuat keputusan hendak menaikkan taraf untuk menyesuaikan dengan keadaan lalu-lintas. Jadi, mengikut Jabatan Kerjaraya, maka satu jambatan sementara akan dibina semasa jambatan lama dinaikkan taraf. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat, kalau dapat, menentukan bahawa jambatan sementara itu dapat menampung sekurang-kurangnya lalu-lintas motosikal dan kereta motor. Terima kasih.

Tuan Luhut Wan: Tuan Pengerusi, mengenai masalah yang telah pun dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat

itu, pihak saya akan membawa perkara ini untuk dibincangkan oleh pegawai-pegawai Kementerian supaya perhatian yang lebih mendalam akan dibuat dan kita dengan seboleh-bolehnya membuat jambatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengikut taraf yang baik untuk digunakan oleh penduduk-penduduk di tempat itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah skim untuk mengatasi kesesakan lalu-lintas Pulau Pinang, khususnya jalan ke Pelabuhan Butterworth yang dikatakan sesak tadi, projek jalan dari Kulim ke Butterworth akan dilaksanakan dalam tahun 1990 iaitu tahun baru. Beliau akan menyentuh mengenai jalan di Sungai Nyior ke Chain Ferry. Jalan ini belum dibina oleh sebab masalah setinggan di jalan tersebut dan projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membuat teguran terhadap lori-lori berat melalui jalan-jalan negeri. Sememangnya pihak Kementerian sedang meneliti perkara ini. Juga beliau ada menyentuh mengenai jambatan di Parit. Ini akan diberi perhatian oleh Kementerian. Ada juga diberi \$200 juta sebagai pinjaman Kerajaan kepada PLUS seperti dipersetujui dalam konsesi ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan menyentuh mengenai penjualan tiket konsesi untuk tol di Jambatan Pulau Pinang. Pada suatu ketika dahulu bagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Bagan saya sendiri telah menjawab soalan mengenai perkara ini di Dewan yang mulia ini dan sebab-sebab serta juga masalah-masalah yang dihadapi oleh Lembaga Lebuh raya Malaysia telah pun saya terangkan dengan jelasnya.

Di sini suka saya memberi sedikit keterangan lanjut terhadap perkara ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Tiket-tiket konsesi untuk tol di Jambatan Pulau Pinang pada masa sekarang adalah

mencukupi dan kekurangan stok yang terjadi pada bulan September yang lalu telah dapat diatasi dan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia yang bertanggungjawab ke atas pengurusan Jambatan Pulau Pinang ini sedang menyasiat penjualan tiket-tiket tol yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu dan pihak kita akan membuat penyiasatan terhadap perkara ini. Kalau-kalau ada penyelesaian yang berlaku pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perkara tersebut.

Cadangan untuk menurunkan kadar tol telah pun dibuat pada tahun lalu iaitu tahun 1988, tetapi tidak dapat diluluskan oleh Kerajaan setelah dirundingkan dengan pihak-pihak lain yang berkaitan khususnya Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bagan ada juga memberitahu bahawa beliau sendiri ada membeli tiket daripada pihak yang menjual tiket tol ini dan jikalau Yang Berhormat ini sendiri sedar bahawa keadaan yang begitu tidak baik ataupun tidak patut dibuat, janganlah dia sendiri juga pergi untuk membeli tiket-tiket yang disebutkan dalam Dewan ini. Mungkin juga beliau pergi membeli itu bukan oleh kerana dia memang memerlukan tiket tersebut bahkan supaya dia ada alasan untuk membuat tumpuan terhadap kita di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat dari Keluang, dia ada menyebut mengenai jejambat di Keluang dan juga beliau bertalu-talu mengatakan di sini Yang Berhormat Menteri yang sudah tidak ada lagi dalam Kementerian ini sudah membuat perjanjian dengan beliau dan penduduk-penduduk di situ. Ini kita tidak berapa sedarlah. Dalam perkara ini kita tidak dapat apa laporan yang official ataupun yang khas terhadap masalah ini, tetapi pihak Kementerian akan membuat kajian yang lebih teliti dahulu dan jika ada apa-apa masalah dari segi keutamaan, Kementerian akan mempertimbangkan

projek ini mungkin dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Ahli Yang Berhormat dari Serian ada membuat teguran mengenai para pekerja JKR di Sarawak yang sentiasa diangkut dengan menggunakan lori dan tidak menggunakan kereta yang lebih mewah lagi. Ini saya akan beritahu pihak Kerajaan Negeri Sarawak, kemungkinan mereka tidak ada mempunyai kenderaan yang lain untuk membawa kerana bukan mereka ini sedikit, kadang-kadang berpuluh-puluh orang. Jadi mungkin juga lori ini juga satu kenderaan yang sangat sesuai untuk mengangkut mereka ini. Saya ingat pada masa saya membuat practical work dahulu di waktu saya masuk training dalam agriculture dulu, saya pernah menaiki lori-lori ini juga dan pegawai-pegawai lain pun menaiki lori bersama-sama, oleh kerana kita tidak mempunyai kemudahan yang lain. Jadi bagaimana yang saya sebutkan tadi, saya akan membuat laporan kepada pihak JKR di negeri Sarawak dan kalau keadaannya begitu merbahaya kepada pekerja-pekerja ini, kita akan membuat alternatif lain untuk mencari kenderaan lain bagi mengangkut para pekerja ini.

Beliau juga ada menyentuh mengenai bekalan air. Bekalan air ini yang sebenarnya adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Sarawak tidak mahu mengambil peruntukan daripada Kerajaan Pusat oleh kerana peruntukan itu adalah diberi sebagai pinjaman dan Kerajaan Negeri Sarawak menganggap bahawa ia mempunyai cukup wang ringgit untuk melaksanakan apa-apa juga projek air di negeri Sarawak. Walaupun begitu, pihak Kerajaan Pusat ada juga menyediakan peruntukan untuk negeri Sarawak dan saya yakin pihak Kementerian akan dapat menghubungi JKR Negeri Sarawak dan jikalau dapat saya minta Yang Berhormat memberikan senarai keutamaan supaya Kementerian dapat bersama-sama berunding dengan pihak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan anggaran yang patut untuk pelaksanaan

berbagai-bagai projek yang diperlukan oleh pihak rakyat di negeri Sarawak termasuk juga bekalan air dan jalan raya.

Beliau menyentuh mengenai Jalan Amor. Jalan Amor ini untuk pengetahuan Yang Berhormat adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Sungguhpun begitu Kementerian ada mempunyai berbagai rancangan untuk perlaksanaan jalan-jalan ini untuk keperluan penduduk-penduduk di luar bandar dan saya yakin kita juga akan menghubungi JKR Sarawak untuk meneliti keadaan jalan Amor ini. Jika ada peruntukan kita akan memberikan perhatian yang berat atas masalah ini.

Yang Berhormat dari Maran ada menyentuh mengenai lebuh raya Kuala Lumpur/Kota Bahru. Buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan terhadap perkara ini. Mengenai Jalan Genting Highlands/Fraser's Hill, Kementerian sedang mengambil tindakan untuk melantik Juru Perunding membuat kajian bagi mendapatkan aliran jalan yang paling sesuai kerana Kerajaan tidak mahu menebang hutan secara besar-besaran untuk membuat jalan. Oleh kerana itu pihak Kementerian mestilah membuat kajian yang lebih teliti sebelum membuat jalan tersebut.

Jalan dari Kuantan ke Kuala Lumpur, beliau mengatakan perlu dinaikkan taraf, jalan ke Kuantan ke Gambang akan dilebarkan kepada jalan berkembar dalam tahun 1990 di bawah pinjaman Bank Dunia. Ini adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga ada menyentuh mengenai sebuah skim bekalan air, ini sedang dalam pelaksanaan di bawah projek Bekalan Air Luar Bandar, rancangan khas Antah Biwater yang akan siap pada akhir tahun 1990.

Yang Berhormat dari Maran juga ada menyentuh mengenai air seperti yang disebutkan tadi, Kementerian saya sedar akan masalah bekalan air di kawasan

Maran dan sedang menjalankan siasatan pada ketika ini supaya dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi itu. Pihak JKR Pahang yang bertanggungjawab atas operasi dan penyelenggaraan akan dihubungi tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sandakan iaitu mengenai kontrak jalan raya yang dikontrak oleh kontraktor Dae Woo sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, iaitu masalah jalan Package A1 dan A2 yang dilaksanakan oleh syarikat tersebut, pihak syarikat berkenaan telah diberikan amaran keras supaya menyiapkan projek berkenaan. Selepas lanjutan masa diberikan tindakan memansuhkan kontrak tersebut akan diambil jika syarikat tersebut masih menunjukkan prestasi yang lembab. Jika kontrak dimansuhkan, syarikat berkenaan akan diminta disenaraikan dalam senarai hitam (blacklisted).

Bagi projek-projek Bank Dunia, saya yakin syarikat berkenaan akan memberikan perhatian yang serius oleh kerana Kerajaan seboleh-bolehnya mengelakkan dari memansuhkan kontrak berkenaan. Ini kerana proses menender semula akan memakan masa dan kosnya akan meningkat. Walau bagaimanapun jika tidak ada jalan lain, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap perkara ini.

Saya dengar tadi Yang Berhormat itu juga membuat tuduhan terhadap pegawai-pegawai di Kementerian ini. Beliau menuduh bahawa pegawai-pegawai ini sentiasa pergi ke Sabah untuk melihat atau meninjau jalan-jalan yang baik sahaja, jalan yang buruk mereka tidak mempedulikan. Ini adalah tidak benar. Yang Berhormat itu tinggal di Sandakan dan tidak pernah pergi ke tempat lain, tetapi kami di Kementerian ada pergi melihat berbagai-bagai tempat. Dia yang tinggal di Sandakan hanya pandai membuat tuduhan melulu sahaja, dia sendiri tidak sedar keadaan yang sebenarnya di Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan meminta supaya peruntukan lebuh raya diambil sedikit. Kita tidak boleh buat begini. Yang Berhormat ini fikir boleh buat senang-senang sahaja, katanya kita ambil sebelah taruh di sebelah. Kita tidak boleh lakukan begitu, oleh kerana sebelum kita melancar atau melaksanakan mana-mana satu rancangan, harus diteliti dengan baik dan kita menganggarkan berapa ongkos rancangan itu barulah kita melancarkan rancangan tersebut. Kita tidak boleh buat seperti kata Yang Berhormat itu, tarik sebelah kiri hantarkan ke sebelah kanan atau tarik sebelah kanan hantarkan ke sebelah kiri.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ada menyentuh mengenai menaikkan taraf jalan-jalan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kriteria keutamaan di antaranya ialah masalah kesesakan jalan berkenaan dan kedua, peruntukan dari segi keutamaan tentang masalah yang dihadapi. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya pihak Kementerian menghubungi Wakil Rakyat supaya membuat cadangan mana jalan yang harus diberi keutamaan. Perkara ini kita akan ambil perhatian. Patut juga saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu kerana bila kita membuat sesuatu dalam kawasan pilihan raya kita, kalau silap sedikit tentu sekali Wakil Rakyat itu akan sentiasa didesak oleh penduduk-penduduk. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat dan saya haraplah Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa mengawasi kawasan sendiri supaya sempat membuat cadangan kepada Kementerian. Jangan pula kita sudah membuat proposal, lepas itu baru proposal yang lain pula datang dari pihak Ahli Yang Berhormat, ini nanti bercanggah dan ada kemungkinan besar ia akan melambatkan pelaksanaan perojek-projek tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu dia ada menyentuh mengenai pembinaan jalan dari Simpang Julau ke

Lubok Antu. Peruntukan lebih kurang \$2 juta untuk projek tersebut iaitu jalan yang menuju ke arah hidro itu ialah untuk membina beberapa bahagian di jalan berkenaan, bukan untuk maintenance. Ongkos untuk maintenance itu adalah lain daripada \$2 juta tersebut. Peruntukan \$2 juta ini bagaimana yang saya sebut tadi, ialah untuk membina beberapa bahagian jalan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ada menyebut juga mengenai bekalan air. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ini bahawa projek bekalan air ke Sungai Petani dibiayai oleh pinjaman Bank Pembangunan Asia atau ADB dan pinjaman Kerajaan Persekutuan. Tender-tender telah dibuat mengikut peraturan international competitive bidding, dengan izin, dan mengikut amalan biasa pihak ADB, pre-kelayakan atau pre-tender perlu dijalankan sebelum tender-tender dipelawa. Pada amalan biasa dalam penilaian tender, yang diterima perhatian diberi kepada kesanggupan kontraktor untuk menjalankan kerja serta tawaran yang rendah sekali. Tidak semestinya diterima jika kontraktor yang berkenaan tidak sanggup menjalankan kerja-kerja yang ditender itu.

Dalam projek bekalan air ini juga, kontraktor bagi kerja sivil (civil works) telah gagal menjalankan kerja dengan memuaskan dan kontrak itu telah dimansuhkan. Tender bagi kontrak itu telah dipelawa semula dan kerja ini sedang dijalankan oleh kontraktor yang baru. Projek ini dijangka siap pada tahun 1991 dan air akan dibekalkan ke kawasan bandar dan luar bandar seperti Pantai Merdeka apabila projek tersebut telah pun siap.

Jadi, Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang dapat saya sentuh dan saya sekali lagi memberi setinggi-tinggi terima kasih atas cadangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam membincangkan

anggaran yang diperuntukkan kepada Kementerian Kerjaraya. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$377,191,000 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerjaraya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$377,191,000 untuk Maksud B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak

\$1,851,168,570 yang disebutkan dalam Maksud P.52 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,851,168,570 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.